

**POLISI DAN STRATEGI PEMBANGUNAN
KEUSAHAWANAN MELALUI PROJEK PEMBASMIAN
KEMISKINAN DI PERBANDARAN (P2KP) KAJIAN
IMPLIKASI MASYARAKAT ISLAM DI CIREBON,
JAWA BARAT, INDONESIA**

NADISA ASTAWI

**JABATAN SYARIAH DAN PENGURUSAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
2011**

**POLISI DAN STRATEGI PEMBANGUNAN
KEUSAHAWANAN MELALUI PROJEK PEMBASMIAH
KEMISKINAN DI PERBANDARAN (P2KP) KAJIAN
IMPLIKASI MASYARAKAT ISLAM DI CIREBON,
JAWA BARAT, INDONESIA**

NADISA ASTAWI

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN PENGURUSAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
2011**

ABSTRAK

Tujuan penyelidikan ini adalah membincangkan polisi dan strategi pembangunan keusahawanan Islam, perhubungannya dengan projek pembasmian kemiskinan di perbandaran (*P2KP*) berdasarkan kepada Syariah untuk meningkatkan budaya keusahawanan di kalangan masyarakat, serta untuk mengetahui implikasi *P2KP* terhadap masyarakat Muslim, sama ada dari aspek ekonomi, sosial dan budaya di bandar Cirebon. Penyelidikan ini dilakukan dengan menggunakan kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif sama ada hasil observasi, temubual, soal selidik, mahupun kajian dokumentasi dianalisis dengan menggunakan analisis deduktif. Kemudian, hasilnya dianalisis dengan menggunakan perisian statistik iaitu SPSS 12.

Hasil dari penyelidikan ini membuktikan bahawa adanya peningkatan budaya keusahawanan, sehingga masyarakat dapat mengembalikan bantuan subsidi kewangan yang telah diberikan oleh kerajaan secara berperingkat. Hasil ini, juga menunjukkan bahawa terjalinnya hubungan yang baik dan terjalinnya kerjasama antara peniaga kecil, adanya keinginan yang kukuh untuk meningkatkan keusahawanan melalui *P2KP*, dan semakin bertambahnya kumpulan peniaga kecil. Hasil penyelidikan ini juga menunjukkan bahawa terdapat korelasi tiga pemboleh ubah yang sangat signifikan dan mempunyai pengaruh dalam kecenderungan budaya keusahawanan iaitu polisi dan strategi pembangunan keusahawanan, pelaksanaan *P2KP* dan implikasi masyarakat Islam di bandar Cirebon. Hal ini ditunjukkan dengan skor korelasi Pearsonnya lebih besar daripada 0.01 pada tingkat kepercayaan 99 peratus.

Korelasi pembolehubah antara polisi dan strategi dengan pelaksanaan *P2KP* adalah 0.694 pada tingkat kepercayaan 99 peratus. Manakala korelasi *P2KP* dengan implikasi masyarakat adalah 0.620 pada tingkat kepercayaan 99 peratus. Sementara itu, nilai korelasi antara polisi dan strategi dengan implikasi masyarakat adalah 0.631 pada tingkat kepercayaan 99 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa polisi dan strategi pembangunan keusahawanan dengan pelaksanaan *P2KP* dan implikasi masyarakat sangat berhubungkait tetapi korelasinya adalah sederhana. Hasil dari penyelidikan ini menunjukkan bahawa adanya kesan sederhana yang signifikan, sama ada dari aspek ekonomi, sosial dan budaya terhadap masyarakat di bandar Cirebon. Keputusan dari penelitian ini diharapkan dapat memberikan gambaran secara umum tentang pentingnya keusahawanan terhadap masyarakat, khususnya di bandar Cirebon, untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan.

ABSTRACT

The main aim of this study is to discuss the policy and development strategies of Islamic entrepreneurship and corelation by P2KP based on Shariah in order to improve enterprenuership culture in the society, to assess its implication, to analyze the efficiency of P2KP toward Muslim society from the aspects of economy, social and culture in Cirebon. This study was conducted using mixed method qualitative and quantitative, such as observations, interviews, questionnaires and documented studies using deductive analysis method. Futhermore, the results were investigated using a statistical software namely SPSS 12.

The result indicated that there was an increment in the business culture, so that the society could return back the financial assistances given by government gradually. The results also indicated that a good relationship and cooperation among small businesess were erected, there is a strong desire to improve enterprenuership skill through P2KP, and the improvement of small businesess. Furthermore, results show that there were a significant correlation between the three variables with the tendency of entrepreneurship culture which are the policy and development strategies of Islamic entrepreneurship, P2KP and implication towards the society in Cirebon. This is proven by the value of Pearson correlation that is higher than 0.01 at 99% of confidence level. Results show that there were significant positive influences, in terms of economy, social, and culture, towards the society in Cirebon. Hopefully, this study provides a factual image on the importance of enterprenuership to the society, especially to the society in Cirebon in order to improve their enterprenuership skill.

The variable correlation between the implementation of policies and strategies P2KP is 0.694 at 99 percent confidence level. Meanwhile, the implications for society P2KP correlation is 0.620 at 99 percent confidence level. However, the correlation between policy and strategy with implications for society are 0.631 at 99 percent confidence level. This suggests that entrepreneurship development policies and strategies to the implementation and implications P2KP society is related but the correlation was moderate. The results of this study show that the simple effect is significant, whether of economic, social and cultural community in the city of Cirebon. Results from this study can provide a general overview of the importance of entrepreneurship to society, especially in the city of Cirebon, to enhance entrepreneurial skills.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ。الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ。وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى
أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰهُ وَصَاحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ۔

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT yang memberikan rahmat dan semangat kepada penulis untuk mempelajari dan mendalami ilmu tentang muamalah Islam, khasnya tentang ekonomi Islam sehingga memberi dorongan kepada penulis untuk melakukan kajian ini. Syukur kepada Allah SWT kerana dengan *tawfiq*, ‘inayah dan rahmatNya penulis telah berjaya menyelesaikan disertasi bertajuk “*Polisi Dan Strategi Pembangunan Keusahawanan Melalui Projek Pembasmian Kemiskinan Di Perbandaran (P2KP) Kajian Implikasi Masyarakat Islam Di Cirebon, Jawa Barat, Indonesia*”.

Salawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad SAW, ahli keluarganya, sahabat-sahabatnya dan sesiapa yang mengikuti mereka dengan ikhlas hingga ke hari kiamat.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terhutang budi kepada Bekas Ketua Jabatan Prof. Madya Abdul Mu'min Abd. Ghani dan bekas penyelia penulis Encik Suhaili Sarif dan Encik Mohd. Abdul Wahab Fatoni, serta penyelia penulis sekarang Dr. Ilhaamie Abdul Ghani Azmi yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan membimbangi penulis serta memperbaiki segala kelemahan-kelemahan yang ada, sehingga disertasi ini dapat selesai dan tersusun seperti sekarang ini. Penulis sangat berterima kasih atas segala usaha yang beliau berikan. Semoga segala sumbangan ikhlas mereka kepada penulis diberikan pahala berlipat ganda oleh Allah SWT.

Ucapan terima kasih yang terhingga kepada Ketua Pengarah Pasukan Pengetua P2KP Konsultan Pengurusan Wilayah Negeri Jawa Barat, Penggerusi P2KP bandar Cirebon yang telah meluangkan masa untuk menjawab soalan-soalan yang penulis hantar ke pejabatnya sehingga dapat menyiapkan dan melengkapi data-data yang penulis perlukan. Tanpa bantuan mereka, penulis tidak mungkin dapat menyelesaikan disertasi ini.

Setinggi-tingginya penghargaan yang tidak terhingga juga diberikan kepada Ibunda Hj. Markani, Ayahanda H. Astawi Syamsudin, Ibunda Sofa, Ayahanda Kerta Kusuma yang telah banyak serta tidak putus-putus memberi galakan sama ada berbentuk spiritual doa, nasihat, serta semangat kepada penulis dalam perjuangan hidup ini amnya dan melayari dunia akademik khususnya.

Setinggi-tingginya penghargaan yang melimpah juga diberikan kepada yang teristimewa isteri tercinta dan tersayang, Uus Kusriana S.Sos yang dengan cinta, kasih sayang, pengertian, dan kesabarannya mengurus anak seorang diri kerana memahami tanggung jawab suami sebagai insan akademik. Permata hati kami yang pertama, Ananda “Nabilah Fathiyyah Rachma” yang dengan kelincahannya telah memberi

motivasi kepada penulis belajar banyak hal. Serta calon permata hati penulis yang kedua yang masih dalam kandungan, penulis termotivasi untuk secepatnya menyelesaikan kajian ini.

Setinggi-tingginya terima kasih juga penulis berikan kepada para ustaz, para pensyarah yang telah berjasa kepada penulis dalam membentuk keperibadian sehingga penulis sampai ke saat ini. Juga para *Musannif al mukhlisin* yang kitab dan ilmunya diserap dan dirujuk oleh penulis.

Setinggi-tingginya terima kasih penulis berikan kepada Dato' Zaghlul Bekas Penggerusi TNB, Tuan Nur Ahmadi Jawatan Ahli Bank RHB, Tuan Hj. Zainudin Pegawai Petronas, Tuan Dan Puan Jamaah Surau Al Naimah Kelana Jaya, Teman-Teman Pengurus NU Cabang Malaysia dan yang lainnya yang telah memberi motivasi dan bantuan kepada penulis untuk secepatnya menyelesaikan kajian ini.

Setinggi-tingginya terima kasih penulis berikan kepada saudara-saudara yang ada di tanah air seperti; Kakanda Sahati, Abang Bagjo, Kakanda Mutiwati, Abang Suganda, Adinda Wasiri, Dede Fitra, Wanti Nur Halimah, Purwanto, Adinda Ade Komariah, Adinda Ibnu Fajar, Ayu, Raudhotul Jannah, Adinda Iis Sopiawati, Saiful Bahri dan Farah Fayda Amira yang telah memberi motivasi, bantuan material dan spiritual kepada penulis untuk menyelesaikan studi ini.

Setinggi-tingginya ucapan terima kasih penulis berikan kepada kawan-kawan terdekat : H. Paturohman, MSh., H. Amin Maulana MUs., H. Khaerun Imam, Lc., H. Abdul Muiz, Shi., H. Dawam Bukhori, Shi., H. Cholil Nafis, P.hd., H. Ahmad Haris, Lc., Muhammad, S.Si., M.Eng.Sc., Munawar Khalil, S.Si, M.Eng.Sc., Andrean Pramana Putra B. Sc, dan teman-teman Universiti Malaya, Persatuan Pelajar Indonesia se-Malaysia yang tidak dapat penulis sebutkan, yang telah memberi bantuan baik secara material atau spiritual kepada penulis sehingga penulis dapat menyelesaikan kajian di Program Ijazah Tinggi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Akhir kata, jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terbabit secara langsung atau tidak langsung dalam semua perkara berkaitan rujukan, ilmu pengetahuan dan panduan yang tidak terhingga dan tidak terbatas. Semoga segala sumbangan, bantuan, doa, motivasi, bimbingan, dan seliaan kalian semua diberkati dan mendapat balasan dari Allah SWT serta mendapat pahala yang berlipat. Semoga ilmu yang penulis peroleh bermanfaat di dunia dan akhirat. Amin.

**H. Nadisa Astawi, Lc.
Alamat: Sirnabaya- Gunung Jati
Cirebon- Jawa Barat- Indonesia**

**Jabatan Syariah dan Pengurusan
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya**

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
HALAMAN JUDUL	ii
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN.....	vi
ISI KANDUNGAN.....	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH.....	xiii
SENARAI GAMBAR	xiv
SENARAI KEPENDEKAN.....	xv
SENARAI PERISTILAHAN	xvii
PANDUAN TRANSLITERASI	xviii
 BAB I PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Huraian Kajian	11
1.8 Kajian Lepas	15
2.9 Metodologi Kajian	26
1.9.1 Metode Pengumpulan Data	27
1.9.2 Metode Analisis Data	39
1.10 Sistematika Penulisan	42
 BAB II ULASAN KAJIAN	44
2.1 Pengenalan	44
2.2 Definisi Keusahawanan	44
2.2.1 Definisi Keusahawanan Perspektif Islam.....	48
2.2.2 Landasan Hukum Islam Terhadap Keusahawanan.....	49
2.3 Pembangunan Keusahawanan Islam	59
2.3.1 Asas-asas Pembangunan Keusahawanan Islam	62
2.3.2 Pembangunan Keusahawanan Menurut Islam.....	64
2.3.3 Implikasi Keusahawan Islam.....	69
2.4 Projek Pembasmian Kemiskinan Di Perbandaran (P2KP)	74
2.4.1 Latar Belakang P2KP	76
2.4.2 Struktur Organisasi Projek	78
2.5 Pembangunan Keusahawanan Melalui P2KP	83
2.5.1 Polisi Pembangunan Keusahawanan Islam.....	84
2.5.2 Strategi	92
2.5.3 Pendekatan.....	93
2.6 Kesimpulan	96

BAB III LOKASI KAJIAN	98
3.1 Pengenalan	98
3.2 Letak Geografi Bandar Cirebon.....	98
3.3 Sejarah Nama Bandar Cirebon	100
3.4 Perkembangan Bandar Cirebon	100
3.5 Kemudahan Fizikal Perbandaran	103
3.5.1 Kemudahan Perhubungan	104
3.5.2 Pasar Raya	106
3.5.3 Kemudahan Pendidikan	107
3.5.4 Tempat Pelancongan.....	107
3.6 Struktur Kerajaan dan Pentadbiran.....	108
3.7 Pertumbuhan Penduduk dan Sumber Pendapatan Masyarakat	113
3.7.1 Jumlah Penduduk Dan Perkembangannya	113
3.7.2 Sumber Pendapatan Masyarakat.....	117
3.8 Kesimpulan	122
BAB IV DAPATAN KAJIAN	124
4.1 Pengenalan	124
4.2 Profil Responden	124
4.2.1 Profil Responden Berdasarkan Lokasi dan Jantina	124
4.2.2 Profil Responden Berdasarkan Lokasi dan Umur	126
4.2.3 Profil Responden Berdasarkan Lokasi dan Pekerjaan	127
4.3 Pelaksanaan P2KP Di Bandar Cirebon.....	128
4.3.1 Kesesuaian Dalam Proses Penyelarasian P2KP	129
4.3.2 Pembentukan BKM	129
4.3.3 Pembentukan KSM	130
4.3.4 Peranan Ketua KSM terhadap anggota KSM dalam Pelaksanaan P2KP.....	131
4.3.5 Tingkat Pendapatan Responden Anggota KSM	131
4.4 Pelaksanaan Program Dan Perkembangan P2KP Di Bandar Cirebon	132
4.5 Polisi dan Strategi Pemerintah Dalam Pembangunan Keusahawanan di Bandar Cirebon	139
4.6 Implikasi Polisi Dan Strategi Pembangunan Keusahawanan Ke Atas Masyarakat Bandar Cirebon	146
4.7 Implikasi P2KP Terhadap Masyarakat Bandar Cirebon Dalam Perspektif Islam	151
4.7.1 Implikasi Ekonomi.....	151
4.7.2 Implikasi Sosial	152
4.7.3 Implikasi Budaya.....	153
4.8 Analisis Data Korelasi Polisi dan Strategi Pembangunan Keusahawanan Dengan Pelaksanaan P2KP.....	154
4.9 Analisis Data Korelasi Pelaksanaan P2KP Dengan Implikasi Terhadap Masyarakat Cirebon.....	155
4.10 Analisis Data Korelasi Polisi Dan Strategi Pembangunan Keusahawanan Dengan Implikasi P2KP Terhadap Masyarakat ..	155
4.11 Kesimpulan	157

BAB V PENUTUP	162
5.1 Kesimpulan	162
5.2 Cadangan dan Saranan	174
BIBLIOGRAFI	179
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 1.1	Komposisi Responden Mengikut Lokasi Dan Jantina	32
Jadual 2.1	Perbezaan antara Usahawan dan Peniaga.....	48
Jadual 3.1	Senarai Pasar Beli Belah Menurut Kelas Di Bandar Cirebon Tahun 2007	106
Jadual 3.2	Fasiliti Pelancongan Di Bandar Cirebon Tahun 2007.....	108
Jadual 3.3	Pegawai Kerajaan Bandar Cirebon Menurut Tingkat Pendidikan Tahun 2008	110
Jadual 3.4	Peratus Anggota DPRD (Wakil Rakyat) Menurut Parti Kerajaan Di Bandar Cirebon Tahun 200	111
Jadual 3.5	Jumlah Penduduk Bandar Cirebon Menurut Agama Tahun 2008	114
Jadual 3.6	Jumlah Penduduk Bandar Cirebon Menurut Kelurahan dan Jantina Pada Tahun 2008	115
Jadual 3.7	Jumlah Akhir Penduduk Bandar Cirebon Menurut Kelompok Umur, Jantina Tahun 2008	116
Jadual 3.8	Jumlah Akhir Penduduk Bandar Cirebon Menurut Kawasan dan Jantina Tahun 2008.....	117
Jadual 3.9	Penduduk 10 Tahun Berdasarkan Data Pekerjaan Asas Tahun 2004-2007	118
Jadual 3.10	Pengeluaran Tanaman Bandar Cirebon Tahun 2004-2007.....	119
Jadual 4.1	Responden Mengikut Lokasi Dan Jantina.....	126
Jadual 4.2	Responden Mengikut Lokasi Dan Umur.....	127
Jadual 4.3	Responden Mengikut Lokasi Dan Pekerjaan.....	128
Jadual 4.4	Proses Mengikuti Perkembangan P2KP.....	133
Jadual 4.5	Masyarakat Bandar Cirebon Mengetahui Secara Pasti Projek P2KP	134
Jadual 4.6	P2KP adalah model pertama pembangunan keusahawanan di Bandar Cirebon	135
Jadual 4.7	Pelaksanaan P2KP Bermula Tahun 2003	135
Jadual 4.8	P2KP Sebagai Bukti Keberkesanan Bagi Pembangunan Keusahawanan.....	136
Jadual 4.9	Masa Pengembalian Pinjaman Dihadkan Untuk Para Peniaga Sederhana.....	137
Jadual 4.10	P2KP Berjaya Membentuk Kumpulan Peniaga Sederhana.....	137
Jadual 4.11	P2KP Berjaya Membangun Budaya Keusahawanan.....	138
Jadual 4.12	Kerajaan Menyokong Program P2KP di Masyarakat	139
Jadual 4.13	Komposisi Responden Mengikut Lokasi Dan Jantina	140
Jadual 4.14	Pengenalan dan pelaksanaan P2KP di Bandar Cirebon	141
Jadual 4.15	Sokongan Kerajaan Terhadap Pembangunan Keusahawanan Melalui Skim P2KP Di Bandar Cirebon.....	142
Jadual 4.16	P2KP Di Bandar Cirebon Merupakan Skim Daripada Kerajaan Pusat Negara Indonesia.....	143
Jadual 4.17	Skim P2KP memberikan kemudahan Kepada Usahawan	144

Jadual 4.18 Perhatian Kerajaan Terhadap Pelaksanaan P2KP Di Bandar Cirebon.....	144
Jadual 4.19 Bengkel Keusahawanan.....	145
Jadual 4.20 Peningkatan Para Peniaga Meminjam Modal daripada P2KP	146
Jadual 4.21 Peningkatan Pendapatan Masyarakat Setelah Mendapat Modal daripada P2KP.....	147
Jadual 4.22 Usahawan Merasa Terbantu Dengan Skim P2KP.....	147
Jadual 4.23 Masyarakat Semakin Mandiri Tanpa Bantuan P2KP.....	148
Jadual 4.24 Pinjaman Daripada P2KP Untuk Modal Berniaga.....	148
Jadual 4.25 Masyarakat Bandar Cirebon Mempunyai Semangat Keusahawanan.....	149
Jadual 4.26 Meningkat kesedaran untuk membasmi budaya kemiskinan melalui P2KP	150
Jadual 4.27 Keberkesanan P2KP Terhadap Masyarakat Bandar Cirebon	150
Jadual 4.28 Analisa Deskriptif Korelasi	156
Jadual 4.29 Dapatan Kajian Korelasi.....	157

SENARAI RAJAH

	Muka surat	
Rajah 2.1	Struktur Hubungan kerja Pelaksanaan P2KP	80
Rajah 2.2	Struktur Organisasi Pelaksanaan P2KP	81

SENARAI GAMBAR

Muka surat

Gambar 3.1 Peta Bandar Raya Cirebon

99

SENARAI KEPENDEKAN

AD	: Anggaran Dasar
ART	: Anggaran Rumah Tangga
Bappeda	: Badan Pengawas Daerah
Bappenas	: Badan Pengawas Pembangunan Nasional
BKM	: Badan Kemandirian Masyarakat
BLM	: Bantuan Langsung Masyarakat
BPKP	: Badan Pengawasan Kewangan Pemerintah
DPRD	: Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (<i>Wakil Rakyat</i>)
Golkar	: Parti Golongan Karya
HR	: Hadith Riwayah
IDT	: Program Inpres Desa Tertinggal
JPS	: Jaringan Pengaman Sosial
Kabag	: Ketua Bahagian
Kader	: Generasi masyarakat sukarelawan
Kimpraswil	: Departmen Permukiman Sarana dan Prasarana Lingkungan
KMP	: Konsultan Management Pusat
KMW	: Konsultan Management Wilayah
KPPLN	: Kantor Perkhidmatan Pajak Lelong Negara
KSM	: Kelompok Swadaya Masyarakat
KUT	: Kredit Usaha Tani
LKM	: Lembaga Kewangan Mikro
NGO	: Organisasi bukan Kerajaan
Orba	: Orde Baru
P2KP	: Projek Pembasmian Kemiskinan di Perbandaran
PAN	: Parti Amanah Nasional
PDIP	: Parti Demokrasi Indonesia Perjuangan
Pemda	: Pemerintah Daerah
PJOK	: Penanggungjawab Operasional Kegiatan
PKB	: Parti Kebangkitan Bangsa
PKP	: Program Padat Karya Perbandaran
PKS	: Parti Keadilan Sejahtera
PMU	: Projek Management Unit

PNPM	: Projek Nasional Pemerksaan Masyarakat
PPK	: Program Pengembangan Kecamatan (Kawasan)
PT	: Perseroan Terbatas (Sendirian Berhad)
PU	: Pekerjaan Umum
PUSA	: Pusat Satu Atap
QS	: Qur'an Surah
RA	: Radiyah Allah 'anhу
RÀ	: Radiyah Allah 'anhâ
RAPB	: Rencana Anggaran Pendapatan dan Belanja
RM	: Ringgit Malaysia
RT	: Rukun Tetangga
RW	: Rukun Warga
S.Pd.	: Sarjana Pendidikan
S/d	: Sampai dengan
SAW	: Salallah 'Alaih Wassalam
SD	: Sekolah Rendah
SK	: Surat Keputusan
SMA	: Sekolah Menengah Kebangsaan
SMP	: Sekolah Menengah Pertama
SOP	: Standard Pentadbiran Prosedur
STL	: Sub Team Leader (Ketua Pasukan Cawangan)
SWK	: Satuan Wilayah Kerja
SWT	: Subhanahu Wa Ta'ala
TPK	: Tenaga Pendamping Kelompok
UIN	: Universitas Islam Negeri
UKM	: Unit Kredit Menengah
UPK	: Unit Pengelolaan Kewangan
UUD 1945	: Undang-undang Dasar Tahun 1945

SENARAI PERISTILAHAN

Bergulir	: Bergiliran
Biaya non operasional	: Biaya bukan pengurusan atau pelaksanaan
Dana	: Biaya
Dicairkan	: Diberikan
Dinas	: Departmen
Indikator	: Kadar atau Ukuran
Kader	: Sukarelawan yang berasal dari masing-masing kampung
Kantor	: Pejabat
Kebijakan	: Polisi
Kinerja	: Sistem kerja atau model kerja serta cara kerja
Kotamadya	: Ibu kota bandar raya
Manajer	: Pengerusi Jawatan Ahli
Pemupukan	: Pembinaan
Pengelolaan	: Pentadbiran
Penyusutan inventaris	: Pengurangan harta benda
Rapat	: Mesyuarat
Rekening	: Akaun
Saldo	: Laba atau keuntungan yang diperolehi
Sekretariat	: Pejabat Pentadbiran
Skema	: Carta atau struktur
Sub Team Leader	: Ketua Pasukan Cawangan
Tunggakan	: Yang perlu dibayar

PANDUAN TRANSLITERASI

Huruf Arab	Transkripsi	Huruf Arab	Transkripsi
ء	a, ' (hamzah)	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	هـ	h
س	s	و	w
ش	sh	يـ	y
ص	s	ةـ	h
ضـ	d		

Vokal Panjang

ل	a
و	u
ي	i

Vokal Pendek

— : Fathah	a
— : Dammah	u
— : Kasrah	i

Diftong

و	aw
ي	ay
يَ	iy/i
وُ	uww

Catatan:

Istilah atau perkataan Bahasa Arab yang sudah diserap ke dalam Bahasa Malaysia ditulis menurut Bahasa Malaysia; walaupun demikian kadangkala ditulis dalam bahasa asalnya mengikut keperluan penulis.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Menyingkap sejarah tamadun manusia, nilai keusahawanan telah lama dipraktikkan. Namun begitu, perdagangan pada masa dahulu kekurangan kemudahan asas. Ini menyebabkan keusahawanan memainkan peranan penting dalam pembangunan satu negara dan tamadun terhadap manusia. Sikap dan amalan mereka dalam melakukan perdagangan tersebut yang kemudiannya dipanggil sebagai usahawan pada hari ini gemar mengambil sebarang risiko. Orang yang mempunyai risiko dalam perniagaannya adalah seperti petani, peternak, peniaga besar atau kecil dan lain-lain.

Usahawan memiliki usaha tunggal iaitu seorang yang membeli barang pada harga semula atau menahan pada masa tertentu dan menjual hasilnya dalam masa tertentu juga. Maka boleh dikatakan bahawa usahawan itu ialah agen perubahan kerana mereka mencipta produk, proses dan sistem baru.¹Tanpa keusahawanan, mereka tidak akan dapat maju dan berdaya saing, termasuk juga bagi memainkan peranan dalam pembangunan satu negara dan tamadun manusia.

Bagaimanapun, apa sebenarnya keusahawanan dan mengapa pada hari ini, istilah keusahawanan sering menjadi perbualan daripada peringkat pemerintah menggubal dasar sampai peringkat buruh yang melaksanakan pelbagai kerja. Kemajuan dalam individu terutama pembangunan usahawan, bergantung ke atas manusia dalam mengejar peluang-peluang keusahawannya. Ia merupakan pembangunan kompetitif

¹ Abd. Aziz Yusof (tt), *Usahawan dan Keusahawanan*, Kuala Lumpur: Prentice Hall, h. 17.

dalam satu Negara iaitu perlembagaan dengan individu atau institusi, lembaga kerajaan atau swasta dalam menciptakan pekerjaan. Isu pembangunan keusahawanan amat mustahak dan berisas, sebagai teras kemajuan dalam mencapai kegemilangan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada tahun 1997, pemerintahan Orde Baru (Orba) yang dipimpin oleh Presiden Soeharto telah mengalami krisis kewangan sehingga krisis itu berimpak kepada krisis politik dan ekonomi. Rentetan daripada itu, berlakulah krisis baru iaitu krisis kemiskinan sosial. Secara fizikal, jumlah kemiskinan diketahui dengan meningkatnya jumlah penduduk yang mengalami kemiskinan dengan disertai jumlah penduduk yang tidak mempunyai pekerjaan (pengangguran) semakin meningkat sebanyak 24.2 peratus atau 11.63 juta dari jumlah penduduk 208 juta orang.²

Kemiskinan secara mental yang diakibatkan oleh krisis kewangan berlaku sampai sekarang iaitu kemiskinan moral, etika dan akhlak. Sehubungan itu, kesan bangsa Indonesia sekarang mengalami kemiskinan itu boleh dilihat dari dua sudut iaitu fizikal dan mental. Masalah kemiskinan mental itu sangat dirasakan oleh masyarakat Indonesia di mana rasuah semakin meningkat di kalangan para pejabat kerajaan baik di pusat ataupun di kawasan. Ini menyebabkan penyelesaiannya memerlukan kerja keras untuk membasmikannya.³

Kemiskinan yang sedang dialami oleh bangsa Indonesia untuk saat sekarang ini iaitu adalah berkaitan dengan kemiskinan material di mana sebahagian rakyat Indonesia mengalami serba kekurangan keperluan asas, pendapatan, pengetahuan keterampilan,

² Azyumardi Azra (2006), *Kata Pengantar Dalam Buku Bachtiar Chamsyah Dengan Tajuknya: Teologi Pembasmian Kemiskinan*, cet.1, Jakarta: P.T. Wahana Semesta Intermedia, h. XIII.

³ *Ibid.*, h. XIII.

produktiviti, nilai tukar hasil produktiviti orang miskin dan terhadnya kesempatan beraktiviti untuk ikut serta dalam pembangunan.⁴

Kemiskinan bukan hanya kerana impak dari krisis kewangan tetapi kemiskinan juga boleh terjadi akibat daripada bencana alam seperti yang berlaku pada akhir tahun 2004 dan awal 2005, di mana Indonesia mengalami bencana tsunami khususnya di Aceh dan Sumatera Utara sehingga mengalami kerugian berbilion-bilion rupiah, beratus ribu orang meninggal dan struktur bangunan, serta mata pencarian semua musnah. Beratnya penderitaan yang dialami oleh saudara-saudara kita itu sangat mempengaruhi perkembangan berekonomi di seluruh negara Indonesia.⁵

Akibat semua krisis dan bencana alam itu, maka semakin bertambah angka kemiskinan penduduk Indonesia iaitu sebanyak 16.58 peratus atau 7.60 juta orang dari jumlah penduduk sebanyak 218 juta orang. Maka, negara Indonesia cuba untuk membasmi atau mengurangkan angka kemiskinan berdasarkan amanat konstitusional bagi pencapaian tujuan nasional, sebagaimana tercantum dalam Pembukaan dan Batang Tubuh Undang-Undang Dasar 1945 (UUD45). Dalam program pembangunan nasional 2001-2005 itu, dijelaskan bahawa kemiskinan iaitu sudah menjadi masalah nasional dan penyelesaiannya sudah tidak boleh ditunda-tunda lagi. Sehubungan itu, penyelesaian kemiskinan itu mesti dijadikan prioriti utama dalam pelaksanaan pembangunan nasional.⁶

⁴ Bachtiar Chamsyah (2006), *Teologi Pembasmian Kemiskinan*, cet.1, Jakarta: P.T. Wahana Semesta Intermedia, h. 16.

⁵ Zulkarnain (2006), *Kewirausahaan Strategi Pemberdayaan Usaha Kecil Menengah Dan Penduduk Miskin*, Yogyakarta: Adicita Karya Nusa, h. 93.

⁶ Misbahul Ulum et. al. (2007), *Strategi Pemberdayaan Masyarakat Miskin, Model-Model Kesejahteraan Sosial Islam: Perspektif Normatif Filosofis Dan Praktis*, cet.1, Yogyakarta: Penerbit Fakulti Dakwah Jabatan Pengembangan Masyarakat Islam, h. 116.

Dalam pembasmian kemiskinan itu, negara Indonesia telah dan sedang melaksanakan beberapa program pembasmian kemiskinan iaitu: Program Inpres Desa Tertinggal (IDT),⁷ Program Pengembangan Kecamatan (Kawasan) (PPK), Program Kredit Usaha Tani (KUT), Program Padat Karya Perbandaran (PKP), Program Biasiswa dan Dana Biaya Operasional Pendidikan Rendah dan Menengah (JPS-Bidang Pendidikan), Program JPS (Jaringan Pengaman Sosial) Bidang Kesihatan, Projek Pembasmian Kemiskinan Perbandaran (P2KP), dan sebagainya.⁸

Pemerintah Indonesia telah mempersiapkan dana untuk membasi kemiskinan itu yang mana sudah dimasukkan dalam bajet pembelanjaan negara. Baik bajet pembelanjaan kerajaan Pusat, Negeri atau bandar itu mesti memasukkan anggaran dana untuk mengurangkan atau membasi kemiskinan. Dalam hal ini, ada dana yang khusus diperuntukan untuk membasi kemiskinan itu berupa Bantuan Langsung Masyarakat (BLM). BLM hanya diperuntukkan untuk tiga aspek sahaja, iaitu; *pertama*, bantuan dana untuk pembangunan fizikal, *kedua*, bantuan dana sosial dan *ketiga*, bantuan dana ekonomi peniaga kecil.⁹

Dalam peruntukkan Bantuan Langsung Masyarakat (BLM) itu, penulis lebih memilih program yang sedang dijalankan oleh pemerintah iaitu program projek pembasmian kemiskinan di perbandaran (P2KP). Program ini merupakan projek pemerintah yang secara asasnya cuba untuk memperkasakan atau membuat mandiri bagi masyarakat sebagai rakyat yang melakukan pembangunan di kawasan atau negerinya, termasuk pemerintah luar bandar dan kelompok masyarakat yang berminat atau yang

⁷ Maksudnya program atau skim yang telah persetujui oleh Presiden tentang pembangunan terhadap desa yang tertinggal atau belum naik taraf pada sebuah desa yang maju.

⁸ Misbahul Ulum et. al. (2007), *op.cit.*, h. 117.

⁹ Tim Pengawalan PNPM (2007), *Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat*, Jakarta: Kementerian Pekerjaan Umum, h. 36.

ambil berat. Sehingga boleh dibangunkan gerakan bersama dalam membasmikan kemiskinan secara mandiri dan berterusan.¹⁰

Tahap awal pelaksanaan P2KP ialah pelaku-pelaku pemerintah Konsultan Menejemen Pusat (KMP) dan Konsultan Menejemen Wilayah (KMW) mesti memasyarakatkan atau memberi taklimat kepada masyarakat khususnya masyarakat di wilayah bandar itu tentang program P2KP yang akan dijalankan itu. Strategi pemasyarakatkan program P2KP itu melalui dua jalur iaitu; jalur periklanan dan jalur penerangan pada masyarakat langsung.¹¹

Tahap kedua iaitu tahap persiapan dilakukan dengan beberapa kegiatan yang mana pada prinsipnya berupaya untuk mengembangkan wacana diskusi pembasmian kemiskinan. Kemudian, tahap selanjutnya iaitu tahap peluncuran dilakukan beberapa kegiatan yang pada prinsipnya bertujuan untuk menarik minat seluruh masyarakat mengenai adanya program P2KP bagi mengatasi persoalan kemiskinan secara terpadu yang digerakkan oleh Kementerian Pemukiman Dan Prasarana Wilayah (KIMPRASWIL) beserta Bank Dunia.¹²

Setelah masyarakat perbandaran memahami fungsi dan manfaat P2KP itu, masyarakat membentuk organisasi masyarakat warga iaitu Badan Kemandirian Masyarakat (BKM). Kemudian, BKM menyusun program kegiatan usaha yang akan dijalankan oleh kelompok masyarakat. Selepas itu, masyarakat boleh dapat

¹⁰ Direktorat Jendral Perumahan Dan Pemukiman (2007), *Projek Pembasmian Kemiskinan Di Perkotaan (P2KP)*, Jakarta: Kementerian Permukiman Dan Prasarana Wilayah, h. 1

¹¹ *Ibid.*, h. 5.

¹² *Ibid.*

memanfaatkan dana bantuan secara langsung dari pemerintah, hasil kerjasama dengan Bank Dunia itu.¹³

1.3 Permasalahan Kajian

Cirebon merupakan sebuah bandar yang sangat maju sehingga Cirebon terbahagi kepada dua kawasan iaitu bandar raya Cirebon dan wilayah bandar Cirebon. Di masa hadapan, bandar Cirebon akan dijadikan sebagai Ibu Negeri Cirebon dengan mencakupi beberapa bandar raya dan bandar. Ini kerana ia mempunyai potensi yang sudah memenuhi syarat bagi menjadikannya sebagai pusat bandar raya Cirebon (*Negeri Cirebon*). Kemajuan pusat bandar Cirebon yang perlu menjadi perhatian adalah berkenaan keusahawanan iaitu satu perkara yang sudah menjadi amalan yang sedang dilaksanakan oleh beberapa masyarakat Cirebon.

Keusahawanan adalah satu konsep usaha dalam mencari pendapatan yang paling baik dilihat daripada konsep ajaran Islam. Sehingga keusahawanan sudah pun lama diamalkan oleh masyarakat Cirebon sama ada yang tinggal di bandar atau di kampung. Dalam usaha mengembangkan keusahawanan berkenaan, bandar Cirebon mendapatkan Bantuan Langsung Masyarakat (BLM) Rp.1.100.000.000 atau RM. 4.000.000 dalam bentuk Projek P2KP (Projek Pembasmian Kemiskinan di Perbandaran) dari Pemerintah Pusat dengan jumlah keseluruhan Kawasan adalah sebanyak lima Kawasan. Namun begitu, hanya empat Kawasan yang mendapatkan bantuan Projek P2KP berkenaan dan setiap satu kawasan hanya terdapat dua Taman, yang bermatlamat masalah-masalah kemiskinan disebabkan oleh impak kegawatan ekonomi.

¹³ Mengenai teknikal pelaksanaan pembiayaan modal perniagaan dana untuk program P2KP itu sudah ditetapkan dan disusun dalam buku pedoman teknik P2KP tahap ke II.

Wujudnya bermacam-macam keusahawanan. Adakalanya, usahawan yang terdiri daripada individu atau kumpulan individu peniaga kecil ataupun daripada projek-projek kerajaan. Maka, sebagai objek atau sasaran awal adalah daripada projek kerajaan yang ikut terbabit untuk membangun keusahawanan. Melalui projek tersebut, dengan kerjasama fasilitator-fasilitator di kampung, berlakunya hubungan para usahawan peniaga kecil dalam mendapatkan pinjaman hutang modal perniagaan. Kemudian mereka mengembangkannya, agar terus meningkat, dengan berkelompok sesama pengusaha kecil. Landasan pemikiran inilah kemudian menjadi sebuah penyelidikan ini agar mendalamai implikasi dan keberkesanannya.

Penulis lebih memfokuskan kajian ini untuk usahawan peniaga kecil yang akan dikaji dan diselidik dalam konteks implikasinya terhadap hasil pembangunan keusahawannya melalui projek tersebut yang bertempat di bandar Cirebon Negeri Jawa Barat, Indonesia. Agar ianya mengetahui implikasi daripada program kerajaan pusat dengan nama P2KP tersebut, apakah usahawan peniaga kecil akan berjaya menjadi usahawan yang cemerlang dengan pinjaman modal perniagaan ataukah sebaliknya. Oleh itu, penulis memilih tajuk yang berkaitan dengan pembahasan di atas iaitu dengan tajuk *“POLISI DAN STRATEGI PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN MELALUI PROJEK PEMBASMIAN KEMISKINAN DI PERBANDARAN (P2KP) KAJIAN IMPLIKASI MASYARAKAT ISLAM DI CIREBON-JAWA BARAT-INDONESIA”*

1.4 Objektif Kajian

Oleh yang demikian, objektif yang ingin dicapai daripada kajian ini, dapat dirumuskan sebagaimana berikut :

1. Membahas tentang polisi dan strategi kerajaan Cirebon dalam membangun keusahawanan melalui Projek Pembasmian Kemiskinan di Perbandaran (P2KP) dan pelaksanaannya.
2. Menganalisis perhubungan di antara polisi dan strategi pembangunan keusahawanan Islam dengan pelaksanaan P2KP dan implikasinya terhadap masyarakat Muslim di bandar Cirebon.
3. Menganalisis implikasi Projek Pembasmian Kemiskinan di Perbandaran (P2KP) dalam meningkatkan keusahawanan dan keberkesanan terhadap masyarakat Muslim dari aspek ekonomi, sosial dan budaya.

1.5 Kepentingan Kajian

Pada zaman moden ini, di tengah-tengah pembangunan kehidupan berbangsa dan bernegara yang lebih maju, majoriti negara-negara Muslim dan khususnya bangsa Indonesia sering kali mengalami hambatan disebabkan permasalahan ekonomi yang sering kali berlaku disebabkan oleh kurangnya semangat keusahawanan dan kurangnya modal usaha yang dialami oleh masyarakat. Hal tersebut ditambah lagi dengan pengurusan yang kurang cekap oleh pihak pentadbir negara mahupun oleh pihak masyarakat yang mentadbirnya, sehingga dana bantuan daripada pelbagai pihak penyumbang tidak banyak menghasilkan kemajuan.

Oleh kerana itu, diharapkan kajian ini mampu memberikan manfaat sebagaimana tertulis di bawah ini :

1. Kajian ini diharapkan dapat menambah wawasan keilmuan kemasyarakatan Muslim Indonesia khususnya masyarakat Muslim Cirebon tentang pengurusan yang langsung berkait dengan kehidupan manusia dari sudut keusahawanan, serta memberikan sumbangan kepada masyarakat dan pemerintah Indonesia

dalam mengembangkan keusahawanan sebagai wahana dan model untuk mengembangkan ekonomi masyarakat.

2. Kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang sebenar kepada masyarakat Indonesia amnya, dan masyarakat Cirebon khususnya mengenai polisi dan strategi kerajaan Cirebon dalam membangun keusahawanan melalui Projek Pembasmian Kemiskinan di Perbandaran (*P2KP*).
3. Kajian tentang implikasi projek berkenaan terhadap masyarakat tempatan, membolehkan masyarakat melakukan pengembangan polisi dan strategi dalam memberangsangkan keusahawanan.
4. Kajian ini diharapkan dapat mengetahui hubungan antara polisi dan strategi pembangunan keusahawanan dengan pelaksanaan P2KP serta implikasinya terhadap masyarakat Islam di bandar Cirebon, Jawa Barat, Indonesia.

1.6 Skop Kajian

Dalam kajian ini, agar tidak terlalu luas dalam pembahasannya, penulis memberi batasan kajiannya iaitu :

a. P2KP

Penulis menumpukan kepada implikasi terhadap masyarakat dan pelaksanaan P2KP dalam membangun keusahawanan di bandar Cirebon, Jawa Barat, Indonesia tentang projek pembasmian kemiskinan di perbandaran (*P2KP*). Dengan kata lain, dari P2KP iaitu *urban poverty project* di mana ia menjadi program kerajaan dalam semua bandar di Indonesia. Implikasinya antara lain ialah aspek ekonomi, aspek sosial dan aspek budaya.

Antara bandar-bandar besar di Indonesia yang mendapatkan program P2KP adalah bandar Cirebon, ianya mempunyai ramai penduduk yang masih tergolong di

bawah paras kemiskinan. Sedangkan jumlah keluarga menurut tahap keluarga sejahtera atau tidak miskin di bandar Cirebon dari tahun 2004-2007 berjumlah semakin berkurangan dari 17,971 orang pada tahun 2004 kepada 16,978 orang pada tahun 2007. Justeru, keluarga sejahtera mengalami penurunan. Ini bererti jumlah angka kemiskinan di bandar Cirebon semakin bertambah bukan semakin berkurangan.

b. Lokasi kajian

Penulis memberikan batasan terhadap lokasi kajian untuk memudahkan dalam pengambilan data yang bersesuaian dengan maklumat yang diperlukan. Penulis telah memberi batasan terhadap lokasi penyelidikan iaitu bandar Cirebon, Jawa Barat, Indonesia dan penulis memilih dua kampung yang berbeza keadaan geografinya, di Kawasan Harjamukti iaitu sempadan dengan lokasi Kabupaten Cirebon iaitu di luar bandar raya, sedangkan Kawasan Kesambi iaitu letak geografinya berada di pusat bandar raya Cirebon. Tujuan ialah untuk membandingkan lokasi kajian yang berbeza. Ini ditambah pula dengan faktor secara keseluruhannya, penduduk di bandar Cirebon adalah termasuk dalam kategori kawasan yang termiskin di Negeri Jawa Barat, Indonesia.

Pada masa yang akan datang, bandar Cirebon akan dijadikan sebagai pusat ibu kota negeri Cirebon dengan mencakupi beberapa bandar raya dan Kabupaten atau Kawasan, di tengah-tengah kemajuan bandar Cirebon yang perlu dijadikan sorotan adalah mengenai keusahawanan yang sedang diamalkan oleh sebahagian masyarakat Cirebon.

c. Responden

Walaupun kajian ini tentang keusahawanan, tetapi responden tertumpu kepada usahawan peniaga kecil. Ini kerana penulis merasa sangat perlu diberi batasan tentang maklumat yang harus diambil dan dianalisis. Ini adalah penting untuk memudahkan penulis dalam mengambil sampel responden.

Dalam hal ini, penulis melakukan kajian penyelidikan dengan mengambil sampel dari dua Kawasan yang ada di bandar Cirebon iaitu Kawasan Kesambi dan Kawasan Harjamukti. Daripada dua kawasan itu, penulis akan memfokuskan penyelidikan kepada empat kampung yang mencakupi ; *pertama*, Kampung Pekiringan dan Kampung Sunyaragi di Kawasan Kesambi, *kedua*, Kampung Kecapi dan Kampung Argasunya di Kawasan Harjamukti bandar Cirebon, Negeri Jawa Barat, Indonesia.

1.7 Huraian Istilah

Penulis menjelaskan takrif atau definisi tajuk dan aspek-aspeknya sebagai berikut:

- i. **Polisi** iaitu rancangan tindakan yang telah dipersetujui atau sebagai asas untuk membuat atau melaksanakan suatu keputusan dasar seperti dasar kerajaan.¹⁴
- ii. **Strategi** iaitu ilmu tentang cara-cara merancang atau rancangan yang teratur (yang memperhitungkan pelbagai faktor untuk mencapai matlamat).¹⁵ Pendekatan asas untuk membuat kerangka tindakan yang akan menyelesaikan suatu sasaran atau memecahkan suatu masalah, rancangan pengurusan puncak untuk mencapai

¹⁴ Kamus Dewan (2007), edisi 4, Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1223.

¹⁵ Ibid, h. 1525, dan menurut Delia Noer (2003) dalam bukunya *Islam dan Masyarakat* yang diterbitkan oleh Yayasan Obor Jakarta, mendefinisikan strategi adalah teknik, cara, menyiasat, model atau sistem, yang kemudian diperkatakan menjadi strategi dalam mencapai sesuatu, sebagai contoh motivasi dalam minat usahawan, sama ada perniagaan besar, sederhana dan kecil, dengan meningkatkan perniagaan usaha kecil, perniagaan sederhana dan koperasi usahawan petani, dengan subsidi atau bantuan kerajaan mesti diberikan seluas-luasnya atau sebanyak mungkin.

hasil yang konsisten dengan misi dan tujuan organisasi.¹⁶ Termasuklah strategi kerajaan dalam memberikan motivasi sikap membangun dalam bidang keusahawanan para peniaga kecil.

iii. **Pembangunan** iaitu sekumpulan usaha manusia yang dibuat dengan bebas, terancang dan berterusan untuk meningkatkan kualiti kehidupan. Matlamat asas pembangunan iaitu memperkasakan manusia secara bebas agar dapat mencapai taraf hidup yang lebih baik dan mencapai keadilan sosial atau pembangunan, peningkatan lebih baik dan perubahan. Contoh, pembangunan sosial dalam bidang kemudahan asas dan kemudahan lainnya, pembangunan ekonomi dengan bengkel-bengkel dan pelatihan. Oleh itu, pembangunan kemakmuran yang mana juga merupakan model dasar sosial diarahkan kepada melaksanakan keadilan sosial termasuk peranan keadilan dan jaminan peranan minimum untuk golongan rakyat termiskin.¹⁷ Agar tercapai sesbuah kemajuan ekonomi secara asas dengan meningkatnya mentaliti untuk memajukan perniagaanya.

iv. **Keusahawanan** iaitu segala sesuatu yang berkaitan dengan usahawan atau aktiviti atau kemahiran. Sementara itu, usahawan ialah orang yang mengupayakan sesuatu,¹⁸ Kemudian, definisi usahawan atau *entrepreneur* ialah orang yang

¹⁶ Amin Widjaya Tunggal (1997), *Kamus Manajemen Strategi*, c.1, Jakarta: PT. Rineka Putra, h. 75.

¹⁷ R.G. Soekadijo (1982) *Modernisasi*, (terj), c. 3, Jakarta: Gramedia, h. 314.

¹⁸ *Kamus Dewan*, op. cit., h. 1782. Demikian juga definisi menurut kebanyakan tokoh seperti Zulkarnain (2006), *Kewirausahaan; Strategi Pemerkasaan atau Pembangunan Usaha Kecil Sederhana dan Penduduk Miskin*, usahawan adalah orang yang bekerja, urusan perniagaan sama ada penternakan, peladang dan perkhidmatan. Keusahawanan merupakan satu proses mencipta produk yang baru dan bernilai dengan mengorbankan masa dan usaha perhatian risiko kewangan, jiwa, sosial, ganjaran kewangan, dan kepuasan peribadi dan kebebasan. Seterusnya, Redaktur Tim Multi Media Communications (2006) dalam buku *Strategi Perniagaan Islam*, usahawan adalah orang yang bijaksana atau berbakat dan tahu produk baru, dalam menentukan cara untuk memproduksi dan memasarkannya secara bijak dan kemas dan menyusun bajet pengurusannya. Serta menurut Franz Magnis, dalam bukunya yang diterjemahkan oleh Suseno yang bertajuk *Filsafat sebagai Ilmu Kritis*, usahawan adalah hasil kreativiti dan semula jadi di satu pihak dan mengikat objektiviti semula jadi dalam perkara-perkara kerja objektif (manusia) di pihak lain, kewujudan bekerja sendiri (bebas) dan kewujudan dirinya sebagai aplikasi dari menjaga harta dan jiwanya, maka kerja adalah merupakan sebahagian epistemologi. Manakala Allah Yarham Nur Cholis Madjid (1992) dalam bukunya *Islam Kemodernan dan Keindonesiaan* memandangkan manusia bebas adalah manusia kreatif, dapat mengetahui dirinya dan bakat-bakatnya dalam satu tindakan penciptaan tanpa paksaan, sama ada dalam bekerja, perdagangan, perniagaan dan lain-lainnya. Kemudiannya dipengaruhi oleh antropologi peniaga kecil, yang mencipta minda yang inisiatif dan kreatif. Perbezaan peniaga dan perniagaan atau usahawan akan dijelaskan dalam bab dua.

membuat nilai tambah kemakmuran dan proses peningkatan melalui kumpulan atau idea-idea, menggabungkan sumber manusia dan membuat idea menjadi kenyataan.¹⁹

- v. **Projek** iaitu rancangan kerja atau aktiviti atau kegiatan pembangunan yang hendak dijalankan, di mana ia menjadi program kerajaan dalam semua bandar di Indonesia dengan kata lain *urban property project*.²⁰ Perkara ini masih dilaksanakan sampai hari ini, seperti di Malaysia, terdapat Yayasan Basmi Kemiskinan, yang berada di Negeri Selangor.²¹
- vi. **Pembasmian** iaitu asal daripada perkataan basmi, iaitu membasmikan, menghapuskan, memberantaskan, memerangi dan lain-lain.²²
- vii. **Kemiskinan** iaitu satu situasi atau keadaan itu dialami oleh seseorang atau sekumpulan orang yang tidak dapat melaksanakan hidupnya atau mereka mencapai satu standard yang disebut manusia. Kehadiran bahagian kebajikan masyarakat sebagai satu aspek tersendiri iaitu satu ciri istimewa dalam sistem ekonomi Islam yang menunjukkan perhatian berat mengenai bantuan kepada golongan lemah.²³
- viii. **Bandar atau Kota** bererti tempat atau pusat yang ramai penduduknya yang terdapat banyak urusan dengan pekerjaan yang dijalankan.²⁴ Bandar atau kota adalah pusat berkumpulnya manusia dalam jumlah yang besar di kawasan yang kawasannya kecil, sehingga hubungan di antara mereka lebih besar potensinya daripada di kawasan yang penduduknya sedikit (desa). Sementara itu, desa dan bandar menjelaskan dua tempat yang berbeza. Maka, setelah itu bandar menjadi misi moden yang berhubung kait dengan kedatangan penduduk desa dan

¹⁹ Ab. Aziz Yusof (2008), *Pengurusan Perniagaan Islam: Konsep, Isu Dan Pelaksanaan*, c.1, Malaysia: UUM, h. 34

²⁰ Sila lihat <http://www.p2kp.org>

²¹ Sila lihat <http://www.ybk.org.my>

²² Kamus Dewan, op. cit., h. 133.

²³ Nor Mohamed Yakcop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, c. 1, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd, h.10.

²⁴ Kamus Dewan, op. cit., h. 119.

usahawan sama ada usahawan besar, sederhana dan kecil yang menjadi punca kepada berlakunya banyak masalah.²⁵

- ix. **Implikasi** iaitu impak atau kesan yang wujud daripada sesuatu kes atau masalah, sama ada positif atau negatif, sama ada masalah itu dibuat oleh kerajaan atau pihak swasta atau individu, sama ada kesan wujud dalam bentuk ekonomi, budaya atau sosial.²⁶ Seperti implikasi P2KP yang akan dapat dilihat dari aspek peningkatan pendapatan, dan aspek pembangunan sosial dan budaya perniagaan.
- x. **Masyarakat Islam** iaitu satu komuniti berkedudukan pada satu kawasan tertentu dengan bercirikan aktiviti sama ada ketersediaan ekonomi, sosial, budaya, politik dan pendidikan, dan majoriti yang beragama Islam.²⁷ Termasuklah usahawan peniaga kecil yang bermastautin di bandar Cirebon kerana secara majoriti berpenduduk Muslim, secara jelasnya, sila lihat dalam bab tiga tentang lokasi kajian.
- xi. **Cirebon** iaitu salah satu bandar raya berada di bahagian pantai timur dan bahagian utara Negeri Jawa Barat, Indonesia. Kawasan bandar raya ini mempunyai lima Kawasan dan mempunyai 22 desa atau Kampung. Bandar raya Cirebon mempunyai kawasan penyelarasan pentadbiran kerajaan pada peringkat kawasan bandar, termasuk bandar Cirebon, Indramayu, Kuningan dan Majalengka.²⁸ Secara terperinci, sila lihat pada bab tiga yang akan penulis jelaskan.

²⁵ Sidi Gazalba (1983), *Islam dan Perubahan Sosial*, c.1, Yogyakarat: LKIS, h.32

²⁶ Jamil Salmi (2005), *Hooliganisme dan Masyarakat Demokrasi*, c. 1, Pilar Humania: Yogjakarta, h. 127

²⁷ Mahmud Muhammad Thaha (2003), *Arus Balik Syari'ah (terj)*, c. 1, Yogyakarta: LKIS, h. 189. Dalam pandangan Mansour Fakih (terj, 2000), dalam bukunya *Epistemologi Syara'* memperkatakan bahawa kadar faedah pinjaman atau riba dengan praktikalnya adalah jika seseorang meminjamkan wang kepada orang lain atau pihak lain, bagaimanapun mendapatkan kadar faedah atau interes yang lebih besar dari para peminjam. Seterusnya, menurut Kuntowijoyo (1998) dalam buku *Paradigma Islam*, manusia sempurna adalah manusia yang aktif, tiada lain adalah puncanya membebaskan keinginan supaya berjaya dan cemerlang.

²⁸ Sila rujuk di www.cirebon.go.id.

Kesimpulan dari semua huraian di atas, menurut pendapat penulis dari beberapa definisi istilah yang bertajuk polisi dan strategi pembangunan keusahawanan melalui P2KP ini adalah peraturan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan atau swasta atau NGO dalam memberikan keputusan melalui mesyuarat-mesyuarat yang diundang-undangkan atau diputuskan, termasuk program, anjuran sesuatu skim atau projek dalam membangunkan usahawan individu sama ada keputusan sah atau bajet yang berhubungkait dengan subsidi peruntukan pinjaman modal teroka, sebagai aplikasi kerajaan atau langkah NGO tersebut. Sebagaimana kerajaan Indonesia dalam program pelaksanaan P2KP ianya dilaksanakan secara nasional, pada semua peringkat negara masih dilaksanakan sehingga sekarang. Ianya hingga mencakupi suatu rancangan tindakan yang telah dipersetujui dalam meningkatkan taraf hidup golongan miskin yang mempunyai pekerjaan peniagaan kecil atau usahawan melalui projek P2KP. Untuk mengetahui implikasi dari projek tersebut, sehingga dapat dilihat implikasi masyarakat bandar Cirebon yang majoriti berpenduduk Muslim, sama ada implikasi terhadap aspek ekonomi, aspek sosial dan aspek budaya.

1.8 Kajian Lepas

Kajian ini membincangkan tentang pembangunan keusahawanan melalui projek P2KP ke atas kajian implikasi masyarakat Islam di bandar Cirebon Indonesia. Oleh itu, kajian lepas boleh dilihat daripada beberapa sudut. *Pertama*, kajian lepas berkaitan tentang pembangunan keusahawanan.

Kajian yang berhubung kait dengan pembangunan keusahawanan, penulis juga merasa perlu mengambil beberapa kajian lepas yang berkaitan pelaksanaan projek P2KP. Hāzim bablawī (1968)²⁹ memperkatakan persoalan ini dengan melakukan teori persamaan atau kemerdekaan individu dan masyarakat serta kebebasan pemilikan harta

²⁹ Hāzim Bablawī (1968), *al-Taghyīr min Ajli al-Istiqrār*, c. 1, Kaherah; Dar al-Kutub al-Misriyah.

benda, dengan pandangan untuk sebuah perubahan adalah sebuah kewajaran setiap individu atau masyarakat. Ia juga mencakupi asas perubahan dan hubungannya ekonomi pada masa hadapan, mengambil berat tentang sejarah dan kewajipan undang-undang sosial menuju terciptanya sebuah Bandar bestari, sehingga iaanya mempunyai sebuah pijakan asas samada individu dan masyarakat dalam kebebasan bekerja, dengan satu matlamat yang hendak dicapai iaitu peningkatan ekonomi rakyat, yang mana perbincangan cabaran dan dugaan sama ada sistem kewangan dan harta tanah, serta membentuk ekonomi pasar iaitu ekonomi yang dibina berasaskan transaksi dan akuntabiliti atau bersih daripada sistem riba.

Kertas kerja yang ditulis oleh Ahmad Maslan (1987)³⁰ menegaskan pandangan bahawa Pembangunan Keusahawanan di Malaysia khasnya masalah-masalah usahawan kecil mestilah dirumuskan dengan ; *pertama*, meneruskan aktiviti latihan yang sedang digelut oleh pelbagai badan dan agensi. *Kedua*, penyebaran peluang usaha. *Ketiga*, pembentukan badan yang selaras. *Keempat*, mengadakan perkhidmatan yang berkaitan dengan pengusaha dan peluang-peluangnya serta bimbingan dan pendekatan secara integriti berdasarkan kepada rumusan yang disepakati.

Zaenab Ahmad (1996)³¹ menyebut tentang adanya pengenalan peruncitan, lokasi dan rupa bentuk fizikal runcit, dan konsep yang memberikan keutamaan terhadap perkara-perkara yang perlu diketahui oleh seseorang yang akan memulakan kegiatan tersebut, termasuk melakukan pengawalan dan pengawalan daftar barang yang memuaskan di dalam perancangan kewangan agar para peniaga berupaya mengenal

³⁰ Ahmad Maslan (1987) “Pembangunan Keusahawanan dalam wilayah-wilayah pembangunan”, *kertas kerja yang dilaksanakan pada 22 hingga 24 Jun 1987 di bilik Gerakan Wisma Sri Pahang Kuantan, anjuran Kementerian Kemajuan Tanah dan wilayah, dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang*

³¹ Zaenab Ahmad (1996), “Asas Peruncitan”, et. al (ed), c.1. Selangor; Birotek.

pasti langkah-langkah yang perlu dan sumber-sumber yang sedia ada dalam usaha merancang perniagaan.

Ginanjar Kartasasmita (1996)³² memperkuat kemampuan masyarakat dan keupayaan yang dimiliknya. Pembangunan ekonomi masyarakat ini meliputi upaya atas yang mempunyai impak bagi peringkat pendidikan dan darjah kesihatan, serta peningkatan ekonomi dalam bentuk modal, berteknologi dan menambah peluang pekerjaan. Mencapai matlamat ini perlu wujudnya langkah-langkah yang nyata dan perlu adanya masukan-masukan yang membangun, serta membuka maklumat kesemua pelbagai peluang yang akan menjadikan masyarakat semakin mandiri dan berkemampuan.

Manakala Dewi Nurjulianti (1997)³³ dalam bukunya, menyentuh tentang sikap muslim dalam menciptakan polisi dan strategi pembangunan keusahawanan dengan menggunakan prinsip-prinsip perniagaan yang adil. Nabi Muhammad dijadikan contoh usahawan yang ideal, dengan menggunakan sistem ekonomi Islam seperti keadilan sosial, sokongan dan tanggung jawab dari pihak pemerintah atau kerajaan.

Manakala Rafik Issa Beekun (1998)³⁴ menulis tentang prinsip-prinsip falsafah etika Islam itu terdiri daripada kesatuan, kesaksamaan, keinginan, tanggungjawab dan murah hati. Selanjutnya, beliau membahaskan tentang bidang-bidang perniagaan halal dan haram baik dalam bidang pertanian ataupun bidang industri dan profesional.

³² Ginanjar Kartasasmita (1996), Pemberdayaan ekonomi rakyat melalui kemitraan guna mewujudkan ekonomi nasional yang tangguh dan mandiri, *Seminar Nasional Lembaga Pembinaan Pengusaha Kecil, Menengah Dan Koperasi, Jakarta: 07 November 1996*, H.3

³³ Dewi Nurjulianti *et. al* (1997), *Muhammad Sebagai Seorang Pedagang*, c.1, Jakarta: Yayasan Swarna Bhumi

³⁴ Rafik Issa Beekun (1998), “*Islamic Business Ethics*”, Jeddah: The International of Islamic Thought, c.1.

Siti Azura binti Nasaruddin (2000)³⁵ dalam kajiannya yang menyelidiki tentang pelaksanaan konsep, prinsip dan dasar koperasi Islam samada dilaksanakan sepenuhnya atau tidak di Koperasi Muslim Malaysia Berhad sebagai model kajian penulis. Seterusnya, penulis juga melihat perkembangan dan prestasi koperasi dengan melakukan analisis terhadap beberapa angkubah yang berkaitan.

Choirul Saleh (2000)³⁶ dengan tajuk “Strategi pengembangan ekonomi perekonomian rakyat dan koperasi daerah “. Isu yang beliau dedahkan dalam kertas kerja tersebut antaranya membincangkan tentang aktiviti upaya ekonomi rakyat bagi sektor industri, pentingnya pengembangan ekonomian rakyat bagi kawasan luar bandar, serta strategi dan perancangan pengembangan ekonomi rakyat dan beliau akhiri dengan langkah-langkah penyusunan starteginya dan koperasi.

Kertas kerja ini mengambil kira beberapa aspek iaitu pengembangan aspek non formal, industri kecil, industri sederhana, industri menengah, dan koperasi. Beliau juga memberikan abstrak tentang langkah utama yang sesuai dalam strategi pengembangan ekonomi rakyat dan koperasi iaitu dengan memperhatikan secara cermat dan teliti akan lingkungan persekitaran seterusnya barulah faktor-faktor lainnya. Identifikasi masalah, penentuan penyusunan alternatif hingga tahap akhir berupa pelaksanaan dan penilaian. Kertas kerja ini boleh membantu dalam memperkuatkan tentang pengukuran implikasi dan keberkesanan dan mempelajari faktor-faktor lingkungan, pelaksanaan dan penilaian.

³⁵ Siti Azura Binti Nasaruddin (2000), “Koperasi Muslim Malaysia Berhad: Satu Penilaian Dari Perpektif Islam” *Latihan Ilmiah Untuk Memenuhi Ijazah Sarjana Syari’ah, Pengajian Islam Universiti Malaya*

³⁶ Choirul Saleh (2000), “Strategi Pengembangan Perekonomian Rakyat Dan Koperasi di Daerah”. *Jurnal Admininstrasi Negara, vol. I, nomor 1, September 2000, h. 28-36*

Muslim Nasution (2000)³⁷ mengatakan bahawa penting menciptakan suasana atau iklim yang memungkinkan potensi masyarakat berkembang. Asas misinya adalah setiap manusia dan masyarakat memiliki potensi yang dapat membangun upaya yang dimiliki. Menciptakan masyarakat berkembang tidak bergantung selamanya kepada institusi-intitusi kewangan yang memberikan pembiayaan. Matlamatnya adalah keselarasan dan seimbang bagi mencapai keperluan ekonominya.

Geoffrey G. Meredith et. al (ed). (2000)³⁸ dalam bukunya yang bertajuk “Kewirausahaan Antara Teori dan Praktek”, menjelaskan dalam bab pertama tentang perwatakan atau sikap para usahawan. Sehubungan itu, sikap-sikap perwatakan yang harus dimiliki oleh para usahawan ialah berjiwa keusahawanan, kepemimpinan, mengambil risiko, mengambil keputusan, perencanaan perniagaan dan menggunakan waktu secara efektif dan kemas. Usahawan juga harus boleh meramalkan atau langkah, mengantisipasi peluang-peluang potensi yang sedia ada untuk dikembangkan dan dilaksanakan, seboleh mungkin untuk menggunakan waktu yang efisien dan menjadi realiti bila semuanya disokong dengan pengurusan yang baik dan bersesuaian dengan menggunakan sumber kewangan itu dari kerajaan, projek atau lain-lain.

Buku ini juga menjelaskan tentang hakikat dan ciri, kewangan, penggunaan sumber manusia atau modal insan, yang kalau kita hubung kaitkan bahawa penyelidikan ini tidak lepas dari observasi tentang perwatakan dan perilaku para usahawan dan peniaga kecil sebagai sasaran projek. Dalam bahagian kedua, ianya menjelaskan

³⁷ Muslim Nasution (2000) Pemberdayaan ekonomi rakyat dalam konteks pembangunan nasional, *kertas persidangan pada rakernas I PINBUK se-Indonesia, dalam buku, paradigma baru ekonomi kerakyatan sistem syari'ah perjalanan gagasan dan gerakan BMT di Indonesia*, c.1, Jakarta: PINBUK.

³⁸ Geoffrey G. Meredith et al. (terj. 2000), *Kewirausahaan: Antara Teori dan Praktek*, Jakarta: Pustaka Binaman Pressindo, c. 6.

beberapa aspek khas tentang pengurusan kewangan dan kejayaannya dalam suatu niaga atau bisnes.

Sabri Hj. Hussen (2002)³⁹ dalam Pengenalan Kepada Perniagaan (*Mengurus perniagaan dalam perspektif Malaysia*), berpendapat bahawa teori-teori mengurus perniagaan adalah bagaimana seseorang itu boleh memulakan sesuatu perniagaan serta dapat menguruskan penyelesaian cabaran yang dihadapi dalam waktu tersebut. Salah satu faktor komponen penting di dalam perniagaan adalah mengurus, mentadbir, dan mengawal. Ini kerana keusahawanan pada asas dan hakikatnya berteraskan bukan kepada modal sahaja.

Noraini Ibrahim (2002)⁴⁰ membincangkan tentang francais atau dalam bahasa Indonesianya adalah Waralaba, sebelum kegawatan ekonomi pada tahun 1997, mempunyai saiz pasaran dan kesetabilan politik yang mempunyai potensi sangat besar antara Singapura, Malaysia dan Indonesia. Diantaranya ialah francais dan kesan global di Indonesia. Tingkat penarikan itu adalah pakej istimewa yang mana memberikan keuntungan yang sangat besar. Pelopor pertama francais di Indonesia adalah Pertamina yang menjual petrol pada tingkat runcit, tetapi kerana perbezaan strategi pelaksanaan menjadikan tindak balas yang berbeza, Indonesia jauh tertinggal dalam proses globalisasi ekonomi dalam membantu usahawan tempatan dan tertindas oleh pelabur asing, dan mempunyai impak sosial kerana tidak terkawalnya francais asing.

³⁹ Sabri Hj. Hussen (2002), *Pengenalan Kepada Perniagaan (Mengurus perniagaan dalam perspektif Malaysia)*, Kuala Lumpur: Thomson Learning, c.1.

⁴⁰ Noraini Ibrahim (2002) “*Industri Francais dan Pembangunan Malaysia, Singapura dan Indonesia analisis strategik*”, c. 2, Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Buku ini merumuskan bahawa francais mempunyai syarat pengerusinya adalah usahawan tempatan. Ini kerana kerajaan Indonesia tidak membenarkan francais asing beroperasi secara bebas, dan perlu melantik francais tempatan sebelum beroperasi dalam pasarnya. Ini bertujuan memastikan usahawan tempatan dapat menikmati skala ekonomi bidangnya agar inovasi dapat digalakkan di dalam sistem kebangsaan Negara Indonesia.

Begitu juga dengan Siti Aisah binti Jusoh (2003).⁴¹ Kertas projek ini menghuraikan tentang peranan dan sumbangan koperasi yang bertumpukan kepada pembangunan peningkatan taraf ekonomi masyarakat tempatan. Masalah ini merujuk kepada sejauh mana koperasi pembangunan memainkan peranannya dalam pembangunan ekonomi masyarakat. Ianya menghuraikan keberkesanan aktiviti yang dijalankan selaras dengan objektif dan matlamat asal penubuhan serta kebersesuaian dengan keadaan semasa. Penulisan ini memberi pandangan bahawa koperasi pembangunan mempunyai peranan yang besar dalam meningkatkan pendapatan ekonomi rakyat tempatan. Ini membuktikan bahawa ianya menjadi pemangkin dan minat ke arah pembangunan ekonomi negara secara umum.

Manakala Abu Bakar Hamid (2005),⁴² berpendapat bahawa konsep penilaian diri dirangkumi dalam sebuah idea yang menyokong perniagaan tersebut. Ini kerana manfaat dan sumbangan yang besar adalah aset atau kekayaan di dalam menjalankan aktiviti perniagaan tersebut, dengan idea-idea yang baru akan menyokong

⁴¹ Siti Aisah Jusoh (2003), “Sumbangan Kepada Pembangunan Ekonomi Setempat: Kajian Di Koperasi Pembangunan Daerah Padang Terap, Kuala Nerang” (*Latihan Ilmiah Syari’ah, Pengajian Islam Universiti Malaya*)

⁴² Abu Bakar Hamid (2005), *Keusahawanan dan Pengurusan Perniagaan Kecil*, Kedah: UUM, c.1.

keusahawanan yang mandiri, walaupun tidak jarang masalah kewangan dan sumber manusia yang kurang, serta maklumat dan persekitarannya yang kurang menyokong.

Taufiq Muhammad (2005)⁴³ membahaskan tentang pembangunan keusahawanan di Indonesia yang berkaitan dengan model pembangunan keusahawanan dan strategi pengembangan di Indonesia yang diutamakan terhadap peranan kemandirian kawasan. Dalam kajian tersebut, beliau lebih memfokuskan terhadap kategori sikap, iaitu lebih kepada hubungan keusahawanan dengan negara dalam bentuk autonomi kawasan.

Zakiyah Jamaluddin (2005)⁴⁴ menjelaskan dalam bukunya, lebih kepada pendidikan yang boleh dilakukan dalam pembelajaran dan perkembangan minda yang sihat untuk anak sekolah. Manakala P2KP menggunakan proses pendidikan bagi usahawan peniaga kecil atau pendidikan orang awam dalam pembelajaran pembangunan keusahawanan.

Howard Choo (2005)⁴⁵ menerangkan tentang pemberian pinjaman bank, (*penilaian dan pengurusan*), yang diterjemahkan oleh Nasrudin Zaenudin. Beliau membincangkan bahawa merupakan kemestian dalam sumber keusahawanan bagi peniaga kecil memperolehi pinjaman modal kewangan, walaupun terdapat banyak kes di mana pulangan adalah tidak stabil. Ini menjadikan Bank Pusat tidak terbabit langsung melainkan berperanan sebagai sebuah institusi kewangan di dalam menilai pinjaman suatu projek untuk skala mikro ekonomi iaitu pinjaman perdagangan, pasaran runcit dan lain-lain.

⁴³ Strategi Pengembangan UKM Pada Era Otonomi Kawasan Dan Perdagangan Bebas. Lihat di halaman website iaitu www.smeeda.com/deputi7/file/infokop.

⁴⁴ Zakiyah Jamaluddin (2005), *Kemiskinan dan Program Pembangunan Masyarakat: Pembangunan Implikasi Sosial dan Fizikal*, Sindok: UUM, c.1.

⁴⁵ Howard Choo (2005), *Pemberian Pinjaman Bank: Penilaian dan Pengurusan*, Kedah: UUM, c.1.

Seterusnya, Suarja W.A.R. (2006)⁴⁶ telah menulis bahawa skim ini bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan masyarakat yang bergerak dalam aktiviti pekerjaan perniagaan, terutamanya yang masih berstatus keluarga miskin dalam rangka memperoleh pendapatan yang tetap, melalui pemberian peningkatan kapasiti kemampuan dalam perniagaan, sehingga menjadi sebahagian usaha yang lebih mandiri, berterusan, dan siap untuk berkembang serta bersaing. Program ini akan memberikan kemudahan peningkatan skil atau kemampuan usaha mikro dan keterampilan dalam pentadbiran pengurusan perniagaan serta menyokong adanya kepastian, perlindungan, dan pembinaan perniagaan.

Nur Kholis (2006),⁴⁷ dalam disertasinya menuliskan bahawa perniagaan yang bercanggah dengan syarak iaitu skim peminjaman wang. Berhubungkait dengan penyelidikan ini adalah tentang pelaksanaan Projek P2KP dalam pembangunan keusahawanan bagi peniaga kecil dan asas, pendekatan dan strategi yang dilaksanakan dan bersesuaian dengan Islam.

Zulkarnain (2006)⁴⁸ membahaskan tentang pembangunan keusahawanan di Indonesia. Dalam buku ini, beliau menjelaskan bahawa rumusan pembangunan keusahawanan yang tersebar dalam buku-buku lama dengan pelbagai permasalahan yang ada, telah pun mengalami perhubungan yang kritikal sehingga memerlukan pengembangan yang baharu. Persoalan yang asas dibahaskan dalam buku tersebut, iaitu pembaharuan pada tingkatan epistemologi pembangunan keusahawanan yang mana

⁴⁶ Suarja W.A.R. (2006), Kebijakan Dan Strategi Penyertaan Koperasi Dan Usaha Mikro, Kecil, Dan Sederhana. *Kertas kerja ini telah disampaikan dalam seminar Nasional di Banjarmasin pada tarikh 08 Februari 2007.*

⁴⁷ Nur Kholis (2006), "Murabahah Sebagai Instrumen Pembiayaan Islam: Konsep dan Pelaksanaannya di Baitul Mal Wa Tamwil Yogyakarta Indonesia", *Disertasi Jabatan Ekonomi Syari'ah, Akademi Pengajian Islam, University Malaya*

⁴⁸ Zulkarnain (2006), *Kewirausahaan Strategi Pemberdayaan Usaha Kecil Menengah Dan Penduduk Miskin, Yogyakarta-Indonesia: Adicita Karya Nusa*, c.1.

merupakan pembaharuan yang paling penting. Pada aspek yang lainnya menerapkan epistemologi berkenaan menjadi motivasi dalam pembangunan keusahawanan secara nasional.

Kertas kerja yang ditulis tentang Kemiskinan adalah oleh Bachtiar Chamsyah (2006).⁴⁹ Beliau membahaskan pada bab satu tentang kemiskinan, pengukur kemiskinan, penyebab dan indikatornya kemiskinan. Kemudian dalam bab berikutnya, beliau menjelaskan bahawa menjadi tanggung jawab semua agama-agama untuk membasmi kemiskinan. Justeru, sistem ekonomi Islam adalah alternatif untuk membasmi kemiskinan kerana dalam ekonomi Islam dijelaskan bagaimana untuk membina keusahawanan yang telah diajarkan oleh Baginda Rasulullah SAW.

Misbahul Ulum et al.(2007)⁵⁰ menghuraikan tentang membangun integrasi antara ilmu-ilmu sosial khasnya kesejahteraan sosial perpektif Islam bersumber kepada Al-Qur'an dan Hadith dan sumber lain yang bersesuaian, menyentuh konsep *Taghyîr*, dan pembangunan dan pengembangan potensi diri dan masyarakat, yang terdiri dari kekuatan diri sebagai penggerak perubahan serta aspek-aspek perubahan sosial.

Murtadho Ridwan (2007)⁵¹ membincangkan dalam disertasinya, tentang mengatasi kemiskinan dengan menjelaskan kemiskinan tersebut dan bentuk penyelesaiannya. Beliau menyimpulkannya dalam perspektif Islam bahawa kemiskinan

⁴⁹ Bachtiar Chamsyah (2006), *Teologi Pembasmian Kemiskinan*, Jakarta: P.T. Wahana Semesta Intermedia, c.1.

⁵⁰ Misbahul Ulum et. al. (2007), *Strategi Pemberdayaan Masyarakat Miskin, Model-Model Kesejahteraan Sosial Islam: Model-model Kesejahteraan Sosial Islam*. Jabatan Pengembangan Islam; UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, c.1.

⁵¹ Murtadho Ridwan (2007), Peranan Wakaf Dalam Mengatasi Kemiskinan di Jawa Tengah, *Disertasi Akademi Pengajian Islam, University Malaya, Kuala Lumpur*

dikurangkan atau dibasmikan dengan cara pengagihan kekayaan itu bagi yang kaya dan memberi peluang kerja bagi yang miskin dan disokong dengan pengembangan sumber manusia dengan tidak melupakan sebab-sebab kemiskinan antara lain ekonomi makro dan mikro, dengan menyiapkan sumber aspek-aspek rohani kualiti atau fizikal, kepercayaan, iman, moral, kognitif dan memberi kemahiran kukuh dan proses pendidikan, tetapi tidak menerapkan cara yang dilakukan P2KP, iaitu tidak wujudnya pembangunan keusahawanan dalam peringkat konsep dan skimnya, ianya hanya kepada badan wakaf di peringkat Negeri sahaja yang lebih berperanan dalam membasmi kemiskinan tetapi tidak membahas secara detail empirikal dalam pembangunan keusahawanan.

Selanjutnya, kajian ini tentu menghubungkan dengan kewujudan objektif kajian menerusi projek P2KP kerana membabitkan proses penyertaan masyarakat dalam membangun jiwa keusahawanan dari dalaman, dengan melakukan pembiayaan modal perniagaan dan pelbagai dimensinya secara bersama-sama. Paling utama ialah strategi penyertaan rakyat miskin, dengan pendekatan budaya tempatan yang menyeluruh, termasuk penyertaan ekonomi rakyat. Penyediaan kemudahan dan pembinaan dalam memulakan perniagaan, termasuk lesen, lokasi perniagaan dan perlindungan dari pungutan tak rasmi.

Dari semua tinjauan literatur di atas dapat disimpulkan bahawa yang sedang dilakukan oleh penulis terhadap tajuk ini secara umum belum disentuh oleh pembahasan buku-buku, jurnal, kertas kerja, artikel di atas. Namun, terdapat beberapa kesamaan yang ada dalam kertas persidangan rasmi atau seminar yang membincangkan tentang polisi dan strategi perkembangan perniagaan dalam keadaan semasa, kesamaan ini dijadikan sebagai asas pembahasan untuk melengkapi hasil penemuan penyelidikan atau

kajian ini, sehingga bahasanya lebih lengkap dan menemui sasaran selari yang diperlukan, walaupun dalam aspek yang berbeza secara empirikal.

1.9 Metodologi Kajian

Secara teorinya, metode merupakan cara utama yang dipergunakan untuk mencapai suatu objektif. Cara utama ini dipergunakan setelah penulis mempertimbangkan kewajaran, ditinjau dari objektif kajian serta situasi kajian. Ini kerana pengertian metode penyelidikan mengandungi erti yang sangat luas, maka perlu dijelaskan secara jelas di dalam setiap penyelidikan.⁵² Metodologi bermaksud ilmu tentang cara menjalankan sebuah kajian.⁵³ Adapun metode yang digunakan penulis di dalam kajian ini iaitu suatu rangka kerja penyelidikan berguna untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Penyelidikan ini menggunakan kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif untuk membantu secara berkesan dalam mengumpulkan sumber-sumber dan menilainya secara kritikal,⁵⁴ serta menyajikan satu hasil disertasi yang telah dicapai. Pada umumnya, ianya dilakukan dalam bentuk data bandar mengenai pembangunan keusahawanan melalui projek *P2KP* yang dilaksanakan di bandar Cirebon, Jawa Barat, Indonesia.

1.9.1 Metode Pengumpulan Data

Penelitian ini bersifat analisis deskriptif. Dengan demikian, akan diperolehi data-data dan maklumat yang lengkap berkenaan polisi dan strategi pembangunan

⁵² Winarno Surachmad (1985), *Pengantar Penelitian Ilmiah*, Bandung: Tarsito, h. 131.

⁵³ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 51.

⁵⁴ Barron Patrick et. al. (2004), Do Participatory Development Projects Help Villagers Manage LocalConflicts A Mixed Methods Approach to Assessing the Kecamatan Development Project, Indonesia, *Post-Conflict and Reconstruction Unit Working Paper No. 9. Revised version. Washington D.C.: The World Bank*

keusahawanan. Adapun pengumpulan data itu menggunakan dua metode atau kajian iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

1.9.1.1 Kajian Perpustakaan

Sebelum kajian lapangan, penyelidik terlebih dahulu mengadakan kajian dokumentasi. Kajian dokumentasi sangat penting dilakukan dalam rangka mencari konsep atau teori yang dapat dijadikan sebagai kerangka acuan penyelidikan di lapangan dan penyusunan laporan. Selain daripada itu, dokumentasi juga bertujuan bagi mendapatkan data dan maklumat daripada sumber-sumber tertulis yang diperlukan, memandangkan sebahagian besar data-data yang diperlukan berbentuk dokumentasi seperti buku-buku, disertasi, dokumen kerajaan, majalah, akhbar tempatan, jurnal, internet dan kertas kerja seminar dan lain-lain.

Dalam kajian dokumentasi, penulis mempelajari pelbagai tulisan di pejabat-pejabat pemerintah dan perpustakaan seperti hasil bancian penduduk, polisi-polisi pemerintah atau kerajaan, buku berkenaan sejarah kependudukan bandar Cirebon, dokumen-dokumen kawasan dan media yang mendukung berjalannya kajian ini.

Buku-buku berkenaan adalah mengenai data statistik penduduk, perkembangan, pekerjaan, lokasi bandar Cirebon dan sebagainya. Ianya sebagai literatur yang tentunya tidak lepas daripada masalah yang akan dibahaskan, iaitu tentang pembangunan keusahawanan melalui Projek P2KP kajian implikasi masyarakat Islam di Cirebon, Jawa Barat, Indonesia. Pejabat-pejabat pemerintah yang dimaksudkan iaitu seperti; Pejabat Bappeda Kota Cirebon, Pejabat Kementerian Tenaga Kerja, Pejabat Koperasi dan Industri, Departmen Agama, Pejabat Kependudukan Kota Cirebon, Pejabat Pusat Statistik Kota Cirebon.

Sebelum mengadakan penyelidikan di pejabat-pejabat tersebut di atas, penyelidik terlebih dahulu mengurus permit penyelidikan daripada pejabat Kesatuan Bangsa, Politik dan Perlindungan Masyarakat (*KESBANGDINMAS*) bandar Cirebon. Kemudian, penyelidik mengurus permit penyelidikan di pejabat-pejabat BKM Kawasan yang menguruskan kampung sasaran penyelidikan dengan menggunakan surat akuan yang menjadi rujukan untuk kawasan Kesbangdinmas bandar Cirebon.

Kajian juga menggunakan khidmat beberapa perpustakaan seperti Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Pusat Islam, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antar Bangsa Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Jakarta Indonesia dan Perpustakaan Kawasan Bandar Cirebon.

1.9.1.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan pula boleh ditakrifkan sebagai penyelidikan secara langsung ke atas objek kajian yang dipilih untuk diteliti dan dikaji. Penyelidik mengadakan penyelidikan secara langsung ke atas lapangan yang akan ditelitian.

a. Populasi

Populasi dalam penyelidikan ini ialah masyarakat yang menerima bantuan langsung yang dilihat sebagai objek projek dalam pembangunan keusahawanan di bandar Cirebon. Jumlah keseluruhan populasi ini ialah 27,865 orang, dan jumlah keluarga miskin yang menerima bantuan iaitu 2,530 orang. Adapun empat kawasan yang mendapatkan bantuan itu ialah ; *pertama*, kawasan Kesambi, *kedua*, kawasan Lemahwungkuk, *ketiga*, kawasan Kejaksan dan *keempat*, kawasan Harjamukti bandar Cirebon, Negeri Jawa Barat, Indonesia. Dalam satu kawasan di bandar Cirebon, terdapat

empat sehingga lima desa atau kampung. Seterusnya, dalam satu kawasan terdapat beberapa kampung iaitu empat sehingga lima kampung. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada bab dua untuk lebih terperinci daftar kampung atau kampung yang terdapat di bandar Cirebon menurut kawasan.

b. Penentuan Sampel

Sampel ialah sejumlah individu yang diambil dari kelompok populasi (sebahagian dari populasi).⁵⁵ Jumlah responden sampel ditentukan berdasarkan pendapat Suharsimi Arikunto. Dalam hal ini, penyelidik mengambil sampel 10 peratus dari masyarakat penerima bantuan sahaja di bandar Cirebon, dan juga menurut projek yang menjadi data asas responden dan para peniaga kecil yang termasuk dalam kategori peniaga kecil yang miskin.

Dalam pengambilan sampel semua anggota populasi mendapat peluang untuk terpilih menjadi sampel tanpa terkecuali. Adapun yang menjadi populasi dalam penelitian ini ialah keseluruhan masyarakat yang menerima subsidi di bandar Cirebon yang sudah penulis pilih atau tentukan. Hal ini berdasarkan pada pendapat Suharsimi Arikunto iaitu “Apabila jumlah respondennya kurang dari 100 orang, lebih baik diambil semua, jika jumlahnya lebih besar daripada 100 orang, maka diambil 10 % - 15 % atau 20 % - 25 % atau lebih.”⁵⁶

Teknik persampelan yang digunakan iaitu terfokus kepada tujuan sampel (*purposive sampling*). Alasannya, penerima manfaat bantuan dari projek P2KP di bandar Cirebon terdiri dari bermacam-macam peniaga kecil dari penjual makanan, tukang beca, kedai runcit, penuai padi, tukang cukur rambut, nelayan, dan lain-lain.

⁵⁵ Suharsimi Arikunto (1997), *Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktek*, c. 1, Jakarta: Rineka Cipta, h. 117.

⁵⁶ *Ibid*, h. 115

Dengan kawasan yang tidak homogen, adalah penting untuk memudahkan penyelidikan ini mengambil sampel dari kumpulan peniaga kecil sebagai penerima bantuan pinjaman modal dari projek P2KP, kerana berkaitan kuat dengan pasca pelaksanaan aktiviti projek atau sasaran dari projek P2KP dan mereka tidak terlepas daripada kesibukan dalam berniaga dan aktiviti kumpulannya.

Salah satu aspek penting dari bentuk penelitian dengan penggunaan persampelan kuantitatif ialah terhad kepada memilih lokasi penyelidikan kuantitatif. Seperti telah dikemukakan di atas, berbilang pekerjaan penduduk berada di bawah pertimbangan termasuk memberi keyakinan lebih besar bahawa penemuan kajian penulis tidak hanya melihat ciri-ciri tertentu pada lokasi kajian. Kepelbagaiannya pemilihan wilayah untuk tujuan penyelidikan kualitatif adalah memilih dua wilayah yang sama sekali berbeza untuk dipelajari, selaras dengan usaha untuk mencari pola kesan projek.

Penemuan penulis akan diperkuatkan jika dibina dari situasi yang berbeza. Fokus penulis ialah kuantitatif (luas) dan kualitatif (kedalaman) ke atas kes pemerhatian penyelidikan responden adalah kunci dalam menganalisis⁵⁷ pada pelbagai pemboleh ubah untuk menentukan sifat suatu wilayah, di antaranya; iaitu: *Pertama*, saiz dan kepadatan penduduk. *Kedua*, pelbagai jenis pekerjaan peniaga kecil. *Ketiga*, pelbagai kumpulan agama, *Keempat*, tahapan keseluruhan pembangunan kawasan, termasuk penyediaan dan fasiliti terhadap perkhidmatan awam dan infrastruktur.⁵⁸

Sejak P2KP dilaksanakan pada peringkat negeri dan setiap aspek luaran positif yang wujud yang boleh diperolehi data sama ada kecenderungan kepada pengurusan pembangunan keusahawanan yang ada di peringkat itu atau lainnya. Dengan melihat

⁵⁷ Barron Patrick et. al. (2004), *Op.cit.*

⁵⁸ Barron Patrick et. al. (2004), *Training Manuals for the KDP and Community Conflict Negotiation Study*, Washington DC: The World Bank.

sifat pembangunan keusahawanan di wilayah yang lebih kuat, akan menjadi lebih sukar untuk memisahkan kesan potensi dari pemboleh ubah. Ini kerana terdapat akibat lain di lokasi kajian dan pemboleh ubah tingkat negeri.⁵⁹ Lokasi ini dipilih setelah melalui proses perundingan intensif dengan kerajaan di wilayah, NGO antarabangsa dan tempatan, ahli pembangunan serantau, institusi penyelidikan dan agama, universiti, dan kakitangan P2KP. Dengan memilih kawasan yang mempunyai kapasiti, penulis dapat mempertahankan tuntutan penulis berkaitan dengan sifat dan tahap kesan P2KP pada peningkatan pembangunan keusahawanan tempatan dengan menunjukkan bahawa mereka telah wujud.

Dalam dua peringkat awal kajian kualitatif, penulis memilih dua kawasan di bandar Cirebon, iaitu di pusat dan sempadan bandar Cirebon. Kesamaan pemilihan dilakukan untuk menyesuaikan sebanyak mungkin bukan untuk mengawal kesan program yang boleh timbul daripada perbezaan-perbezaan sosial ekonomi, institusi, dan lain-lain. Tetapi untuk mengetahui implikasi secara terperinci, penulis menggunakan kaedah campuran untuk mengenalpasti kesesuaian. Pertama, penulis menggunakan skor kecenderungan untuk memilih lokasi kawasan yang terdapat program P2KP dan P2KP bukan berdasarkan kumpulan sebelum membabitkan kerajaan dari negeri dan bandar tersebut.⁶⁰ Kemudian, penulis menggunakan kaedah kualitatif temubual di peringkat negeri dengan pegawai kerajaan dan para ahli lain, seperti pengurus jabatan perindustrian, pengawas daerah dan lain-lain.

Oleh kerana jumlah populasi ialah seramai 2,500, maka seramai 250 responden yang tersebar dalam empat kampung yang mengandungi bermacam-macam pekerjaan peniaga kecil di antaranya perniagaan perkhidmatan, peternakan, petani,

⁵⁹ Bannet et. al. (1997), Process Tracing in Case Study Research, *Paper presented to Mac Arthur Foundation Workshop on Case Study Methods*.

⁶⁰ Mills C. Wright (1959), *The Sociological Imagination*, New York: Oxford University Press.

nelayan, kraf tangan dan lain-lain. Pembangunan keusahawanan ini terfokus kepada usahawan peniaga kecil, kerana usahawan mempunyai peranan dalam menjana ekonomi perbandaran dan penulis mengumpulkan data tentang pelaksanaan program P2KP itu melalui responden yang mengikuti program itu.

Maka penulis memulakan dengan melakukan soal selidik berdasarkan lokasi dan jantina. Penulis memilih 250 orang untuk menjadi responden. Bilangan setiap peniaga kecil untuk menjadi responden mewakili peratusan masing-masing lokasi kampung. Responden terdiri daripada 34 orang perempuan di Argasunya, dan 46 orang perempuan di kampung Kecapi, 45 orang di kampung Sunyaragi. 46 orang di Pekiringan. Majoriti 46 orang di kampung Kecapi merupakan perempuan, dan jumlah keseluruhan responden perempuan iaitu 171 orang dari seluruh kampung, berbanding lelaki hanya berjumlah 79 orang. Daripada empat kampung yang dijadikan sampel, untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual dibawah ini :

Jadual 1.1: Komposisi Responden Mengikut Lokasi Dan Jantina

Kampung	Jantina				Jumlah
	Lelaki	Peratus (%)	Perempuan	Peratus (%)	
Argasunya	29	46	34	54	63
Kecapi	15	24.6	46	75.4	61
Sunyaragi	19	29.7	45	70.3	64
Pekiringan	16	25.8	46	74.2	62
	79		171		250

Sumber: Borang Soal Selidik

c. Kaedah Temubual

Temubual dilakukan terhadap informan yang dianggap mengetahui permasalahan yang diteliti. Temubual dilakukan ke atas 20 orang.⁶¹ Para informan iaitu

⁶¹ Temubual yang dimaksud dalam penelitian ini adalah teknik dalam usaha menghimpun data yang tepat atau sahih untuk keperluan melaksanakan proses dapatan kajian yang sesuai dengan data. Data yang diperolehi dengan teknik ini adalah dengan cara tanya jawab lisan dan bertatap muka secara langsung

para tokoh pemuda, kaum intelektual, alim ulama dan tokoh masyarakat serta pengerusi BKM yang telah dipilih sebelumnya. Temubual dilakukan dengan menggunakan daftar soal selidik yang telah disiapkan sebelumnya. Namun, kegiatan ini tidak terfokus pada teks yang ada, melainkan berkembang sepanjang penyelidikan dan tidak terlepas daripada masalah kajian.

Temubual yang dilakukan oleh penyelidik iaitu dengan mengkaji sampel yang telah ditentukan sebagai sumber temu bual, terdiri daripada pengerusi BKM dan anggota projek dan pihak yang berhubung kait dengan projek P2KP di bandar Cirebon dan masyarakat yang telah ditentukan. Penyelidik mencari data dan maklumat tentang implikasi dari aktiviti pembangunan keusahawanan melalui projek P2KP di bandar Cirebon dan pihak yang mengikutinya.

Demi untuk menjadikan kaedah temubual ini bersifat objektif dan boleh dipertanggungjawabkan, beberapa kaedah yang lebih bersifat mikro akan dijalankan adalah :

1. Penulis akan mengadakan temu janji dengan setiap pengerusi dan anggota projek dan pihak yang berhubung kait dengan projek P2KP di bandar Cirebon dan masyarakat yang telah ditentukan yang akan ditemubual, bagi memastikan mereka dapat meluangkan masa yang terbaik untuk proses temubual, di samping tidak membazirkan masa setiap orang yang akan ditemubual yang mana memang agak sibuk dengan tugas sehari-hari.
2. Penulis membahagikan proses temubual ini kepada dua sesi yang utama, dimulakan dengan (i) sesi pengenalan yang menjelaskan maksud dan tujuan kajian secara tidak langsung yang bakal merapatkan hubungan antara penulis dengan orang yang bakal ditemubual, (ii) sesi temubual sebenar yang lebih

serius dan berfokus kepada isi kandungan sebenar kajian ini dibuat.

3. Soalan yang agak rapi dan terancang telah disediakan terlebih dahulu. Di samping itu juga, terdapat beberapa soalan spontan yang digunakan akibat daripada beberapa isu dan jawapan yang diberikan oleh orang ditemubual.
4. Isi kandungan temubual ini telah dipastikan agar ianya lebih bersifat menjurus kepada skop dan tumpuan kajian. Untuk melihat soalan temubual secara terperinci, sila lihat pada lampiran ii.

d. Kaedah Soal Selidik (*Questionnaire*)

Penyebaran soal selidik⁶² dilakukan dengan cara berkunjung ke rumah-rumah responden. Pengisian soal selidik dilakukan sendiri oleh penyelidik berdasarkan jawapan daripada soalan yang diajukan terutama kepada responden. Hal ini dilakukan dalam rangka mengawal ketidakfahaman responden berkenaan soalan dalam soal selidik. Dengan cara seperti itu, pengisian soal selidik lebih terarah dan responden memberi jawapan menurut pilihan sendiri sesuai dengan fakta yang sebenar. Soal selidik diambil dari beberapa contoh pelbagai penyelidikan dan diuji melalui subjek metod penyelidikan Bengkel SPSS 2006 (IXGH 6111-Subjek Kaedah Penyelidikan Lanjutan) di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada tahun 2006, sebagai soal selidik yang akan disebarluaskan kepada responden.

Soal selidik berisikan rangkaian pertanyaan mengenai suatu bidang atau suatu pertanyaan untuk memperoleh data berupa jawapan-jawapan dari responden.⁶³ Soal selidik juga disebarluaskan kepada kumpulan peniaga yang sudah membentuk KSM (*Kumpulan Swadaya Masyarakat*) iaitu peniaga kecil sebagai penerima atau yang

⁶² Alat adalah pengumpul data dalam bentuk soalan-soalan. Diharapkan dengan menyebarkan daftar soalan kepada setiap responden, penyelidik dapat menghimpun data yang relevan dengan tujuan penelitian dan memiliki reliabiliti serta kesahihan yang tinggi.

⁶³ Kuntjara Ningrat (1991), *Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Gramedia, h. 173

memanfaatkan bantuan pinjaman modal niaga dari Projek P2KP di bandar Cirebon untuk mengumpulkan data dan maklumat tentang implikasi aktiviti projek yang dilaksanakan masyarakat bersama-sama dengan para konsultan dan fasilitator projek P2KP.

Adapun soal selidik yang disebar, merupakan gabungan dari soal selidik tertutup dan soal selidik terbuka. Soal selidik tertutup merupakan daftar pertanyaan yang telah disusun untuk menekankan alternatif jawapan dari responden di mana jawapan telah disediakan oleh penyelidik atau responden hanya memilihnya. Sedangkan soal selidik terbuka iaitu kolumn yang mana daftar jawapannya yang telah disediakan kurang sesuai atau kurang lengkap. Oleh kerana itu, penyelidik menggunakan teknik soal selidik gabungan antara soal selidik terbuka dan soal selidik tertutup.

Soal selidik kajian ini mengandungi empat pertanyaan asas. Pertanyaan bahagian A berhubungkait dengan profil responden,⁶⁴ sedangkan pertanyaan B⁶⁵ mengenai polisi dan strategi kerajaan bandar Cirebon dalam membangun keusahawanan. Manakala pertanyaan C⁶⁶ mencakupi pelaksanaan P2KP dan pertanyaan bahagian D⁶⁷ berkait rapat dengan Implikasi Projek Pembasmian Kemiskinan di Perbandaran (*P2KP*) dalam meningkatkan keusahawanan dan keberkesanan terhadap masyarakat Muslim. Seterusnya, pertanyaan soal selidik B, C, dan D mencakupi lapan sub pertanyaan berhubungan dengan masalah kajian. Setiap pertanyaan merupakan jawapan-jawapan yang mempunyai makna dalam menguji permasalahan kajian.

⁶⁴ Nor Aini Ali et. al. (2006), Borang Soal Selidik Kepuasan Pelanggan, *Bengkel SPSS Tahap II Jabatan Syariah Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur*:

⁶⁵ Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah Penyelidikan*, Malaysia: Mc Graw Hill, c.1, h. 225

⁶⁶ *Ibid*, h. 226.

⁶⁷ *Ibid*.

Untuk menghasilkan soal selidik yang baik di kawasan penyelidikan, penulis telah melakukan ujian rintis dengan mengambil sampel yang sudah dijelaskan di atas, agar bersetujuan dengan responden. Didapati ujian bakal soal selidik telah diluluskan oleh para pakar soal selidik di antaranya adalah Azizi Che Seman,⁶⁸ Asmak Abdul Rahman,⁶⁹ Nor Aini Ali,⁷⁰ dan setelah mendapat maklum balas daripada responden.

Dari hasil kajian uji rintis soal selidik yang telah penulis sebarkan, telah dilakukan kajian ulangan soal selidik. Ini kerana ada beberapa responden yang tidak memahami soalan disebabkan soal selidik disediakan dalam Bahasa Malaysia. Justeru, penulis telah perbaiki dan merubahnya dalam bahasa tempatan iaitu bahasa Indonesia dan penulis sebarkan kepada para responden yang sudah ditentukan. Kemudian, penulis telah mengutip kembali soal selidik yang telah dilengkapi dalam masa yang cukup lama iaitu tiga bulan. Soalselidiknya telah disebarluaskan kepada responden yang telah disiapkan oleh penulis.⁷¹

Soalan yang telah diubah ialah bahagian profil responden iaitu yang semula projek diubah menjadi projek, perbandaran diubah menjadi perkotaan, yang semula kerajaan diubah menjadi pemerintah, manakala soalan yang terdapat dalam bahagian B nombor dua, lima dan tujuh, yang semula bandar, keberkesanan dan fasiliti, dirubah menjadi kota, dampak dan fasilitas.

⁶⁸ Penyelia, Pensyarah Senior dan Pengerusi Kursus Industri Jabatan Syari'ah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Penasihat Syariah (*Pengerusi*), BANK MUAMALAT (*International*), Coordinator for Industrial Training, Department Of Syariah And Economics, Academy Of Islamic Studies, 09-Feb-2011, Pensyarah Bengkel Metodologi Penyelidikan APIUM Tahun 2006.

⁶⁹ Penyelia, Pensyarah Senior Jabatan Syari'ah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Qualitative Research Association of Malaysia (*QRAM*), Member, 2009-2022, Pengajar Slab, UNIVERSITI MALAYA, 01/09/2000 until 24/03/2005, Pensyarah Bengkel Metodologi Penyelidikan APIUM Tahun 2006.

⁷⁰ Penyelia, Pensyarah Senior dan Pengerusi Kursus Industri Jabatan Syari'ah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Penyelaras Kemahiran Insaniah, Academy Of Islamic Studies, 01-Dec-07 - 30-Nov-10, areas of expertise: Islamic Economics (*Islamic Economics*), Economic Development And Growth (*Development Economics*), Islamic Accounting (*Islamic Accounting*), Pensyarah Bengkel Metodologi Penyelidikan APIUM tahun 2006.

⁷¹ Sila rujuk kepada soal selidik yang terletak di lampiran i

Seterusnya, soalan yang terdapat dalam bahagian C soalan nombor satu yang semula mendokong diubah menjadi mendukung, soalan nombor dua yang semula pengawalan diubah menjadi pengawasan, soalan nombor tiga yang semula kerap diubah menjadi sering, soalan nombor empat, yang semula subsidi diubah menjadi bantuan, soalan nombor lima, yang semula berniaga diubah menjadi usaha, manakala soalan nombor delapan, yang semula bengkel-bengkel diubah menjadi pelatihan.

Akhir sekali, soalan yang terdapat dalam bahagian D, soalan nombor satu yang semula kumpulan diubah menjadi kelompok, soalan nombor dua yang semula perniagaan diubah menjadi usaha, soalan nombor tiga yang semula skim diubah menjadi program, manakala soalan nombor delapan, yang semula keberkesanan dan impak diubah menjadi dampak dan implikasi.

Jawaban soalan dengan pilihan satu hingga lima, dengan perincian bahawa apabila responden purata menjawab satu hingga dua bererti kurang paham, kurang tahu, kurang meningkat, dan kurang minat atau kurang berimplikasi serta kurang sedar. Apabila responden menjawab tiga mempunyai makna paham, tahu, meningkat, dan berminat atau berimplikasi serta sedar. Manakala responden menjawab empat dan lima bererti sangat paham, sangat tahu sekali, sangat meningkat, dan sangat berminat atau sangat berimplikasi serta sangat sedar.

e. Kaedah Observasi

Observasi dilakukan untuk mengetahui kesemua aktiviti sehari-hari masyarakat yang berkaitan dengan kajian, telah dilakukan pada 17 haribulan Oktober 2008 sehingga 23 haribulan Mei 2009 di Kampung Argasunya, Kecapi, Sunyaragi dan Pekiringan bandar Cirebon, Jawa Barat, Indonesia. Observasi ini mempunyai dua sasaran. Pertama,

untuk mendapatkan data bagi melengkapi data yang diperoleh daripada temubual, soal selidik dan perpustakaan. Kedua, untuk mengkaji apakah data yang diperolehi tersebut sesuai dengan realiti atau kenyataan dalam pembangunan keusahawanan dan juga dilakukan sebelum kajian dilakukan. Tujuannya ialah untuk mendapatkan data penyelidikan yang tepat.

Penyelidik mengadakan observasi secara langsung (pertimbangan dan penilaian ke dalam bentuk skala bertingkat) terhadap gejala-gejala yang ada. Tentang implikasi aktiviti projek P2KP, observasi dilakukan ke atas kumpulan peniaga kecil sebagai penerima manfaat bantuan projek dan masyarakat yang terbabit dalam melaksanakan aktiviti projek tersebut. Dan pengamatan terhadap empat kecamatan yang mendapatkan projek sama ada untuk melihat perkembangan secara langsung ataupun mengamati pembangunan keusahawanan dalam bentuk beberapa KSM yang sedang mereka jalankan, apakah mereka mengalami kemajuan dalam menjalankan perniagaanya ataukah sebaliknya, setelah mendapatkan pinjaman modal perniagaan dari projek P2KP tersebut.

1.9.2 Metode Analisis Data

Penulis merancang satu kaedah penilaian yang menggabungkan komponen kualitatif dan kuantitatif dengan cara yang saling melengkapi yang positif dan saling menyokong satu sama lain.⁷² Sumbangan kaedah kualitatif berasas kepada bahan subjek. Pendekatan kualitatif lebih mampu menganalisis dinamika dan model pembangunan keusahawanan tempatan, kerana fenomena ini sukar untuk menjadi kuantitatif dan terikat pada konteks tempatan. Perkara sukar itu dihuraikan dengan

⁷² Baker, Judy. (2000), *op cit.*,

menggunakan pendekatan kuantitatif. Sementara itu, kaedah kualitatif membantu penyelidik untuk tetap terbuka di atas hasil kajian yang tidak diduga.⁷³

Seterusnya, kajian ini cuba untuk menyelesaikan masalah, yang mana lebih baik didekati secara kualitatif. *Pertama*, pendekatan kualitatif diperlukan untuk mengenalpasti jalan bagi memberangsangkan dan mempertahankan pembangunan keusahawanan. Untuk tujuan ini, penyelidik melakukan kajian kualitatif ke atas lokasi kajian untuk membina sebuah kajian kes yang menunjukkan seberapa jauh implikasi pembangunan keusahawanan melalui P2KP terhadap usahawan peniaga kecil di kampung, fasilitator, dan pemimpin tempatan. Perkara ini dilakukan dengan menggunakan proses penyelidikan yang telah diubahsuai oleh penyelidik untuk menyiasat model pembangunan keusahawanan dan cuba untuk memahami aspek yang berbeza dalam melahirkan pembangunan keusahawanan. Dengan melakukan ini, penyelidik menjadi lebih mampu untuk mengenalpasti faktor-faktor yang cabaran dan implikasinya dalam budaya keusahawanan.⁷⁴

Penulis berfokus kepada pembangunan keusahawanan antara kumpulan-kumpulan peniaga kecil. Kajian penulis mendapati bahawa interaksi antara kumpulan-kumpulan yang telah menerima pinjaman pembiayaan perniagaan dalam organisasi KSM. *Pertama*, hubungan sosial yang mendasari pembangunan keusahawanan yang mengarah kepada keputusan yang berbeza dan sebagai pembolehubah mengukur implikasi secara sosial budaya. *Kedua*, sebagai penilaian P2KP, kajian ini harus mengkaji lebih dalam bahagian program dan pelaksanaan P2KP untuk memahami implikasi ke atas masyarakat dan mengapa masing-masing cuba untuk berinteraksi

⁷³ Bennett at. al, (1997), *op. cit.*,

⁷⁴ Friend Theodore (2003), *Indonesian Destinies*, London: Cambridge MA Belknap Press.

dengan pengurusan dan mengenalpasti maklumat kesan positif serta negatif P2KP yang digunakan oleh badan jawatan ahli P2KP untuk meningkatkan keberkesanan projek.

Untuk kedua kawasan, kaedah kualitatif sangat penting untuk memahami cara-cara di mana beberapa pembolehubah tertentu dan konteks tempatan menjadi amat penting.⁷⁵ Alat kualitatif dan jenis data yang dikumpulkan penyelidik menggunakan tiga instrumen kualitatif iaitu temubual mendalam (*indepth interview*), kumpulan peniaga kecil, temubual rasmi atau pemerhatian dengan mengumpulkan dua jenis data: data kes dan data umum.⁷⁶

Data yang diperolehi melalui hasil temubual dirakam dengan menggunakan telefon bimbit dan pencatatan, kemudian dipindahkan ke dalam bentuk tulisan. Selanjutnya, dilakukan pengelompokan data yang saling berhubungkait disatukan. Data yang dianggap tidak menyokong atau tidak relevan dengan masalah yang di teliti tidak dimasukkan menjadi data yang dianalisa.

Setelah data-data dan maklumat tersebut terkumpul sebagaimana yang diperlukan, sama ada hasil temu bual, soal selidik, observasi mahupun kajian dokumentasi, maka selanjutnya, data dan maklumat tersebut dianalisis dengan menggunakan dua metode analisis data, iaitu ;

⁷⁵ Guggenheim Scott E. et. al. (2004), The Kecamatan Development Project, in Indonesia, Practical Theory, Reflective Action: Social Capital and Empowerment Strategies at the World Bank, *Paper Project Forthcoming*

⁷⁶ Rao et. al.(2003), *Integrating Qualitative and Quantitative Approaches in Program Evaluation*, in Francois J. Bourguignon and Luiz Pereira da Silva (eds.). *Evaluating the Poverty and Distributional Impact of Economic Policies*, New York: Oxford University Press, pp. 165-90.

a. Metode Deduktif

Dalam hal ini, data dan maklumat-maklumat tentang polisi dan strategi pembangunan keusahawanan melalui P2KP yang dikumpulkan sama ada hasil observasi, temu bual, soal selidik, mahupun kajian dokumentasi. Ini kerana data-data yang sedia ada masih bersifat umum dan dalam bentuk kualitatif dan kuantitatif. Kemudian akan dianalisis dengan menggunakan analisis deduktif, agar selari dan menjadi data yang khusus daripada data-data yang terkumpul serta satu hubungan yang bersesuaian dengan hasil kajian, sama ada kajian perpustakaan, soal selidik, temubual mahupun observasi.

b. Metode SPSS

Dalam hal ini, di samping menggunakan analisis deduktif, data ini juga dianalisis dengan menggunakan pendekatan logik SPSS versi windows 12, sama ada analisis statistik deskriptif dan analisis korelasi untuk melihat aktiviti polisi dan strategi pembangunan keusahawanan melalui projek P2KP dan implikasinya kepada masyarakat Islam di bandar Cirebon, yang dihubungkaitkan dengan data-data kuantitatif sebagai alat analisis data dan maklumat.

Manakala analisis korelasi digunakan untuk mengetahui tingkat hubungan yang erat dari hubungan pembolehubah. Sedangkan angka yang menunjukkan kuat tidaknya hubungan antara pembolehubah disebut dengan koefisien korelasi yang rumuskan dengan “r”. Nilai koefisien korelasi adalah $-1 \leq r \leq 1$. Jika $r = -1$, maka antara dua pembolehubah mempunyai hubungan negatif “sangat” erat. Jika $r = 1$, maka antara dua pembolehubah mempunyai hubungan positif “sangat” erat. Jika $r = 0$, maka antara dua pembolehubah tidak mempunyai hubungan. Jika r semakin mendekati angka -1 atau 1 , maka antara dua pembolehubah mempunyai hubungan yang kuat atau erat. Sedangkan

jika r lebih mendekati ke angka 0, maka antara dua pembolehubah mempunyai hubungan yang tidak kuat atau tidak erat.⁷⁷ Untuk mendapatkan nilai koefisien korelasi, digunakan formula sebagai berikut:

$$r = \frac{n \sum x_i y_i - (\sum x_i)(\sum y_i)}{\sqrt{(\sum x_i^2 - (\sum x_i)^2) (\sum y_i^2 - (\sum y_i)^2)}}$$

1.10 Sistematika Penulisan

Kerangka pembahasan penyelidikan ini terdiri daripada lima bab yang cuba disusun untuk menjadi sebuah penjelasan yang kronologis dan utuh. Bab pertama iaitu pendahuluan yang memuatkan latar belakang masalah, skop dan perumusan masalah, objektif dan manfaat kajian, kajian lepas, metodologi penyelidikan, dan yang terakhir kerangka pembahasan.

Bab dua membahaskan ulasan karya mencakupi polisi dan strategi pembangunan keusahawanan dalam pandangan Islam, definisi keusahawanan, dasar hukum, pelaksanaan keusahawanan menurut Islam dan sekilas tentang P2KP. Akan dibahaskan juga tentang teori Islam secara kritikal sebagai asas teori dalam pelaksanaannya di bandar Cirebon. Perkara ini akan membantu untuk melihat secara lebih kritis dasar teori yang objektif, keadaan objektif dan hubungannya dengan konteks projek P2KP dan masyarakat Islam di bandar Cirebon, Jawa Barat, Indonesia, sama ada dalam kehidupan ekonomi, sosial atau budaya, P2KP dan konsep pelaksanaan polisi dan strategi perspektif Islam. Perkara ini akan membantu untuk melihat secara lebih teliti faktor-faktor yang berkenaan dengan projek P2KP dan implikasi yang terjadi terhadap masyarakat Islam di bandar Cirebon secara amnya di Indonesia, serta keadaan objektif berkenaan dengan projek P2KP sebagai salah satu bahagian yang memberi semangat lahirnya budaya keusahawanan Islam.

⁷⁷ <http://www.ilmustatistik.com/2008/11/07/analisis-korelasi-linier-sederhana/>

Bab tiga menjelaskan tentang lokasi kajian mencakupi bandar Cirebon, jumlah penduduk, kemudahan fizikal, struktur kerajaan, pertumbuhan penduduk dan sumber pendapatan masyarakat bandar Cirebon masyarakat Islam di bandar Cirebon, Indonesia sebagai asas teori berkenaan dengan masuknya projek P2KP ke dalam kerangka lahirnya implikasi, sama ada aspek ekonomi, sosial dan budaya.

Bab empat merupakan dapatan kajian mencakupi analisis ke atas keadaan objektif polisi dan strategi kerajaan Cirebon mengenai pembangunan keusahawanan melalui projek P2KP, pelaksanaan P2KP bagi masyarakat Islam di bandar Cirebon, Indonesia dan menjelaskan tentang implikasi P2KP terhadap masyarakat Islam di bandar Cirebon, Indonesia.

Bab lima merupakan penutup mencakupi kesimpulan ke atas seluruh pembahasan disertasi ini, cadangan dan saranan serta diharapkan dapat mewujudkan penerangan yang tersusun (*line of argument*) daripada huraihan bab-bab sebelumnya.

BAB II

ULASAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini penulis akan mendedahkan tentang keusahawanan, mulai dari definisi, sama ada dari perspektif konvensional mahupun Islam, kerena disertasi ini memfokuskan kepada pembangunan keusahawanan yang di lakukan oleh pihak P2KP, seterusnya lokasi projek P2KP adalah bandar Cirebon yang majoriti penduduknya beragama Islam. Sehingga kepada pembangunan keusahawanan melalui P2KP, sama ada aspek, polisi dan strategi serta pendekatannya menggunakan konsep bukan Islam. Kerana seperti negara maju, usahawan baru meningkatkan pasaran dengan menawarkan produk-produk inovatif. Dalam sekitar tahun 1980an di Amerika, sebanyak 20 juta usahawan telah dilahirkan. Sehinggakan Negara Cina pun yang awalnya ialah merupakan negara berfahaman komunisme, telah mendedahkan diri kepada keusahawanan. Universiti Beijing telah menghapuskan subjek pengikut Karl Marx yang berpahaman kapitalis mengantikannya dengan subjek keusahawanan.⁵⁰

2.2 Definisi Keusahawanan

Usahawan dan keusahawanan menurut pahaman konvensional iaitu dua istilah daripada satu punca yang sama iaitu bekerja. Usahawan dalam bahasa Inggeris adalah *entrepreneur*. Cambridge International Dictionary of English mendefinisikannya sebagai orang yang berusaha untuk mendapatkan keuntungan dengan membuka syarikat sendiri atau melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan terutamanya apabila ia melibatkan risiko.⁵¹ Keusahawanan menurut bahasa Perancisnya adalah *Entre Prendre*.⁵² Ia juga

⁵⁰ Bukhari Alma (2006), *Kewirausahaan; untuk Mahasiswa dan Umum*, c.10, Bandung: Alfabetia, h. v.

⁵¹ Cambridge International Dictionary of English, *op. cit.*, h. 462.

adalah sebagai pewujudan dan pengembangan proses perniagaan yang berterusan untuk menyumbang proses pembangunan sesuatu Negara dan satu bidang kerjaya profesional.⁵³ Manakala menurut istilah, usahawan adalah orang-orang yang mempunyai berkemampuan untuk melihat dan menilai kesempatan-kesempatan perniagaan, mengumpulkan sumber sedia ada yang diperlukan untuk mengambil keuntungan daripadanya dan mengambil tindakan yang memastikan kejayaan.⁵⁴

Definisi yang digunakan pada awal abad 17, menunjukkan bahawa belum lagi terdapat risiko dengan usahawan pada ketika itu. Justeru, risiko dan usahawan dimulakan untuk berhubung kait antara satu sama lain. Pada masa itu, usahawan masing-masing yang mengambil risiko sebarang keuntungan atau kerugian dalam kontrak harga tetap yang dibuat oleh kerajaan atau pemerintah. Di sini, risiko keuntungan atau kerugian akan menjadi tanggungan usahawan.⁵⁵ Manakala di Eropah dalam abad itu berlaku proses pembaratan dengan fahaman sekular dan rasionalis sehingga berlaku revolusi perindustrian dan menghasilkan fahaman positif. Kesannya adalah konflik antara rasional dan moral atau agama. Kemudian, dalam penghujung kurun dua puluh tersebarinya nilai-nilai Negara-negara Eropah untuk seluruh dunia yang mana akhirnya menyebabkan krisis dunia.⁵⁶

Pendapat lain mengatakan bahawa keusahawanan adalah orang pandai atau orang berbakat dan mengetahui produk baru serta menentukan cara pengeluaran dan

⁵² Abd. Aziz Yusof (tt), *op. cit.*, h.2.

⁵³ <http://www.moe.edu.my/Takrif Keusahawanan>, 17 Disember 2008.

⁵⁴ Usahawan dalam sejarah dalam zaman awal iaitu terdiri dari saudagar yang juga merupakan pengembara seperti Marco Polo, beliaulah bertanggungjawab memperkenalkan istilah usahawan. Dalam zaman pertengahan, istilah usahawan atau *entrepreneur* biasa sudah diguna pakai oleh orang-orang yang menguruskan projek-projek berskala besar, individu-individu yang bergelar usahawan pada masa itu tidak mengambil sebarang risiko, daripada menggunakan sumber-sumber yang sedia ada oleh kerajaan atau pemerintah dalam melaksanakan satu projek. Lihat:Geoffrey G. Meredith et al (2000), *Kewirausahaan.(terj)* , c. 6, Jakarta: Pustaka Binaman Pressindo, h. 5.

⁵⁵ Robert D. Hisrich & Michael P.Peters (1995), *Entrepreneurship*, c.5, New York: Mc Graw Hill, h. 8.

⁵⁶ Herman Soewardi (1999), *Roda Berputar Dunia Bergulir: Kondisi Baru Timbul Tengelamnya Sivilisasi*, c.1, Bandung: Bakti Mandiri, h. 194.

menyusun petunjuk untuk memproduksi dan memasarkannya juga menyusun permodalan dalam pengurusannya.⁵⁷ Pengertian usahawan adalah individu atau kumpulan-kumpulan individu yang membentuk perniagaan sendiri dan memperluaskan dari semasa ke semasa untuk kemakmuran masyarakat dan negara.⁵⁸ Kemudian usahawan itu ada keberanian atau keberanian dalam berusaha dengan bergantung kepada kekuatan sendiri.⁵⁹

Seterusnya, ia juga adalah satu kemahiran orang dalam menghadapi risiko dalam masa akan datang dan berkembang untuk mendapatkan keuntungan (*profit*) dengan mengubah keseluruhan sumber semula jadi dan sumber manusia yang dimiliki sehingga mengalami peningkatan pada usaha itu.⁶⁰ Usahawan didefinisikan sebagai seseorang yang mengelolakan, menguruskan, dan dianggap risiko pekerjaan atau syarikat, ketika faktor pembezaan dominan daripada seorang usahawan iaitu keberaniannya menunaikan idea atau idea-idea usaha dan sedar akan risiko yang akan dihadapinya dalam mengurus dan mengelolakan suatu usaha yang diamalkannya.⁶¹

Untuk menjawab perubahan sosial dalam kajian ini lebih didefinisikan sebagai pengaruh pengindustrian untuk masyarakat masih sederhana dan tradisional tetapi bermastautin di kawasan perbandaran, kerana masyarakat masih berkelakuan petani sedangkan kehidupannya sudah berkelakuan moden, kompleks dan mengalami banyak proses perubahan dalam industri sehingga diperlukan membuka cawangan dalam perniagaan.⁶² Takrif itu menjelaskan bahawa keusahawanan itu adalah pemerhati peluang kemudian menujuhkan organisasi bagi mendapatkan peluang itu. Manakala

⁵⁷ *Ibid.*, h. 10..

⁵⁸ http://www.moe.edu.my/Definisi_Usahawan, 17 Disember 2008

⁵⁹ <http://rohadieducation.wordpress.com/2007/09/01/pengertian-wiraswasta>, 17 Diesember 2008

⁶⁰ Zulkarnain (2006), *op. cit.*, h. 5.

⁶¹ <http://www.idesa.net.my>, Pada 21 Julai 2007.

⁶² Kuntowijoyo (1998), *op. cit.*, h. 14.

proses keusahawanan mencakupi kegiatan semua fungsi dan tindakan untuk mengejar dan membuat penggunaan peluang penuh dengan menubuhkan organisasi. Pendek kata, keusahawanan dan istilah usahawan sering digunakan bersama, walaupun mempunyai penggunaan yang agak berbeza.⁶³

Kesimpulannya ialah istilah usahawan ini serupa maknanya dengan keusahawanan. Hanya terdapat perbezaan fokus dalam kedua-dua takrif itu. Usahawan lebih difokuskan untuk objek, ianya bekerja sendiri. Manakala mengenai keusahawanan lebih menekankan pada jiwa, semangat, ketika diaplikasikan dalam semua segi kehidupan. Contoh: guru, pensyarah, pelatih, kerani, pekerja-pekerja dan pegawai dalam jabatan kerajaan, mesti ditanamkan pengetahuan keusahawanan, agar jiwa dan semangatnya mempunyai inovasi dan mempunyai nilai yang berdaya maju.⁶⁴

Usahawan lebih mementingkan khidmat kepada masyarakat dan pembangunan Negara. Mereka merupakan peniaga yang sentiasa membuat pengubahsuaian kepada produk atau perkhidmatan yang sedia ada dan mencari idea-idea baru. Contohnya seseorang menjalankan perniagaan runcit. Beliau melabelkan harga barang, menyusun barang mengikut jenis-jenis tertentu dan kedainya berhawa dingin. Seorang juruwang ditugaskan di kaunter pembayaran. Kedai runcitnya seakan-akan sebuah pasar raya serta Beliau mempunyai beberapa cawangan di bandar lain.⁶⁵

Manakala Peniaga ialah orang yang menjalankan kegiatan jual beli barang atau melakukan kegiatan perkhidmatan dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan. Peniaga ialah orang yang melibatkan diri dalam kegiatan jual beli. Ia membeli barang dengan harga yang lebih rendah dan menjual dengan harga yang lebih tinggi untuk

⁶³ http://www.geocities.com/agus_lecturer/kewirausahaan/definisi_kewirausahaan.htm, 17 Disember 2008

⁶⁴ Bukhari Alma (2006), *op. cit.*, h. 23.

⁶⁵ <http://kitausahawan.blogspot.com/2009/01/perbezaan-konsep-usahawan-dan-peniaga.html>

mendapatkan keuntungan dan jika ia melibatkan diri dalam kegiatan perkhidmatan, ia juga akan mendapat keuntungan daripada menawarkan perkhidmatannya. Ia bermula semata-mata untuk mendapatkan untung. Selain daripada itu, objektif peniaga adalah untuk mencapai matlamat peribadi.⁶⁶ Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 2.1: Perbezaan antara Usahawan dan Peniaga

Peniaga	Usahawan
Seorang peniaga tidak semestinya seorang usahawan	Seorang usahawan juga seorang peniaga
Sentiasa melibatkan diri dengan urusan jual beli	Melibatkan diri dengan usaha mencipta keluaran sendiri
Sentiasa berusaha menambahkan keuntungan	Mementingkan kejayaan dan kepuasan, bukannya keuntungan semata-mata
Tidak tertarik dengan perkembangan teknologi dan perubahan-perubahan	Mengikuti segala pembaharuan untuk menambah kreativiti
Menjual barang yang sedia ada dalam pasaran	Memperkenalkan barang yang baru yang boleh menmbusi pasaran
Menghadapi persaingan sebagai cabaran biasa	Persaingan adalah satu cabaran yang memerlukan penelitian rapi untuk terus hidup
Berfikir hanya untuk menyelesaikan masalah harian	Merengjauh ke hadapan dan sentiasa berfikir untuk meningkatkan kemajuan pada masa hadapan
Mementingkan jangka masa pendek	Mementingkan keuntungan jangka masa panjang

Sumber: www.blogger.com/profile/16980270779630296624/budakmiki/Kuala Lumpur Malaysia

2.2.1 Definisi Keusahawanan Perspektif Islam

Adapun pengertian Keusahawanan menurut para ahli usahawan sekarang adalah satu penciptaan proses sesuatu baru dan bernilai dengan mengorbankan masa dan usaha serta perhatian risiko, kewangan, jiwa, sosial, ganjaran kewangan, dan kepuasan peribadi serta kebebasan.⁶⁷

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ Tim Multi Media Communications, (2006), *Islamic Business Strategy for Entrepreneurship*, c.1, Jakarta: Lini Zikrul Media Intelektual, h. 9.

Selanjutnya, pengertian keusahawanan yang lain adalah orang yang melihat adanya peluang, kemudian menciptakan organisasi untuk memanfaatkan peluang tersebut.⁶⁸Dalam takrif lain “Keusahawanan ialah satu proses penciptaan sesuatu baru dan bernilai. Ianya mengorbankan masa dan usaha dan perhatian risiko kewangan, jiwa, dan sosial, dan mendapatkan ganjaran kewangan, ganjaran kepuasan peribadi dan kebebasan”.⁶⁹

Usahawan adalah mereka yang menjadikan sasaran dalam tindakan dan semangat atau motivasi tinggi yang mengambil risiko dalam mengejar tujuannya. Ia mencakupi pengambilan risiko dan pandangan organisasi dan pentadbiran yang turut berupaya dalam satu keberanian yang bermakna untuk menuju usaha baru.⁷⁰

2.2.2 Landasan Hukum Islam Terhadap Keusahawanan

Nabi Muhammad menjadi contoh dalam keperibadian usahawan, walaupun nabi tidak diutus menjadi usahawan dalam bidang perniagaan, tetapi keberhasilannya adalah bukti kejayaan, sifat jujur dan adil dalam hubungan perdagangan. Baginda selalu menjaga hubungan dengan pelanggannya dan baginda tidak pernah menggelapkan satu senpun hasil perdagangannya dengan Siti Khadijah R.A. Akhirnya Siti Khadijah, R.A. sangat senang dengan sikap kejujuran, integriti, dan budi bahasa baginda dan keupayaan baginda dalam memegang amanah sebagai ejen Siti Khadijah dalam keusahawanan, sehingga Khadijah melamarnya. Ini kerana Baginda mempunyai sifat benar, jujur dan amanah.⁷¹

⁶⁸ Bukhari Alma (2006), *op. cit.*, h. 22.

⁶⁹ Tim Multi Media Communications, (2006), *op. cit.*, h. 9.

⁷⁰ Muhammad Ismail Yusanto et. al. (2006), *Menggagas Bisnis Islami*, c. 6, Jakarta: Gema Insani, h. 33.

⁷¹ Dewi Nurjulianti et. al.(1997), *op. cit.*, h. 18

Mencari penghasilan atau pendapatan halal merupakan satu tugas wajib dan semua khalifah mencari rezeki dengan bermula. Contohnya, Abū Bakar al-Siddiq RA pernah bekerja dalam bidang perniagaan pakaian, ‘Umar RA dengan pekerjaan perniagaan jagung dan Usman RA juga bertukar-tukar perniagaan. Keusahawanan yang menjadi asas undang-undang ini berasaskan dari sumber hukum yang sedia ada iaitu al-Qur'an dan al-Hadis dan sumber hukum Islamnya yang lain seperti: Qiyās, Ijmā', Istihsān, Maslahah Mursalah dan lainnya. Keusahawanan merupakan tanggungjawab orang Islam untuk meneruskan dan mengembangkannya. Imām al-Ghazālī menjelaskan dalam bukunya bahawa adalah *farḍū kifayah* mempelajari ilmu keusahawanan baik berhubungan dengan pentadbiran perniagaan atau lainnya.⁷²

Keusahawan dalam Islam mesti berlandaskan kepada al-Quran, al-Hadis dan Ijma' Ulama, iaitu:

a. **Al-Qur'an**

Ada beberapa ayat dalam al-Quran yang berkenaan dengan keusahawanan dan mesti dijadikan landasan bagi seorang usahawan iaitu:

1. Firman Allah SWT dalam al-Quran iaitu:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَأَنْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ
اللَّهِ وَآذِكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya:

"Apabila Telah ditunaikan shalat, Maka bertebaranlah kamu di muka bumi; dan carilah karunia Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beruntung"

Surah al-Jumu'ah, ayat (62): 10

⁷² Imām al-Ghazālī (1988), *Al-Iqtishād fī Al-I'tiqād*, c.1, Lebanon: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 11.

2. Firman Allah SWT dalam al-Quran iaitu:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَنَاكَ اللَّهُ الْدَّارُ الْأَخِرَةُ وَلَا تَنْسِ نَصِيبَكَ
مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ
الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا تُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

Maksudnya:

"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah Engkau melupakan bahagian mu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepada mu (dengan pemberian nikmatNya Yang melimpah-limpah); dan janganlah Engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang Yang berbuat kerosakan ".⁷³

Surah al-Qasas, (28):77

3. Firman Allah SWT dalam al-Quran iaitu:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلِيفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ
بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيَبْلُوْكُمْ فِي مَا آتَنَكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ
وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ

⁷³ Firman Allah SWT pada Surah al-Qaṣāṣ (28):77 itu, Allah SWT mengingatkan kepada orang-orang Islam yang berjaya dan mempunyai kurnia atau kekayaan yang melimpah, maka orang kaya itu pertama mesti mengeluarkan zakat sebagai kewajiban yang mesti dilaksanakan. Kedua orang kaya itu mesti banyak menolong kepada hamba-hamba Allah yang kehidupannya yang masih kurang sejahtera. Kemudian pesanan yang terakhir, seorang kaya jangan terlalu serakah untuk mengumpulkan kekayaan sehingga sampai melakukan kerosakan di muka bumi ini. Kerana akibatnya kerosakan di muka bumi itu akan menyebabkan bencana alam yang akan menimpa orang ramai.

Maksudnya:

“Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya, dan sesungguhnya ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”⁷⁴

Surah al-An‘ām (6): 165

4. Firman Allah SWT dalam al-Quran iaitu:

ص
وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَرَّى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ
وَسَتُرَدُّونَ إِلَى عَلِمِ الرَّغْبِ وَالشَّهَدَةِ فَيُنَبَّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ
تَعْمَلُونَ

Maksudnya:

“Dan katakanlah (Wahai Muhammad): beramalah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan”⁷⁵

Surah al-Taubah (9):105

⁷⁴ Firman Allah SWT pada Surah al-An‘ām (6): 165, bahawa Allah SWT menciptakan manusia itu sebagai Khalifah di muka bumi ini. Maka Allah SWT menjadikan manusia berbagai-bagai skil yang dimilikinya. Sehingga manusia ada yang ditinggikan darjahnya oleh Allah SWT dan ada yang tidak. Keragaman manusia itu adalah suatu kehidupan di muka bumi terciptanya manusia yang saling memerlukan antara satu dan lainnya. Selanjutnya, manusia itu boleh mencipta suatu komuniti yang bermula dari komuniti yang terkecil iaitu keluarga, sampai komuniti sebuah negara. Setelah terbentuknya komuniti yang besar, maka perlunya adanya sesuatu pengurusan yang akan boleh menciptakan kehidupan yang harmoni sesuai dengan nilai-nilai Islam.

⁷⁵ Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah (9): 10 ini, bahawa Allah SWT memerintahkan kepada orang-orang yang beriman untuk rajin melakukan amal soleh ialah beribadah, berikhtiar mencari rezeki, menolong antara sesama manusia, dan sebagainya. Ini kerana, orang-orang yang beriman itu ketika kembali kepada Allah SWT adalah mereka mesti membawa amalnya dan Allah akan melihat dan menghisab adalah amalnya.

b. Al-Hadith

Keusahawanahan yang berlandaskan al-Hadith Rasulullah SAW adalah:

1. Rasulullah SAW bersabda:

حدّ ثنا يحيى بن بکير: حدّ ثنا أللیث عن عقیل، عن ابن شهاب ، عن أبي عبید مولی عبد الرحمن بن عوف : أنه سمع أبا هريرة رضي الله عنه يقول: قال رسول الله صلي الله عليه و سلم " لأن يحطب أحدكم حزمة علي ظهره خیر من أن يسائل أحدا فيعطيه أو يمنعه ".⁷⁶

Maksudnya:

"Telah diceritakan kepada kami oleh Yahya bin Bakīr, telah diceritakan kepada kami oleh Allaith dari ‘Aqīl, dari Ibn Shihāb, dari Ibn ‘Ubaid Maulī ‘Abd al-Rahman bin ‘Auf Bahawasanya telah mendengar Abā Hurairah R.A. telah berkata: Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya seseorang yang membawa tali. Lalu dia memikul seberkas kayu api, lantas menjualnya dengan usaha itu, Allah menjaga dirinya adalah lebih baik daripada meminta-minta kepada orang, baik merak yang dipinta itu memberi atau menghalangnya." (H.R.Bukhārī)⁷⁷

2. Rasulullah SAW bersabda:

حدّ ثنا إبراهیم بن موسی: أخبرنی (عیسی بن یونس) عن ثور ، عن خالد بن معدان، عن المقدام رضي الله عنه عن النبي صلي الله عليه و سلم قال: " ما أكل أحد طعاما قطّ خيرا من أن

⁷⁶ Al-Imām al-Hāfiẓ Abī ‘Abd Allāh Muhammād bin Ismā‘il bin Ibrāhīm bin al-Mugīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *Sahīh al-Bukhārī*, Kitāb al-Buyū’, Bāb Kasbi al-Rajul wa ‘Amalih Biyadih, No.2074, (*Al-Kutub al-Sittah*), c.3, Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su‘ūdiyyah: Dār al-Salām, h. 162.

⁷⁷ Hadis ini menyatakan bahawa Rasulullah SAW sangat memuji kepada umat Islam yang rajin berusaha mencari rezeki dan karunia Allah SWT untuk memenuhi keperluan bagi dirinya dan keluarganya. Sebaliknya, Rasulullah SAW sangat kurang suka melihat umat Islam yang malas berusaha mencari rezeki dan kurnia Allah SWT.

يأكل من عمل يده، و إن نبي الله داود عليه السلام كان يأكل من عمل يده⁷⁸

Maksudnya:

“Telah diceritakan kepada kami oleh Ibrāhīm bin Mūsa: telah dikhabarkan kepadaku oleh ‘Isa bin Yūnus dari Thūr, dari Khālid bin Ma‘dān, dari al-Miqdām dari Nabi SAW bersabda:“Tidak ada makanan yang dimakan oleh seseorang yang lebih baik daripada hasil usaha tangannya sendiri, dan sesungguhnya Nabi Allah Dāwud, AS makan dari hasil usahanya sendiri ” (H.R. Bukhārī).⁷⁹

3. Rasulullah SAW bersabda:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ حَدَّثَنِي أَبِي ثَنَاءً أَسْوَدَ بْنُ عَامِرٍ قَالَ: ثَنَاءُ شَرِيكٍ
عَنْ وَائِلٍ عَنْ جَمِيعِ بْنِ عَمِيرٍ عَنْ خَالِهِ قَالَ: سُئِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْأَفْضَلِ الْكَسْبِ فَقَالَ: يَبْعُثُ مَبْرُورٌ وَعَمَلُ الرَّجُلِ

⁸⁰ يَدِهِ

Maksudnya:

“...Rasulullah pernah ditanya tentang usaha yang paling utama, beliau menjawab: “jual beli yang baik dan usaha seseorang dengan tangannya sendiri” (HR. Ahmad bin Hanbal)⁸¹

4. Rasulullah SAW bersabda:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مَنِيعٍ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ زَكْرِيَّا بْنُ أَبِي زَائِدَةَ حَدَّثَنَا
الْأَعْمَشُ عَنْ عُمَارَةَ بْنِ عُمَيْرٍ عَنْ عَمَّتِهِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ قَالَ

⁷⁸ Al-Imām al-Hāfiẓ Abī ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘il bin Ibrāhīm bin al-Mugīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, No. 2072, h. 162.

⁷⁹ Hadith ini menjelaskan bahawa Rasulullah SAW memberi motivasi kepada umat Islam agar rajin berusaha untuk mencari rezeki dan kurnia Allah baik dengan cara bermiaga, menjadi tukang batu, besi, petani dan sebagainya. Ini kerana sebaik-baik rezeki yang dimakan adalah hasil usahanya sendiri.

⁸⁰ Ahmad bin Hanbal (t.t), *Musnad Ahmad*, no. Hadith 16398, Beirut : Dār Ehyā al-Turāth al-‘Arabi, c. 4, h.501,

⁸¹ Hadith ini memberikan motivasi bahawa makan daripada hasil pekerjaan sendiri adalah lebih baik daripada meminta-minta atau bergantung kepada orang lain. Kebanyakan nabi-nabi dan rasul-rasul mereka bekerja sendiri untuk mencari rezeki. Contohnya ialah Nabi Daud as. sebagai tukang besi, Nabi Musa sebagai pengembala kambing, Rasulullah sebagai pengembala kambing dan pedagang.

رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ أَطْيَبَ مَا أَكَلْتُمْ مِنْ كَسْبِكُمْ
وَإِنَّ أَوْلَادَكُمْ مِنْ كَسْبِكُمْ.⁸²

Maksudnya:

Sesungguhnya sebaik-baik yang kamu makan adalah daripada apa yang kamu kerjakan atau lakukan, dan sebaik-baik yang dimakan oleh anak keturunanmu ialah daripada hasil pekerjaan kamu sendiri (HR. Muslim).

C. Amalan Keusahawanan Pada Masa Rasulullah SAW Dan Para Sahabat

Nabi Muhammad SAW diutus di atas bumi untuk dijadikan teladan bagi seluruh alam dalam segala aspek kehidupan dunia ataupun akhirat. Sebelum diangkat menjadi Rasul, nabi pernah mengalami hidup *zuhûd* atau sengsara sebagai penggembala kambing kemudian menjadi seseorang usahawan.⁸³

Amanah menjadi modal besar dan utama untuk mencapai ke arah sesuatu keberhasilan Baginda. Sifat jujur atau sidiq, tabah, kerja keras atau tekun merupakan tahap ke arah pintu kejayaan, tetapi kita lupa bahawa Muhammad SAW adalah ketokohan dalam dunia keusahawanan.⁸⁴

Abu Thalib mencadangkan kepada Saiditina Khadijah supaya perniagaannya ke Syam (*Syria*) diuruskan oleh Muhammad SAW dan cadangan itu diterimanya oleh Khadijah R.A, kerana Khadijah R.A. pada ketika itu mencari orang yang jujur untuk mengurus perniagaannya dalam kafilah Quraisy untuk dijualnya di Negara Syiria. Khadijah R.A. akhirnya menyerahkan seekor unta yang cergas, sejumlah barang yang mahal dan dua orang pembantu kepada Muhammad SAW sambil memerintahkan

⁸² Muhammad bin ‘Isa al-Tirnidhi (1421 H/2000M) *op. cit.*, h. 1778

⁸³ Muhammad Asri Hj. Hasyim (1996), *op. cit.*, h. 32.

⁸⁴ *Ibid.*, h.38.

kepada mereka untuk mematuhi dalam segala masalah dan tidak boleh melanggarnya serta benar-benar patuh kepadanya.⁸⁵

Satu kafilah dan barang dagangannya sudah bersedia untuk bertolak. Kafilah tiba di tempat tujuan, seluruh barang dagangan para kafilah terjual dan memperoleh untung yang banyak berbanding para kafilah yang lain. Muhammad SAW telah bermiaga ke sana dan membawa keuntungan daripada hasil perniagaannya yang berlipat ganda.⁸⁶ Muhammad SAW membeli barang tertentu untuk dijual di Bazar Tahamah, walaupun waktu itu keadaan kewangan dan ekonominya belum stabil.⁸⁷

Muhammad SAW meneruskan perniagaan bagi menyara diri dan keluarga seperti orang lain juga, dan sewaktu perjalanan terakhirnya ke Syiria sebagai wakil dagangan Khadijah R.A. Akhirnya, Muhammad SAW berjaya memulihkan kewangan dan ekonominya.⁸⁸ Sewaktu bermiaga Baginda tidak melepaskan peluang bergaul bermesra dengan rakan-rakan seperniagaan.⁸⁹

Abu Thalib sangat gembira apabila mengetahui kegiatan usaha Muhammad SAW dan keuntungan yang diperolehnya, Abu Thalib memberitahu keinginannya untuk menyerahkan dua ekor kuda dan dua ekor unta kepada baginda supaya dia dapat meneruskan perniagaannya. Mengenai wang yang diperolehi dan yang telah diserahkan kepadanya, Abu Thalib memutuskan untuk menyerahkan kepada Muhammad SAW untuk mengembangkan usahawannya.⁹⁰

⁸⁵ Abu Mus'ad al-Husni (2003), *Sejarah Lengkap Nabi Muhammad SAW*, c.2, Selangor: Putrajaya. Sdn Bhd, h.121.

⁸⁶ *Ibid*, h. 122

⁸⁷ Mahayudin Hj. Yahya (1993), *Sejarah Islam*, c. 1, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd, h. 42.

⁸⁸ Abu Mus'id al- Husni (2003), *op. cit.*, h. 122.

⁸⁹ Mahayuddin Hj. Yahya (1993), *op. cit.*, 43

⁹⁰ Abu Mus'id al- Husni (2003), *op. cit.*, h. 123.

Sebahagian besar penduduk Arab adalah terdiri dari pedagang-pedagang. Demikian juga, para sahabat seperti Abū Bakar Siddiq RA Uthmān bin Affān RA, dan ‘Umar bin Khattāb RA adalah pedagang kain dan pedagang jagung yang disegani. Perdagangan adalah aktiviti yang sangat digalakkan Islam kerana ianya bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan, malah meningkatkan martabat ekonomi umat Islam di dunia antara bangsa.⁹¹ Begitu pula, Nabi Muhammad SAW sangat menghargai orang yang aktif bekerja dan mempunyai semangat karya besar, sehingga Baginda mencium sahabatnya Sa'ad bin Mu'adz apabila nampak tangan Sa'ad kasar kerana kerja keras.⁹² Apabila melihat seseorang itu semangat bekerja, baginda memujinya. Sebaliknya, Islam malu kepada orang yang malas bekerja.

Pada masa khalifah, sahabat Umar bin Khattab datang ke Masjid, beliau melihat seorang lelaki yang asyik berzikir dan berdoa kepada Allah di dalam sebuah Masjid. Padahal masa itu, orang lain sedang sibuk bekerja mencari rezeki dan kurnia Allah SWT di pelbagai bidang. Setelah doa itu terdengar oleh Umar, ternyata lelaki itu memohon kepada Allah agar diberi rezeki, maka Khalifah Umar marah dan berkata kepada lelaki itu, “Apa yang engkau buat di sini?” Tanya Khalifah, “aku memohon rezeki yang halal sambil bertawakal kepada Allah” jawab lelaki itu. Tiba-tiba Khalifah merotan lelaki itu dan dihalaunya keluar masjid “Allah tidak akan menjatuhkan emas dari langit, tahu!! Pergilah ke pasar dan bekerjalah di sana,” kata Khalifah. Orang itu terperanjat lalu bangun dan terburu-buru keluar daripada masjid.⁹³

Oleh sebab itu, umat Islam adalah manusia terawal dan tertua dalam sejarah tamadun manusia yang mendapat dorongan dan galakkan secara langsung dari

⁹¹ M. Shabri Abd. Majid dan Nasir Azis (2007), Ke Arah Integrasi Ekonomi: Strategi Untuk Menangani Kesan Globalisasi, *Jurnal Syariah, Apium*, Vol.15, h. 63-64.

⁹² Muhammad Ismail Yusanto (2006), *op. cit.*, h. 10.

⁹³ Ibnu Muhammad (2002), *Kehidupan Para Khalifah Islam*, c.1, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, h. 33.

agamanya sendiri. Jadi, mereka yang sepatutnya paling maju dan paling bersemangat dan paling berusaha dalam pelbagai industri sama ada kecil atau besar. Islam tidak membenarkan umatnya membiarkan bahagiannya di dunia. Sehingga dalam melakukan aktiviti, umat Islam harus memastikan keseimbangan atau kesamaan, antara aktiviti duniawi dan ukhrawi untuk bekerja mendapatkan rezeki dari Allah.⁹⁴

Maka usahawan adalah mereka yang menanggung risiko sendiri seperti petani, peniaga besar atau kecil, dan lain-lain. Jadi, usahawan adalah merupakan seseorang yang memiliki perniagaan dan kepunyaan tunggal, kerana mereka membeli pada harga tertentu atau menahan pada masa tertentu dan menjual hasilnya pada waktu yang tertentu juga. Sehingga usahawan adalah ejen perubahan kerana mereka mencipta produk, proses dan sistem baru.⁹⁵ Sudah menjadi perkara umum bahawa keusahawanan perniagaan merupakan induk atau inti asas laba atau untung dan lebih tinggi darjahnya daripada selain usahawan perniagaan seperti pertanian, penternakan, dan industri lainnya.

Mencari penghasilan halal merupakan suatu tugas wajib bagi semua khalifah mencari rezeki dengan pedagang, Abū Bakar al-Sidiq pernah berusaha perdagangan pakaian, ‘Umar pernah bermiaga jagung, Usman dan Imām Abū Hanifah juga bekerja dalam perniagaan kain pakaian. Mencari rezeki yang halal adalah *farḍu ‘ain* menurut Islam dan berusaha di dalam bidang ekonomi dan membuat barang-barang keperluan utama orang-orang Islam adalah *farḍu kifayah*.⁹⁶ Bekerja dan berusaha adalah sesuatu yang dipandang mulia oleh Islam dan digalakkan, menceburkan diri dalam bidang keusahawanan adalah amal saleh yang besar pahalanya. Sebaik-baik makanan adalah yang dihasilkan daripada kerja dan usaha sendiri. Orang yang paling disayangi oleh

⁹⁴ *Ibid*, h. 64.

⁹⁵ Abd. Aziz Yusof (t.t), *op. cit.*, h. 217.

⁹⁶ Adnan Alias et. Al. (2002), *Keusahawanan Islam*, c.1, Selangor: Prentice Hall, h. 3.

Allah ialah orang yang banyak memberi manfaat kepada orang lain. Para usahawan adalah orang yang selalu berusaha untuk menghasilkan manfaat kepada masyarakat, sama ada dengan langsung atau tidak langsung.

2.3 Pembangunan Keusahawanan Islam

Umat Islam perlu terus melahirkan usahawan kerana ekonomi negara masih terus berkembang dan dalam keadaan sedemikian mampu menyediakan persekitaran lebih maju untuk melahirkan peluang baru. Kehadiran usahawan perlu sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi negara. Oleh sebab itu, kerajaan tidak sahaja mampu memainkan peranan bagi melahirkan peluang dan kekayaan baru itu, akan tetapi kerajaan boleh melahirkan para usahawan untuk meningkatkan ekonomi negara.

Usahawan merupakan individu yang memainkan peranan dalam sesebuah organisasi atau syarikat tertentu iaitu menciptakan produk, proses dan hasil baru yang menguntungkan syarikat tersebut melalui inovasi dan kreativiti mereka. Walaupun terdapat sedikit perbezaan dari aspek ciri-ciri dalaman antara usahawan, tetapi ia mempunyai peranan yang sama ialah melakukan keusahawanan yang dapat menciptakan produk-produk baru.

Mekah terletak secara strategik dalam jalur perdagangan antara Laut Tengah dengan Samudera India. Kaum Quraisy, suku Rasul sendiri telah mencapai kedudukan politik yang penting sekali, berkat kekuatan perdagangan mereka di daerah ini. Rasul sendiri pernah bekerja dengan kafilah yang mengangkut barang-barang dari Bizantium ke pasar di Mekah. Al-Qur'an sendiri penuh dengan istilah-istilah dagang.⁹⁷ Abdrurahman bin Auf adalah salah satu sahabat Rasul sebagai tokoh usahawan yang sangat masyhur yang

⁹⁷Siddiq Fadzil, Etos Keusahawanan: Perspektif Agama dan Budaya, *Makalah Akademi Pengurusan KDH-APYAPEIM, Kuala Lumpur, tarikh 12 hari bulan Januari 2009*

wafat pada tahun 32 Hijrah bersamaan tahun 654 Masihi ketika berumur 74 tahun. Beliau memberi sumbangan dari segi kewangan dan barang ketika perang Tabuk iaitu sebanyak 200 tahlil emas, 500 ekor kuda perang dan 1500 ekor unta tunggangan. menyedekahkan 400 dinar kepada setiap bekas tentera perang Badar yang masih hidup iaitu seramai 100 orang dan beliau merupakan lambang kejayaan umat Islam di dalam bidang urusniaga dan perdagangan terutama ketika bidang ekonomi ketika itu dimonopoli oleh orang Yahudi.⁹⁸

Orang yang mengamalkan keusahawanan akan memperolehi pelbagai manfaat, dan semestinya mempunyai satu sistem yang khas dan fleksibel bagi memastikan individu bekerja dan akan terus mendapat sokongan untuk berinovasi dan kerjaya. Perniagaan merupakan bidang yang dikuasai oleh umat Islam pada zaman awal kebangkitannya iaitu masa khalifah bani Abbasiyah pada tahun 752 masehi di Cordoba, Sepanyol.

Dalam konteks perniagaan, bangsa Yahudi dan Cina, seringkali digambarkan sebagai bangsa yang berkebolehan di dalam perniagaan. Sedangkan Muhammad S.A.W. menggalakkan umatnya supaya menceburkan diri di dalam bidang perniagaan sejak 1400 tahun yang lampau. Penguasaan umat Islam terhadap perniagaan hari ini masih rendah dan kurang memberangsangkan, berbandingkan dengan orang yang bukan Islam. Fenomena ini berlaku kerana kekurangan modal yang menjadi halangan atau kekurangan minat usahawan dan budaya keusahawanan dalam perniagaan di kalangan umat Islam.

⁹⁸ http://ms.wikipedia.org/wiki/Abdur_Rahman_ibn_Auf

Sebaliknya, sistem ekonomi berfahaman kapitalis mendidik manusia bersifat tamak dan pentingkan diri. Ianya menghapus dengan perlahan sifat-sifat luhur dan keprihatinan kepada orang lainnya, yang sedang kelaparan. Manakala sistem Komunis sebaliknya berpendapat bahawa, pemilikan kolektif harta milik peribadi untuk bersama, di mana sistem ini boleh mewujudkan sikap bodoh dan malas bekerja.⁹⁹

Hal ini menunjukkan bahawa usahawan yang terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui daya kepemimpinan mereka yang dinamik, pengurusan cekap, inovasi tinggi, keberkesanan pembangunan dan penyelidikan dilakukan mereka. Melalui sumbangan mereka, akan lahirlah pekerjaan baru kepada masyarakat serta membantu meningkatkan persaingan, produktiviti, malah membentuk pertumbuhan industri baru. Oleh itu, masyarakat harus sedar tanpa usahawan, ekonomi sesebuah negara tidak mampu maju dengan pesat dan berdaya saing ke hadapan.¹⁰⁰

Sebenarnya dalam Islam sendiri, keusahawanan bukanlah sesuatu yang asing, Rasulullah sendiri tidak pernah menghalang sahabat mengumpul kekayaan, malah jika kita amati sejarah penyebaran Islam pada zaman jahiliah, kekuatan Islam banyak dibina berlandaskan harta benda dan kekayaan dimiliki oleh sahabat. Melalui perniagaan, kesedaran timbul di kalangan masyarakat kita mengenai pentingnya kewujudan usahawan di kalangan mereka. Minat dan budaya melahirkan keusahawanan akan membolehkan pemikiran, sikap dan mentaliti yang kukuh dan betul mengenai pentingnya kewujudan usahawan diletakkan dalam diri masyarakat. Manakala pembudayaan keusahawanan di dalam diri usahawan itu sendiri pula adalah bagi

⁹⁹ Eko Prasetyo (2002), *HAM; Kejahanan Negara dan Imperialisme Modal*, C. 1, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 54

¹⁰⁰ A.Aziz bin Azimullah (1998), *Rahasia Kejayaan Dan Kecemerlangan Diri*, c.1, Kuala Lumpur: Putrajaya, H. 89.

menekankan pengamalan nilai keusahawanan dan sokongan disediakan oleh kerajaan tidak menjadi sia-sia.

2.3.1 Asas-asas Pembangunan Keusahawanan Islam

Al-Quran dan al-Hadis adalah sumber utama yang menjadi pedoman hidup walau bagaimanapun Nas yang ada di dalamnya hanya menerangkan landasan asas sahaja. Perniagaan adalah satu aktiviti menguntungkan, tidak sahaja dalam dunia, tetapi juga dalam akhirat.¹⁰¹ Oleh kerana itu, Islam jelas menggalakkan kekayaan ekonomi dan sebaliknya Islam melarang mendapat harta dengan cara yang tidak halal. Sebagai contohnya, sistem kapitalis menumpukan kepada mengumpul harta dan harta itu untuk dirinya sahaja.¹⁰² Dan bukan disebabkan oleh orang lain.

Konsep perniagaan dalam Islam mempunyai perbezaan yang ketara berbanding dengan apa yang diperkatakan di dalam sistem perniagaan konvensional yang melihat kepada keuntungan semata-mata, tetapi Islam menekankan bahawa perniagaan itu merupakan salah satu agenda kehidupan manusia yang penting.

وَتَرَى كَثِيرًا مِّنْهُمْ يُسْرِعُونَ فِي الْأَلَاثِمِ وَالْعُدُونَ وَأَكْلِهِمُ
السُّخْتَ لَبِيسَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Surah al-Māidah (5):62

Maksudnya:

“Dan Engkau lihat kebanyakannya dari mereka berlumba-lumba pada melakukan dosa dan pencerobohan serta memakan yang haram. Demi sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah lakukan”.

Surah al-Māidah (5):62

¹⁰¹ Abdul Qodry Azizi (2003), *Melawan Globalisasi Reinterpretasi Ajaran Islam*, c.1, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 44.

¹⁰² *Ibid.*, h. 90.

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ حَدَّثَنِي أَبِيهِ حَدَّثَنَا يَزِيدٌ حَدَّثَنَا الْمَسْعُودِيُّ عَنْ وَائِلِ
 أَبِي بَكْرٍ عَنْ عِبَاعَةَ بْنِ رَفَاعَةَ بْنِ رَافِعٍ بْنِ خَدِيجٍ عَنْ جَدِّهِ رَافِعِ بْنِ
 خَدِيجٍ قَالَ: «قَيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْكَسْبٍ أَطْيَبُ؟ قَالَ: عَمَلٌ
 الرَّجُلُ بِيَدِهِ وَكُلُّ بَيْعٍ مَبْرُورٌ»

Maksudnya:

Daripada Rafi' bin Khadij berkata, Rasulullah pernah ditanya tentang, "usaha apa yang paling baik?", beliau bersabda: "usaha seseorang dengan tangannya sendiri dan setiap jual beli yang baik"¹⁰³

Selain dari mendapat keuntungan, keberkatan adalah merupakan salah satu asas yang patut ditekankan. Perniagaan yang berkat ialah perniagaan yang menepati kehendak syarak. Sifat-sifat murni dalam perniagaan antaranya benar, jujur dan ikhlas hendaklah diamalkan. Ahli-ahli perniagaan yang bersifat jujur akan sentiasa berada di bawah rahmat Allah S.W.T.

Manusia yang bijak merupakan manusia yang belajar daripada peristiwa silam, sewaktu Nabi Muhammad SAW dan sahabat-sahabat baginda berhijrah dari Mekah ke Madinah. Kaum Muhibbin tidak mempunyai apa-apa. Namun mereka mempunyai semangat yang kuat untuk meletakkan diri mereka setanding atau pun lebih baik berbanding dengan apa yang dimiliki oleh kaum Yahudi. Berkat kesungguhan dan usaha berterusan dengan berbekalkan ketaqwaan kepada Allah SWT, umat Islam bukan sahaja dapat mengembangkan ekonominya di Madinah bahkan mereka dapat memecahkan benteng monopoli ekonomi yang dikuasai oleh golongan Yahudi.

¹⁰³ Ahmad bin Hanbal (t.t), *op, cit.*, h.501,

Semangat berniaga yang ditunjukkan oleh Muhammad SAW, tetapi apa yang disarankan oleh Muhammad SAW kini diabaikan oleh umat Islam. Maka umat Islam pada masa ini telah tersisih daripada menguasai perdagangan dalam urusan ekonomi. Sedangkan kebanyakkan negara Islam mempunyaikekayaan sumber alam dan juga bahan galian seperti; minyak, bijih timah, hasil pertanian, perak, emas dan lain-lain.

Sejarah kegembilangan Islam telah membuktikan bahawa pada suatu ketika dahulu, umat Islam berjaya menguasai ekonomi dunia seperti yang telah dibuktikan oleh Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat. Oleh itu, sekiranya kita menguasai ekonomi dalam negara, dengan sendirinya kita dapat membentuk jati diri dan kekuatan umat Islam. Ianya juga menjamin keselamatan yang mana tidak cukup dengan kekuatan politik sahaja. Tetapi sebagai umat terbaik, kita mesti mengurus atau mentadbir kekuatan ekonomi kita sendiri agar tidak dipandang rendah oleh orang-orang kafir.

2.3.2 Pembangunan Keusahawanan Menurut Islam

Mereka yang bergiat dalam bidang perniagaan hendaklah meningkatkan penghasilan dalam bidang ini. Sementara itu, mereka yang tidak terlibat hendaklah memberi dorongan kepada saudara kita dalam perniagaan. Sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Qur'an iaitu;

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ
وَآذُكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya:

"Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di Akhirat)".

Surah al-Jumu'ah (62):10

Salah satu aspek kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat ialah kemajuan ekonominya. Dengan kemajuan ekonomi, segala kebuntuan hidup masyarakat dapat diatasi. Demikian pula, umat Islam yang menjadi makmur dan sejahtera ialah apabila pembangunan ekonomi sendiri maju. Apabila kita lihat dalam kehidupan masyarakat, nampaknya masih ramai umat Islam yang kecil perhatiannya terhadap soal peningkatan ekonomi. Sehingga mengakibatkan kita masih tertinggal jauh ke belakang jika dibandingkan dengan umat-umat yang lain. Ini dapat kita saksikan, di mana ramai umat Islam yang hidup di bawah garis kemiskinan.¹⁰⁴

Sejak akhir-akhir ini, masyarakat Islam telah sedar tentang betapa pentingnya ekonomi Islam. Sistem ekonomi Islam adalah sistem yang bersumberkan daripada al-Qur'an dan al-Hadith. Kemudian ilmu itu dikembangkan oleh pemikiran manusia yang ahli di dalam bidang ekonomi, dengan memenuhi syarat-syarat tertentu, yang tidak diambil atau ditiru dari timur ataupun barat. Islam telah menggariskan tentang pentingnya dalam membentuk serta memajukan ekonomi. Antaranya ialah :

- a. Ekonomi umat Islam mestilah berdasarkan Al-Qur'an dan Al-Sunnah iaitu tidak menghalalkan yang haram dan tidak mengharamkan yang halal. Allah memerintahkan perniagaan dan perdagangan atas dasar suka sama suka dan melarang keras memakan harta dengan cara yang haram. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam al-Qur'an iaitu:

يَٰٰيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ
إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِحْرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ
إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَّحِيمًا

¹⁰⁴ <http://id.wikipedia.org/wiki/Kemiskinan>, 27 january 2010.

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan dengan suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu”.

Surah al-Nisā' (4):29

- b. Setiap orang Islam hendaklah sedar bahawa seluruh yang ada di alam semesta ini seperti langit, bumi serta sumber alam yang ada padanya, bahkan harta kekayaan yang di kuasai oleh manusia adalah khalifahNya di bumi. Beliau juga berhak mengurus dan memanfaatkan milik mutlak Allah dengan cara yang halal, sebagaimana firman Allah di dalam al-Qur'an iaitu:

اللَّهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا فِيهِنَّ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya:

“Allah jualah yang menguasai alam langit dan bumi serta segala yang ada padanya; dan Dialah jua yang maha kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

Surah al-Māidah(5): 120

- c. Dalam Islam konsep persaudaraan amat penting, akan tetapi ada di kalangan umat Islam di dalam urusan perniagaan atau perdagangan masih saling jatuh-menjatuhkan antara satu sama lain. Padahal umat Islam itu bersaudara bukan bermusuh, jika konsep persaudaraan mampu diwujudkan. Maka ekonomi umat Islam tidak akan dikuasai oleh orang kafir. Akan tetapi realitinya tidak demikian, umat Islam masih rapuh, banyak penyakit keji di dalam diri mereka seperti iri hati, menghasut, ingin melihat saudaranya susah, memfitnah dan sebagainya. Di dalam al-Quran, Allah menggambarkan mereka ini seperti seorang perempuan yang menguraikan benang yang sudah diikat dengan kuat lalu menjadi cerai-berai kembali, firmanNya :

وَلَا تَكُونُوا كَالَّتِي نَقَضَتْ غَزَلَهَا مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ أَنْكَثَ
 تَتَخِذُونَ أَيْمَانَكُمْ دَخَلًا بَيْنَكُمْ أَنْ تَكُونَ أُمَّةٌ هِيَ أَرَبَّى
 مِنْ أُمَّةٍ إِنَّمَا يَبْلُو كُمُ الْلَّهُ بِهِ وَلَيَبْيَسَنَ لَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَا
 كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu menjadi seperti perempuan yang telah merombak satu persatu benda yang dipintalnya, sesudah ia selesai memintalnya kuat teguh; dengan kamu menjadikan sumpah kamu sebagai tipu daya (untuk mencabuli perjanjian yang telah dimeterai) sesama kamu, disebabkan adanya satu golongan yang lebih ramai dari golongan lain. Sesungguhnya Allah hanya muh menguji kamu dengan yang demikian itu; dan ia sudah tentu akan menerangkan kepada kamu, pada hari kiamat, apa yang kamu berselisihan padanya”.

Surah al-Nahl(16): 92

Selain daripada itu, ada beberapa larangan lain yang perlu diberi perhatian oleh ahli perniagaan di dalam urusniaga. Antaranya ialah sikap menindas orang yang tidak bersalah dan membuat kenyataan palsu adalah dilarang. Iklan palsu dan bersikap pembohong jurujual adalah sebagai salah satu contoh yang boleh diambil perhatian.¹⁰⁵

Kini zaman teknologi tinggi, hampir semua bidang usaha memerlukan peralatan yang berteknologi tinggi samada dalam bidang perniagaan, pertanian, pembangunan dan sebagainya. Jika kita tidak berusaha menguasai ekonomi tersebut, rasanya amat sukar sekali untuk kita bersaing dengan umat lain yang telah maju dan menguasai teknologi tinggi. Maka apabila ekonomi kita ingin cepat, maju dan mampu bersaing, bekerja merupakan cara untuk menguasai teknologi ini. Dalam hal penguasaan teknologi, Allah s.w.t. berfirman di dalam al-Qur'an iaitu:

¹⁰⁵ Abdul Qodry Azizi (2003), *op. cit.*, h. 45.

يَمَعْشَرَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ إِنْ أَسْتَطَعْتُمْ أَنْ تَنْفُذُوا مِنْ أَقْطَارٍ
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ فَانْفُذُوا لَا تَنْفُذُونَ إِلَّا بِسُلْطَنٍ

Maksudnya:

“Wahai sekalian jin dan manusia! kalau kamu dapat menembus keluar dari kawasan-kawasan langit dan bumi (untuk mlarikan diri dari kekuasaan dan balasan kami), maka cubalah kamu menembus keluar. Kamu tidak akan menembus keluar melainkan dengan satu kekuasaan (yang mengatasi kekuasaan kami)”.

Surah al-Rahmān (55): 33

Begitu juga amaran daripada Allah SWT untuk para peniaga makanan yang dijelaskan pada al-Qur'an iaitu:

يَأَيُّهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا
خُطُواتِ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya:

“Wahai sekalian manusia! makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”.

Surah al-Baqarah, (2): 168

Kemudian Allah SWT memberi amaran kepada umat Islam untuk membuat dan menjual pakaian agar umat manusia boleh menutup aurat. Sebagaimana dalam firman Allah SWT dalam al-Qur'an iaitu:

يَبْنَىٰ إِادَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُوَارِى سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا
 وَلِبَاسٌ الْتَّقْوَىٰ ذَلِكَ خَيْرٌ ذَلِكَ مِنْ إِعْيَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ
 يَذَّكَّرُونَ

Maksudnya:

“Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya. yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hambaNya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur)”.

Surah al-A‘rāf, (7):26

2.3.3 Implikasi Keusahawan Islam

Pada masa yang sama, seorang usahawan Islam mesti mempunyai platform yang kukuh dalam berusaha ialah: bersikap jujur (*Siddîq*) tidak bohong, bertanggungjawab (*amânah*), tidak curang dalam takaran dan ukuran, berperikemanusiaan (*Kemanusiaan*) atau memberi masa untuk pelanggan yang tidak dapat membayar tunai dan menjual barang yang telah dibeli, sederhana (*al-Tawâzun*), menjauhkan sumpah berlebihan, bersaksama (*'Adil*), tiada monopoli, bersungguh sungguh (*Itqân*) dan tidak membatasi dan menaikkan harga barang harian (*komoditi*).¹⁰⁶ Oleh itu, terdapat tiga implikasi keusahawanan Islam iaitu implikasi ekonomi, sosial dan budaya.

A. Ekonomi

Sebagaimana telah dijelaskan di atas, tentang keusahawanan yang telah diamalkan dan dicontohkan oleh Muhammad SAW dan para sahabatnya. Maka umat Islam berusaha dan menguruskan perniagaan mengikut aturan hukum yang telah ditetapkan dalam al-Qur'an dan al-Hadith. Dalam hal keusahawanan ini, implikasi

¹⁰⁶ <http://media.isnet.org/Islam/Etc/AsalUsul.html>, 10 April 2006

terhadap pertumbuhan ekonomi sangat memerlukan sekali kepada sebuah kerajaan atau negara.¹⁰⁷

Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:
لَا إِنْ يَغْدُو أَحَدُكُمْ فَيَحْطِبَ عَلَى ظَهِيرَهِ فَيَتَصَدَّقَ بِهِ وَيَسْتَغْنِي بِهِ
مِنَ النَّاسِ خَيْرٌ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ رَجُلًا أَعْطَاهُ أَوْ مَنَعَهُ ذَلِكَ فَإِنَّ الْيَدَ
الْعُلِيَّا أَفْضَلُ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى وَابْدَأْ مِنْ تَعْوُلٍ.¹⁰⁸

Maksudnya:

Abu Huraira melaporkan bahawasanya Rasulullah s.a.w. berkata: Lebih baik salah seorang daripada kamu mengikat sebuah beban yang terdiri dari kayu bakar lalu memikulnya di bahu, kemudian menjualnya, lebih baik daripada menjadi seorang yang meminta-minta, kadang-kadang ia diagih dan terkadang tidak diagih, sesungguhnya tangan di atas lebih baik daripada tangan di bawah (HR. Muslim).

Pertumbuhan ekonomi dalam sebuah negara Islam itu mesti disebabkan oleh peranan aktif dari pihak kerajaan iaitu pengawalan harga barang benar-benar terkawal, mencegah adanya praktik monopoli dalam sebuah perniagaan besar dan meningkatkan kelajuan pertumbuhan ekonomi dalam mengatur pekerjaan. Ini kerana pengaturan pekerjaan adalah salah satu faktor untuk meningkatkan produktiviti dalam menghasilkan pengeluaran.¹⁰⁹

¹⁰⁷ Ahmad Ibrahim Abu Sin (2002), *Pengurusan Dalam Islam*,(terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.30

¹⁰⁸ Muslim bin al-Hallaj (1421 H/2000 M) “*Sahih Muslim*” dalam Salih bin Abd al-‘Aziz bin Muhammad bin Ibarahim Ali al-Shayk. *Mawsu’ah al-Hadīth al-Sharīfah al-Kutub al-Sittah*. C. 3, no. 2400, Kitab *al-Zakāh*, Bab *Karahah al-Masalah li al-Nas*, al-Riyad: Dar al-Salam, h. 841

¹⁰⁹ *Ibid*, h. 32.

B. Sosial

Pengurusan keusahawanan dalam Islam adalah suatu pekerjaan yang sangat mulia sebagaimana apa yang telah disabdakan oleh Muhammad SAW tentang “ mata pencarian yang paling baik menurut Muhammad SAW adalah bekerja dengan tangannya sendiri dan setiap jual beli yang bersih”. Begitu juga, Allah SWT berfirman dalam al-Qur'an, iaitu:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الْرِبَاً لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي
يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ
الْرِبَا وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الْرِبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ
رَبِّهِ فَأَنْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ^ص عَادَ فَأُولَئِكَ
أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَلِدُونَ

Maksudnya:

“Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhananya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu), maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya”.

Surah al-Baqarah (2):275

Rasulullah SAW bersabda:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ حَدَّثَنِي أَبِيهِ حَدَّثَنَا يَزِيدٌ حَدَّثَنَا الْمَسْعُودِيُّ عَنْ وَائِلٍ أَبِي بَكْرٍ عَنْ عِبَادَةَ بْنِ رَفَاعَةَ بْنِ رَافِعٍ بْنِ خَدِيجٍ عَنْ جَدِّهِ رَافِعٍ بْنِ خَدِيجٍ قَالَ: «قِيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْكَسْبُ أَطْيَبُ؟ قَالَ: عَمَلُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ وَكُلُّ بَيْعٍ مَبْرُورٌ». ¹¹⁰

Maksudnya:

Daripada Rafi' bin Khadij berkata, Rasulullah pernah ditanya tentang, "usaha apa yang paling baik?", beliau bersabda: "usaha seseorang dengan tangannya sendiri dan setiap jual beli yang baik" (HR. Ahmad bin Hanbal)

Berdasarkan ayat di atas, implikasi keusahawanan dalam Islam adalah menyedarkan masyarakat terutama para usahawan tentang bahaya praktik ribawi. Ini kerana praktik ribawi itu akan mendorong manusia untuk melakukan suatu penindasan kepada orang lain. Maka praktik ribawi itu mesti benar-benar dihapuskan dalam kehidupan masyarakat Islam. Keusahawanan Islam juga boleh mengurangkan angka pengangguran penduduk pada masyarakat Islam. Ini kerana perniagaan atau keusahawanan itu mampu menyerap angka tenaga kerja yang lebih banyak dan angka kejahatan pada masyarakat akan semakin berkurangan bahkan boleh jadi tidak ada langsung.¹¹¹

Masyarakat Islam khususnya para pengusahanya perlu ada kesedaran untuk membayar zakat hartanya. Dengan zakat itu, penduduk yang berada pada tahap kemiskinan boleh dibantu dan ianya boleh melakukan perniagaan yang sederhana dengan modal yang diperolehi dari pusat pungutan zakat itu. Akhirnya, penduduk yang

¹¹⁰ Ahmad bin Hanbal (t.t), *Op. cit.*, h. 501,

¹¹¹ Buchari Alma (2005), *Op. cit.*, h. 236.

tadinya berada digaris kemiskinan kelak di kemudian hari mereka akan mampu menjadi pengeluar zakat.¹¹²

C. Budaya

Tekun dan gigih menjadi teras budaya keusahawanan sebagaimana Rasulullah bersabda :

عَنْ عَائِشَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنَّ أَطْيَبَ
مَا أَكَلَ الرَّجُلُ مِثْنَاءَ كَسْبِهِ¹¹³

Maksudnya:

Dari pada Aisyah dia berkata, Rasulullah saw bersabda: sesungguhnya tiadalah usaha yang paling baik selain dari kerja tanganya sendiri.¹¹⁴

Keusahawanan yang berprinsipkan Islam itu boleh mengembangkan atau membudayakan nilai-nilai Islam di antaranya adalah kejujuran, kerana ia merupakan asas moraliti iman dan karakter yang sangat menonjol bagi setiap orang-orang yang beriman. Bahkan kejujuran adalah karakter atau perilaku para Rasul dalam menegakkan agama di dunia ini. Kejujuran itu mesti dijadikan landasan bagi para peniaga, agar perniagaannya mampu berdaya saing dan menjana pertumbuhan ekonomi negara. Peniaga yang jujur adalah peniaga yang sangat diredhai oleh Allah SWT dan sebagaimana ditegaskan oleh Muhammad SAW bahawa peniaga yang jujur dan

¹¹² *Ibid.*, h. 237.

¹¹³ Ibnu Majah (t.t), *Sunan Ibnu Majah*, kitab al-Tijarah, Bab al-Hath ala al-Makasib, no. hadith 2138, Al-Kutub al-Sittah), c.3, Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su‘udiyyah: Dār al-Salām

¹¹⁴ Umat Islam digalakkan untuk bekerja keras mencari rezeki dan bukannya bekerja sambil lewa sahaja. Dan pendapatan yang diperolehi daripada kerja keras adalah lebih baik daripada pendapatan yang dilakukan sambil lewa. Dosa seseorang pekerja juga akan dihapuskan sekiranya mereka bekerja dengan keras.

diperdayai adalah bersama para nabi, orang-orang yang mengikut ajaran Nabi, dan para Suhada.¹¹⁵

Nilai Islam berikutnya adalah amanah kerana amanah sangat berkait dengan nilai kejujuran. Satu ciri orang-orang yang beriman adalah menjaga dan memelihara amanah dan janji-janjinya.¹¹⁶ Usahawan-usahawan Muslim mesti mengamalkan nilai-nilai kejujuran dan amanah, apabila mereka bermula. Ini kerana kejujuran dan amanah adalah kunci kejayaan dalam perniagaan yang direhdai oleh Allah SWT.¹¹⁷

2.4 Projek Pembasmian Kemiskinan Di Perbandaran (P2KP)

Projek pembasmian kemiskinan di Bandar merupakan program yang telah lama diprogramkan oleh kerajaan Pusat Indonesia melalui Kementerian Pemukiman dan Prasarana Wilayah. Kemudian program itu diserahkan kepada wilayah negeri seluruh Indonesia, dari negeri mengelola bandar-bandar yang mempunyai penduduk yang tingkat kemiskinannya sangat menyedihkan. Seterusnya, Datuk Bandar melaksanakan program P2KP yang mana program itu akan diaplikasikan kepada setiap kampung-kampung yang ada di kawasan wilayah bandar.

Projek P2KP ini telah dilaksanakan di seluruh wilayah Indonesia, ialah khusus untuk wilayah perbandaran. Di antara projek P2KP itu diterapkan dan dilaksanakan di wilayah perbandaran Cirebon. Oleh kerana itu, penulis membahaskan tentang projek P2KP ini bermula dari latar belakang P2KP ini terus kepada mengenai pemanfaatan modal P2KP bagi masyarakat bandar untuk meningkatkan pendapatan dan ekonomi bandar Cirebon.

¹¹⁵ Didin Hafidhuddin (1995), *Peran Nilai Moral Dalam Perekonomian Islam* (terj.), Jakarta: Robbani Press, h. 293.

¹¹⁶ Al-Qur'an, Surah al-Mu'minūn (23): 8.

¹¹⁷ Didin Hafidhuddin (1995), *op. cit.*, h. 297.

Projek P2KP ini dimulakan pada tahun anggaran 1999/2000. Program ini bertujuan untuk membasmi kemiskinan struktural mahupun yang diakibatkan kemelesetan ekonomi dengan ruang lingkupnya adalah bandar-bandar besar di Indonesia. Kerajaan Indonesia menyalurkan dana sebesar Rp 900 Billion (\pm RM 360 juta) untuk P2KP. Dana tersebut diperolehi dari pinjaman lembaga-lembaga penaja terutama Bank Dunia kepada kerajaan Indonesia.¹¹⁸Dalam pelaksanaannya, P2KP di peringkat pusat telah membentuk suatu pasukan koordinasi P2KP Pusat yang terdiri daripada Bappenas (Badan Perencanaan dan Pembangunan Nasional), Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri, dan Kementerian Pekerjaan Umum.

Pelaksanaan program P2KP di bandar Cirebon dibahagikan kepada dua tahap. Tahap pertama pada tahun 1999 disalurkan kepada 104 Balai Kampung sedangkan tahap kedua pada tahun 2002 disalurkan kepada sebanyak 139 Kampung, dana P2KP sebanyak Rp 44 Billion. Dalam pelaksanaan tahap pertama, program P2KP ini masih mengalami rintangan dan hambatan.¹¹⁹seperti tidak lancarnya pengembalian hutang pinjaman pembiayaan pernigaan kepada masyarakat yang mempunyai perniagaan kecil, tidak wujudnya proses pembelajaran antara perniagaan dalam organisasi KSM.

Berdasarkan hasil pengawasan yang dilakukan oleh Pasukan Koordinasi P2KP di Bandar Cirebon masih terdapat gejala di mana pelaksanaan sudah mencapai matlamat yang diharapkan. Daripada data kajian, hampir seluruh BKM yang ada di bandar Cirebon mengalami tiada tunggakan (*Stagnate*) dana. BKM melaporkan secara terpeinci hasil perkembangan P2KP di kawasannya. Hal ini merupakan bilangan yang sangat

¹¹⁸ Pasukan P2KP Pusat, 2004: 31

¹¹⁹ Bappeda Kota Cirebon Tahun 2004

tinggi jika dibandingkan dengan bandar-bandar besar lainnya di Indonesia seperti Jakarta, Surabaya dan Medan.¹²⁰

2.4.1 Latar Belakang P2KP

Dengan meningkatnya kemiskinan di Indonesia, beberapa program telah diiktirafkan oleh Kerajaan Indonesia untuk membasi permasalahan tersebut. Pada awal tahun 2000, program-program tersebut dititikberatkan untuk pemberian bantuan yang bersifat sementara seperti pengadaan program Operasi Pasar *Khusus*, serta beberapa program JPS atau Jaring Pengaman Sosial (*Social Safety Net*).¹²¹

Program JPS tersebut diarahkan sebagai tindakan penyelamatan terhadap masyarakat yang mengalami kemelesetan ekonomi secara langsung iaitu masyarakat golongan miskin. Akan tetapi program tersebut tidak dapat dikekalkan seterusnya disebabkan tidak adanya pemulihan dan kelanjutan dari program JPS yang sudah sedia ada. Salah satu usaha kerajaan Indonesia dalam membasi kemiskinan adalah Projek Pembasmian Kemiskinan Perkotaan (bandar) (P2KP).¹²²

Sementara itu, Program P2KP ini dimulakan pada tahun anggaran 1999/2000. Program ini bertujuan untuk membasi kemiskinan struktural mahupun yang diakibatkan oleh kemelesetan atau kegawatan ekonomi dengan ruang lingkupnya adalah bandar-bandar besar di Indonesia. Pendekatan pada P2KP ini iaitu menganut pendekatan penyertaan (*kemandirian*) masyarakat sehingga adanya peranan masyarakat sendiri dalam usaha pembasmian kemiskinan. Ia juga bersifat strategik dalam program ini disiapkan landasan berupa institusi masyarakat yang semakin menguat, sehingga

¹²⁰ Pasukan audit nasional P2KP Tahun 2004 dan berdasarkan observasi penulis mendapati di lapangan kajian.

¹²¹ Kementerian Pekerjaan Umum (2008), *Pedoman Pelaksanaan PNPM Mandiri Perkotaan 2008*, Jakarta: Direktorat Jendral Cipta Karya, h. 6.

¹²² *Ibid.*, h. 10.

diharapkan pada masa yang berikutnya supaya pembasmian kemiskinan dapat dijalankan sendiri oleh masyarakat.¹²³

Pasukan koordinasi pusat ini berperanan memberikan pengarahan mengenai perancangan Program P2KP di wilayahnya. Untuk keperluan pentadbiran dan penyelarasan, maka Pasukan koordinasi Pusat membentuk pejabat Setia Usaha (Sekretariat) P2KP pusat yang terletak di Bappenas (Badan Perencanaan dan Pembangunan Nasional) serta terdiri dari lembaga yang ada dalam Pengawasan Pusat.¹²⁴

Untuk melaksanakan tugasnya, sekretariat P2KP Pusat dibantu oleh Konsultan (Penyelaras) Pengurusan Pusat (KMP) yang mana terdiri dari ahli-ahli yang mempunyai kemampuan dalam aspek teknik dan pengurusan dalam pentadbiran projek untuk skala nasional. Pada tingkat wilayah, dilantik Konsultan (Penyelaras) Pengurusan Wilayah (KMW) yang masing-masing menangani satu Persatuan Wilayah Kerja (SWK). KMW ini kedudukannya di bawah KMP, terdiri dari pelbagai ahli yang mampu menangani aspek pendampingan kepada masyarakat miskin di wilayahnya.

Untuk memperoleh dana pinjaman dari P2KP, masyarakat miskin di lokasi Kelurahan (Balai-balai Kampung) telah membentuk suatu kelompok usaha bersama yang dinamakan Kelompok Swadaya Masyarakat (KSM). Dengan terbentuknya kelompok usaha bersama diharapkan adanya saling membantu dan bekerjasama untuk mengembangkan pekerjaan produktif dan meningkatkan taraf hidupnya. KSM beranggotakan minimum tiga orang dari rumah tangga berbeza, yang disusun berdasarkan kegiatan atau minat yang sama. Kegiatan KSM yang dapat hantarkan atau

¹¹⁴ *Ibid.*, h. 1. dan lihat juga Kementerian Permukiman Dan Prasarana Wilayah (t.t.), *op. cit.*, h. II-1

¹²⁴ Kementerian Permukiman Dan Prasarana Wilayah (t.t.), *op. cit.*, h. 7.

di usulkan untuk dibiayai oleh P2KP terdiri dari tiga kegiatan iaitu Usulan Kegiatan Ekonomi Produktif, perancangan kegiatan sarana dan pra-sarana pemukiman fizikal dan perancangan kegiatan kursus dan kemahiran.¹²⁵

Di setiap balai-balai kampung, penerima bantuan mewujudkan Badan Kemandirian Masyarakat (BKM) sebagai sama ada wadah ataupun forum pengambilan keputusan dalam kegiatan P2KP serta sebagai penjaga kelestarian dan keberlangsungan program di wilayah kampung tersebut (Pasukan persiapan P2KP, 1999: 10). Kaki tangan warga yang diakui komitmennya oleh masyarakat kampung dilantik sebagai penyelaras P2KP. BKM mempunyai tanggung jawab untuk menyelaraskan pengelolaan dana tahunan di masyarakat wilayah bantuan dan menentukan masyarakat mana yang layak untuk diberikan bantuan pinjaman. BKM dalam pelaksanaan kegiatannya membentuk sebuah badan Unit Pengelolaan Kewangan (UPK) berperanan membantu BKM itu sendiri dalam pencatatan dan penyaluran dana yang disediakan pada setiap tahun kepada KSM.¹²⁶

2.4.2 Struktur Organisasi Projek

Struktur organisasi projek menggambarkan model pengawalan projek secara menyeluruh daripada pusat sehingga daerah. Masing-masing KMW-SWK (*Konsultan Manajemen Wilayah Satuan Wilayah Kerja*), dikawal oleh satu konsultan pengurusan kawasan yang berpusat di Cirebon dan dipimpin oleh seorang pemimpin kumpulan, yang tugasnya sebagai Koordinator SWK dengan dibantu oleh beberapa tenaga ahli. Sedangkan masing-masing sub-wilayah, KMW mempunyai cawangan pemimpin kumpulan yang berpusat di bandar atau negeri.


¹²⁵ Kementerian Permukiman Dan Prasarana Wilayah (t.t), *Petunjuk Teknis Swadaya Masyarakat (KSM)*, Jakarta: Direktorat Jendral Perumahan Dan Pemukiman, h. 1-2.

¹²⁶ Kementerian Permukiman Dan Prasarana Wilayah (t.t), *op. cit.*, h. 14.

Pada peringkat kampung, masing-masing sepuluh kampung akan didampingi oleh Pasukan Fasilitator yang terdiri dari seorang Fasilitator kampung dan tiga Fasilitator. Pasukan Fasilitator ini bekerja secara kontrak oleh Konsultan Pengurusan Wilayah dan bertanggung jawab langsung kepada Konsultan Pengurusan Wilayah (KMW)

Sedangkan pelaksanaan tugas KMW P2KP bahagian kawasan kerja di masing-masing luar Bandar secara keseluruhan dipimpin oleh pemimpin pasukan (*Team Leader*) dengan dibantu oleh Tenaga Ahli, Cawangan Pemimpin Kumpulan, Tenaga Ahli Penyokong, Kakitangan Pejabat dan Pasukan Fasilitator. Maka secara terperinci, hubungan kerja antara bahagian pelaksana projek dari peringkat Pusat sehingga sampai peringkat masyarakat boleh dirujuk kepada rajah di bawah ini.

Rajah 2.1: Struktur Hubungan kerja Pelaksanaan P2KP



Sumber: Buku Informasi Ringkas Program P2KP

Rajah 2.2: Struktur Organisasi Pelaksanaan P2KP



Sumber: Organisasi Pelaksanaan P2KP (Pedoman Pelaksanaan PNPM Mandiri Perkotaan 2008)

a. Kerajaan Pusat

Projek Pembasmian Kemiskinan di Perkotaan (P2KP) direka sebagai gerakan bersama yang bersepadau dalam pembasmian kemiskinan melalui proses pemberdayaan masyarakat. Program pemerkasaan masyarakat memerlukan penglibatan pelbagai pihak antara lain kerajaan, kumpulan ahli, usahawan, dan masyarakat luas. Semua pihak diharapkan boleh menjalankan peranan dan tanggung jawabnya dengan baik dalam memperkasakan masyarakat sebagai objek utama P2KP.¹²⁷

Secara umum, penyertaan dan peranan aktif kerajaan yang diharapkan dalam pelaksanaan P2KP adalah: *pertama*, melahirkan suasana menyokong bagi usaha pemerkasaan masyarakat. Khususnya masyarakat miskin, *kedua*, menggalakkan, perlembagaan, mekanisme yang menjamin terwujudnya komunikasi, selari dan persepaduan antara kerajaan dengan aspirasi dan keperluan masyarakat.¹²⁸

Alat kerajaan khususnya pemerintah di daerah disokong untuk mampu memindahkan peranan dari lembaga yang melaksanakan P2KP menjadi masyarakat mandiri atau objek, dari peranan birokrasi menjadi fasilitator atau pendamping warga, yang selalu bermatlamat kepada pembangunan masyarakat dengan mengedepankan idea-idea baru masyarakat. Khususnya aspek kerajaan dituntut agar mampu berperanan sebagai pemangkin pembangunan untuk menyokong terjadinya proses transformasi.

b. Perlembagaan Peranan Masyarakat

Selain organisasi KMW, KMW sendiri tidak terlepas dari peranan pelaku yang lain seperti pasukan penyelarasan negeri, pasukan penyelarasan bandar, kawasan atau PJOK dan Forum BKM.

¹²⁷ Kementerian Pekerjaan Umum (2008), *op. cit.*, h. 32.

¹²⁸ *Ibid.*

Di samping itu, di setiap kampung, warga masyarakat harus memilih tiga hingga dengan lima orang calon Generasi Masyarakat yang nantinya melalui suatu bengkel secara khusus oleh KMW akan menjadi generasi masyarakat P2KP yang akan berperanan sebagai ejen pembangunan dan bekerja bersama warga sebagai relawan untuk meningkatkan kesejahteraan warga di kampung masing-masing, terutamanya warga miskin dan kumpulan masyarakat yang sudah terdedah dalam kategori golongan miskin.

2.5 Pembangunan Keusahawanan Melalui P2KP

Keusahawanan dilakukan oleh pelbagai pihak, sama ada oleh kerajaan, pihak swasta, atau lembaga yang dikuatkuasakan oleh kerajaan, di samping keusahawanan daripada individu-individu dan kelompok korperat dan dalam semua bidang seperti usahawan perniagaan, ladang, perkhidmatan, petani, kraf tangan atau para nelayan.

Pengembangan perkongsian syarikat yang dibuat sebagai panduan dalam pengembangan keusahawanan harus ada dalam abstrak pembangunan strategi yang berdaya maju secara umum. Contohnya, mempertahankan identiti strategi kompetitif dalam perkongsian syarikat dan mengembangkannya, dengan pembangunan metode strategi kompetitif perkongsian syarikat dengan kerajaan, sama ada dengan metode dalam pelaksanaan projek mahupun dengan perkongsian syarikat dengan syarikat lain.¹²⁹

Selanjutnya, perencanaan pentadbiran atau pelaksanaan polisi dan strategi itu membabitkan dua model pemikiran yang berbeza, keputusan strategi bersifat memberi tunjuk ajar, berobjektif ke hadapan, sama ada mempunyai implikasi berjangka panjang

¹²⁹Arthur A. Thompson, Jr (2007), *Crafting and Executing Strategy; The Quest For Competitive Advantage; Concept and Cases*, cet. 15, Kuala Lumpur; Mc Graw Hill, h.6

mahupun keputusan dalam pelaksanaan cenderung mempunyai implikasi jangka pendek.¹³⁰

Sehingga perlu adanya perencanaan bagi memberangsangkan sesebuah pelaksanaan setiap strategi, sama ada melalui projek kerajaan mahupun swasta atau skim kerajaan yang dikuatkuasakan kepada pihak swasta sebagai pelaksana. Oleh itu, penulis mendedahkan dalam bab ini, tentang polisi dan strategi pembangunan keusahawanan dari perspektif Islam dan sekilas pandang tentang P2KP.

2.5.1 Polisi Pembangunan Keusahawanan Islam

Terdapat beberapa polisi dan strategi dalam mengembangkan keusahawanan menurut pendapat Islam iaitu: kewajipan kerja sebagai manusia dan sebagai makhluk yang diberi nafsu, manusia mempunyai naluri kukuh untuk gelaran dan kekayaan sejauh mana praktikal usahanya diceburi. Usahawan dalam Islam tidak bebas tanpa batas tetapi dibatasi oleh norma-norma dan etika.¹³¹

Manakala manusia adalah makhluk yang saling bergantung kepada orang lainnya, ia mesti berkaitan dengan keperluan dan peningkatan hidupnya. Jadi pada asasnya, manusia mesti berubah dan berbuat, berfikir, melangkah lebih progresif sebagai daya saing hidup dengan membuka ide baru usahawan, sama ada pertanian, penternakan dan lain-lain, yang selari dengan syariah Islam.

Orang yang bergelar usahawan, sama ada usahawan besar, menengah dan sederhana dalam erti kata para peniaga kecil yang kurang berkemampuan modal biaya perniagaannya, dituntut untuk menerapkan nilai-nilai keusahawanan yang berasaskan

¹³⁰ Michael Allison (2005), *Perencanaan Strategis Bagi Organisasi Nirlaba: Pedoman Praktis dan Buku Kerja*, (terj), c.1, Jakarta; Yayasan Obor, h.5.

¹³¹ Abu Yazid (2004), *Islam Akomodatif; Rekontruksi Pemahaman Islam Sebagai Agama Universal*, c.1, Yogyakarta: LKIS, h. 42.

Islam. Nilai-nilai dalam Islam di antaranya adalah kejujuran, kerana ia merupakan asas moraliti iman dan karakter yang sangat menonjol bagi setiap orang-orang yang beriman. Bahkan kejujuran adalah karakter atau perilaku para Rasul dalam menegakkan agama di dunia ini. Sebagaimana Allah telah berfirman dalam al-Qur'an iaitu:

وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنْسَنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ

Maksudnya :

"Dan bahawasanya usaha seorang manusia tiada memperoleh selain apa yang telah diusahakannya,"

Surah al-Najm (53): 39

وَأَن سَعَيْهُ رَسُوفٌ يُرَىٰ

Maksudnya :

"Dan bahawasanya usaha itu kelak akan diperlihat (kepadanya)".

Surah al-Najm (53): 40

فَأَعْقَبَهُمْ نِفَاقًا فِي قُلُوبِهِمْ إِلَى يَوْمٍ يَلْقَوْنَهُ بِمَا أَخْلَفُوا اللَّهَ مَا
وَعَدُوهُ وَبِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ

Maksudnya :

"Maka Allah menimbulkan kemunafikan pada hati mereka sampai kepada waktu mereka menemui Allah, kerana mereka telah memungkiri terhadap Allah apa yang telah mereka ikrarkan kepada-Nya dan juga kerana mereka selalu berdusta".

Surah al-Taubah (9):77

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذَلِولًا فَامْشُوا فِي مَنَابِكِهَا وَكُلُوا
مِنْ رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ الْنُّشُورُ

Maksudnya:

“Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu, maka berjalanlah di segala penjurunya dan makanlah sebahagian dari rezeki-Nya dan hanya kepada-Nya”.

Surah Al-Mulk(67) : 15

Ekonomi pasaran global sangat tidak selari dalam Islam kerana tidak didasarkan oleh nilai-nilai etika kemanusiaan. Maka untuk mengaplikasikan ini, Islam tidak nafikan kewujudan ikut serta negara dalam had-had yang berpaksikan kepada kemaslahatan umum (rakyat).¹³² Realitinya salah satu krisis multidimensi adalah kemiskinan, di mana dipengaruhi oleh sistem hidup yang sekularis dengan menjalankan ekonomi kapitalis sebagai asas masalah dan sistem solusinya tetapi boleh dikembalikan dalam cara kehidupan berdasarkan syariah ekonomi Islam sama ada pendidikan, budaya dan sosial dalam masyarakat.¹³³

Perlindungan harta peribadi merupakan sebahagian besar etika global dan solidaritas kemanusiaan, harta peribadi seseorang untuk digunakan sendiri adalah sebahagian daripada kuasa asas individu kerana Allah menciptakan segalanya dan akibatnya ia mempunyai semua, tetapi manusia hanya dipercayai dengan apa yang dimiliki untuk digunakan tetapi tidak untuk memonopolikan dan menghabiskan semuanya.¹³⁴ Sebagaimana pendapat ahli fikah atau Ulama salaf dalam kitabnya :

"Penjualan suatu barang yang fakta-faktanya tidak diketahui oleh penjual tidak dibenarkan, sekalipun diketahui oleh pembeli; demikian pula untuk komoditi yang tidak jelas bagi pembeli meskipun penjual mengetahuinya. Akad barang-barang yang kedua belah pihak (penjual dan pembeli) tidak mengetahui fakta-faktanya, juga tidak diperbolehkan (tidak sah)." ¹³⁵

¹³² Abu Yazid (t.t), *op. cit.*, h. 42.

¹³³ Burhanuddin et. al (2003), *Syariat Pandangan Muslim Liberal*, c.1, Jakarta: Sembrani Aksara Nusantara, h. 143.

¹³⁴ Hasan Hanafi (terj.) (2007), *Islam dan Humanisme*, c.1, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h.16

¹³⁵ Ibn Hazm, *Al- Mahalli*, vol.8, h. 439. Lihat juga: Nijatullah Shiddiqi (1979), *Economic Enterprise in Islam*, New Delhi: t.p., h.55.

Seterusnya, ini merupakan dasar keperibadian diletakkan Muhammad SAW untuk umatnya dan semua umat manusia seluruh nusantara. Ini kerana sifat jujur dan kesetiaan memegang janji adalah asas-asas etika-etika keusahawanan yang moden. Dari sifat ini bermacam-macam pinjaman perdagangan boleh didapati di kota Mekah dan membuka peluang perkhidmatan antara Muhammad SAW dengan beberapa pemilik modal atau orang-orang kaya.¹³⁶ Seperti perniagaan dengan sistem *akad muqarabah, al-Rahn* dan perniagaan jenis perkhidmatan, contohnya perkhidmatan menggembala unta dan kambing.

Kemudian Islam juga memerintahkan untuk melaksanakan rukun Islam contohnya membayar zakat,¹³⁷ kerana Islam bukan menyerukan meminta zakat, tetapi Islam mesti berjaya dan kaya dengan bekerja dan berusaha. Ini merupakan perkara yang banyak dilupakan oleh orang Islam. Dalam membincangkan konsep universal, keusahawanan boleh dilihat dari aspek galakannya terhadap manusia supaya berfikir dan menuntut ilmu sebagai satu model untuk mereka meningkatkan kualiti hidup masing-masing.¹³⁸

A. Niat (komitmen) sebagai dasar nilai kerja

Nilai kerja manusia bergantung kepada niat atau komitmen yang menjadi asas kerja itu. Nilai kerja seseorang didapati selari dengan nilai niatnya atau komitmen, ianya satu pilihan dan bentuk keputusan peribadi dihubungkaitkan dengan sistem nilai yang dianutnya. Oleh kerana, itu ianya adalah asas sokongan ruhani untuk sesuatu kerja

¹³⁶ Dewi Nurjulianti et al. (1997), *op. cit.*, h. 19.

¹³⁷ Muhammad Asri Hj. Hasyim (terj. 1996), Syekh Muhammad Khudari Bik, *Kitab Sirah Rasulullah S.A.W.*, c.1, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, h.195.

¹³⁸ Abu A'la al Maududi (2003), *Dari Neo Modernisme ke Islam Liberal*, c.1, Jakarta: Paramadina, h.136

dengan tingkat keseriusan tertentu.¹³⁹ Sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Qur'an iaitu :

وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمَلُهُمْ كَسَرَابٌ بِقِيَعَةٍ تَحْسِبُهُ الظَّمَانُ مَا إِنْ
حَتَّىٰ إِذَا جَاءَهُ رَأَيْتُمْ تَجْدُهُ شَيْئًا وَوَجَدَ اللَّهَ عِنْدَهُ فَوْفَنَهُ
حِسَابٌ وَاللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Maksudnya:

"Dan orang-orang kafir amal-amal mereka adalah laksana fatamorgana di tanah yang datar, yang disangka air oleh orang-orang yang dahaga, tetapi bila didatanginya air itu dia tidak mendapatinya sesuatu apapun. Dan didapatinya (ketetapan) Allah disisinya, lalu Allah memberikan kepadanya perhitungan amal-amal dengan cukup dan Allah adalah sangat cepat perhitungan-Nya".

Surah al-Nur (24):39

Ayat ini bermaksud bahawa orang-orang kafir oleh kerana amal mereka tidak berdasarkan pada keimanan, tidak mendapat balasan dari Allah di akhirat. Walaupun dalam dunia mereka mendapat kurnia dan rezki yang melimpah di atas amalan mereka, akan tetapi disebabkan oleh kerja tanpa tujuan adalah sia-sia dan tidak bernilai serta tidak memberi kebahagiaan atau rasa makna dalam sesuatu kerja atau perniagaan

B. Konsep Ihsan Dalam Kerja

Allah mewajibkan Ihsan kepada manusia atas kesemuanya kerana kebaikan adalah kesungguhan dalam kerja bererti bekerja sebaik-baiknya. Seperti penulis jelaskan di atas daripada penjelasan surah al-Qasas menegaskan bahawa supaya tercapai kebahagiaan di hari akhirat melalui penggunaan yang benar atau harta dan nikmat Allah yang telah diberikan, termasuklah Ihsan. Penjual mencintai pelanggan dan

¹³⁹ Nur Cholis Madjid (1992), *op. cit.*, h. 412-413

menghormatinya adalah satu bentuk Ihsan. Sebagaimana dalam firman Allah dalam surah al-Māidah iaitu:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُكُمْ كُوْنُوا قَوْمِيْنَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا
يَجِرُّنَّكُمْ شَنَعًا قَوْمٌ عَلَى أَلَا تَعْدِلُوا أَعْدَلُوا هُوَ أَقْرَبُ
لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Maksudnya:

“Wahai orang-orang Yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang Yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa juar) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui Dengan mendalam akan apa Yang kamu lakukan.”

Surah al-Māidah (5): 8

Dalam prinsip Ihsan yang lain adalah mencipta sesuatu dengan kualiti yang baik dan terfokus. Kita tidak boleh menjual barang yang tidak berkualiti dengan harga yang tinggi. Kita sering diingatkan untuk selalu meningkatkan kualiti dan memenuhi janji. Sebagaimana firman Allah dalam Al-Qur'an :

وَلَا تَقْرِبُوا مَالَ الْيَتَمِ إِلَّا بِالْتِقْرَبَةِ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشْدَهُ
وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْوِلًا

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu mendekati harta anak yatim, kecuali dengan jalan yang lebih baik (bermanfa'at) sampai ia dewasa dan penuhilah janji; janji itu pasti diminta pertanggung jawabannya”

Berdasarkan kepada penjelasan ayat di atas, Islam melarang melakukan penipuan dalam perniagaan, sama ada yang berhubungkait dengan kualiti, kuantiti, masa akad dan kontrak serta harga. Usahawan Islam tentu mengekalkan hubungan baik dengan pelanggan. Islam memandang kejayaan dan berusaha (*Mujahadah*) sebagai satu jihad.¹⁴⁰ Sebagaimana firman Allah dalam al-Qur'an iaitu:

وَالَّذِينَ جَاهُوا فِينَا وَالَّذِينَ جَاهُوا فِينَا لَهُمْ سُبْلَنَا وَإِنَّ
الَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ۖ لَهُمْ سُبْلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ
الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya:

“Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama kami, Sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan Sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya”.

Surah al-Ankabut (29):69

C. Kerja Sebagai Bentuk Kewujudan Atau Keberadaan

Manusia diciptakan untuk mempertahankan diri dan memenuhi keperluan hidupnya, serta jika bukan kerana beramal maka hilanglah punca tujuan manusia. Oleh kerana itu, manusia sepatutnya berada di atas bumi ini sebagai *Khalifah*.¹⁴¹ Bekerja dan berusaha, termasuk menjadi usahawan merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia sebagai *Khalifah fī al-Ard* untuk memperkayakan dan menuju kepada yang lebih baik.¹⁴²

¹⁴⁰ *Ibid*, h. 416.

¹⁴¹ Shaharom (1999), *Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia*, c. 2, Kuala Lumpur, Batu Caves: Thinking Library, h. 11.

¹⁴² Masdar Hilmy (2008), *Islam Profetik Subtansi Agama Dalam Ruang Publik*, c. 1, Yogyakarta: Kanisius, h. 124.

D. Orang Mukmin Yang Kuat Lebih Disukai Allah

Maka seseorang yang beriman adalah yang aktif di dalam dunia, Allah SWT berfirman dalam al-Qur'an iaitu :

فَإِذَا فَرَغْتَ فَأَنْصَبْ

Maksudnya:

"Maka apabila kamu telah selesai (dari sesuatu urusan), kerjakanlah dengan sungguh-sungguh (urusan) yang lain".

Surah al-Insirah (94): 7

Huraiannya adalah apabila kamu (Muhammad) telah siap berda'wah kemudian beribadahlah kepada Allah SWT. Bila kamu selesai mengerjakan hal-ehwal dunia, maka kerjakanlah urusan akhirat. Bila telah selesai mengerjakan shalat maka berdo'alah. Kemudian perintah atau amaran untuk aktif bekerja adalah ajaran Islam yang sangat selari dengan bertujuan kehidupan ialah kebahagiaan dan keuntungan dalam dunia dan akhirat.

Atas dasar permasalahan di atas, Projek Pembasmian Kemiskinan di Perbandaran (P2KP) cuba mencari suatu usaha penyelesaiannya. Dengan melaksanakan program yang telah hampir serupa daripada program-program sejenis terdahulu dan memperhatikan pemikiran-pemikiran yang sangat asas dan mengambil pelajaran serta pengalaman dengan program-program terdahulu. Ada beberapa nilai, misi, dan tujuan yang dijadikan landasan P2KP.¹⁴³ Prinsip-prinsip itu hendaklah diambil berat sebagai visi yang berterusan secara fungsinya dan selalu menjadi hal yang baru dari semua pihak yang terbabit di mana-mana peringkat dan apapun peranan ke atas P2KP. P2KP menjadikan objek utamanya adalah individu orang miskin yang terdapat di perbandaran. Sesiapa yang termasuk orang-orang miskin bandar dalam kategori P2KP, adalah warga

¹⁴³ Kementerian Perumahan Dan Pemukiman (t.t.) *Informasi Ringkas Program P2KP*, Cirebon: Direktorat Jenderal Perumahan Dan Pemukiman, h. 5.

masyarakat miskin selari dengan rumusan kriteria kemiskinan tempatan yang disepakati oleh masyarakat tempatan.¹⁴⁴

Oleh itu, penulis memberi kesimpulan bahawa dasar tegaknya penyelesaian semua masalah kehidupan berdasarkan hukum syarak mencakupi beberapa aspek, antaranya adalah ekonomi, baru kemudian yang lainnya seperti budaya, sosial, politik dan lain-lain. Kemudian aspek ekonomi ini adalah usahawan yang memegang peranan penting, kerana hukum syarak bererti sumber air minum yang dapat menggalinya pada nilai dan ajaran Islam dengan kelakuan sikap atau etika yang susila, baik atau benar.¹⁴⁵ Ini kerana asasnya bahawa kejujuran dan hubungan baik adalah sebagai konsep kejayaan dan niat baik merupakan modal pertama dan utama dalam keusahawanan.

2.5.2 Strategi

Strategi adalah ilmu tentang cara-cara merancang atau rancangan yang teratur (yang memperhitungkan pelbagai faktor untuk mencapai matlamat).¹⁴⁶ Ia merupakan pendekatan asas untuk membuat kerangka tindakan yang akan menyelesaikan suatu sasaran atau memecahkan suatu masalah, rancangan pengurusan puncak untuk mencapai hasil yang konsisten dengan misi dan tujuan organisasi.¹⁴⁷ Strategi juga adalah teknik, cara, menyiasat, model atau sistem yang kemudian diperkatakan menjadi strategi dalam mencapai sesuatu, sebagai contoh motivasi dalam minat usahawan, sama ada perniagaan besar, sederhana dan kecil, dengan meningkatkan perniagaan usaha

¹⁴⁴ *Ibid.*, h. 5

¹⁴⁵ Burhanuddin et. al (2003), *op. cit.*, h. 143.

¹⁴⁶ *Ibid.*, h. 1525, dan menurut Delia Noer (2003) dalam bukunya *Islam dan Masyarakat* mendefinisikan strategi adalah teknik, cara, menyiasat, model atau sistem, yang kemudian diperkatakan menjadi strategi dalam mencapai sesuatu, sebagai contoh motivasi dalam minat usahawan, sama ada perniagaan besar, sederhana dan kecil, dengan meningkatkan perniagaan kecil, perniagaan sederhana dan koperasi usahawan petani, dengan subsidi atau bantuan kerajaan mesti diberikan seluas-luasnya atau sebanyak mungkin.

¹⁴⁷ Amin Widjaya Tunggal (1997), *op. cit.*, h.75.

kecil, perniagaan sederhana dan koperasi usahawan petani, dengan subsidi atau bantuan kerajaan mesti diberikan seluas-luasnya atau sebanyak mungkin.¹⁴⁸

Strategi adalah menyokong gerakan masyarakat untuk menjadi lebih mandiri dalam pembasmian kemiskinan melalui: *pertama*, menyokong lahirnya dan berkembangnya inisiatif, penyertaan masyarakat serta transparansi. *Kedua*, meningkatkan keupayaan institusi dan organisasi yang berasal daripada masyarakat, yang khususnya dalam menguruskan maklumat bagi masyarakat miskin di pusat. Sumber manusia yang sudah diberi taklimat oleh P2KP melalui BLM, secara telus dan bertanggungjawab. *Ketiga*, menjalin sinergi atau kerjasama pembasmian kemiskinan. Kemiskinan sebagai gerakan masyarakat, melalui kerjasama antara objek dan beberapa masyarakat untuk pembangunan. *Keempat*, menyokong berkembangnya program P2KP dalam mengambil berat atau minat oleh pelbagai pihak sebagai upaya asas gerakan sosial (*kawalan sosial*) terhadap kejayaan program pembasmian kemiskinan.¹⁴⁹

2.5.3 Pendekatan

Pelaksanaan strategi-strategi P2KP sebagaimana digambarkan di atas didasarkan pada pendekatan, pembangunan terfokus kepada kumpulan, (*community based development approach*), di mana kumpulan-kumpulan boleh berlaku atau dibina berdasarkan kepada ikatan-ikatan sebagai berikut: kesamaan tujuan, kesamaan kegiatan, kesamaan lokasi yang menuju kepada kecekapan, keberkesanan serta menyokong lahirnya modal sosial.

Dengan demikian, kumpulan dalam kaitan P2KP adalah kumpulan masyarakat yang sudah ada, seperti lembaga kumpulan belia, kumpulan lembaga koperasi

¹⁴⁸ Delia Noer (2003), *Islam Dan Masyarakat*, Jakarta: Obor, h.79

¹⁴⁹ Kementerian Permukiman dan Prasarana Wilayah (t.t.), *Pedoman Teknis Tahap II P2KP*, Jakarta: Sekretariat P2KP Pusat, h. 5

masyarakat dan kumpulan peniaga kecil atau kumpulan-kumpulan yang dibangun baru, iaitu beberapa KSM dalam rangka pelaksanaan P2KP yang memenuhi syarat-syarat sebagai kumpulan masyarakat.

a. Kepentingan Proses Pembelajaran Masyarakat

Strategi dasar pembelajaran masyarakat adalah pembelajaran nilai-nilai universal untuk penyertaan masyarakat miskin menuju masyarakat yang mandiri dan mampu mewujudkan peningakatan budaya keusahawanan yang mandiri secara berterusan. Penyertaan masyarakat dalam P2KP dimaksudkan sebagai penyertaan masyarakat melalui kemandirian sumber manusia. Dengan asas pemikiran bahawa manusia pada asasnya baik, masyarakat penuh dengan manusia yang baik dan terdapat banyaknya nilai-nilai mulia kemanusiaan, sehingga muncul nilai-nilai universal kemanusiaannya.¹⁵⁰ Di antaranya adalah saling tolong menolong di dalam melakukan proses pembelajaran permohonan modal pembiayaan perniagaan, melalui kumpulan para ahli KSM, kursus-kursus pentadbiran organisasi komuniti dan penyertaan dalam bengkel-bengkel keusahawanan, sama ada tentang pentadbiran kewangan, urus niaga mahupun pengurusan perniagaan serta bermusyawarah dalam menentukan keputusan.

b. Pembelajaran Tentang Prinsip Dan Nilai

Prinsip Dasar P2KP adalah bahawa kemiskinan terjadi kerana lunturnya nilai-nilai luhur kemanusiaan yang menghancurkan prinsip-prinsip, tadbir urus baik, kerana itu upaya pembasmian kemiskinan dalam P2KP terfokus kepada pencarian dan ubahsuai kembali nilai-nilai luhur kemanusiaan dan tadbir urus yang baik dan prinsip-prinsip yang mesti dijunjung tinggi, dikembangkan bagi semua tokoh-tokoh yang terbabit

¹⁵⁰ Ini berdasarkan hasil renungan penulis dalam menganalisa tentang hakikat manusia sebagai makhluk sosial yang saling memerlukan bantuan antara satu dengan yang lainnya. Kerana manusia tidak boleh hidup dengan sendirian tanpa adanya saling membantu dan berhubungkait dengan orang lain dan alam sekitarnya.

P2KP (sama ada masyarakat, konsultan, mahupun kerajaan), dalam melaksanakan P2KP¹⁵¹ adalah:

1. *Demokrasi*; Dalam setiap proses membuat keputusan yang melibatkan kepentingan masyarakat banyak, terutama kepentingan masyarakat miskin, maka mekanisme membuat keputusan (dalam pelaksanaan P2KP) dilakukan secara kolektif dan demokratik. Oleh itu, masyarakat digalakkan agar mampu membangun dan memperkuat organisasi warga dengan perwakilan, yang boleh diterima pakai, terbuka, telus, demokratik dan akuntabel.¹⁵²

2. *Penyertaan*; Penyertaan dalam setiap langkah kegiatan P2KP mesti dilakukan secara ikut serta sehingga mampu membina rasa pemilikan dan proses pembelajaran melalui bekerja bersama. Penyertaan dibina dengan mengutamakan proses membuat keputusan oleh warga, bermula dari idea atau gagasan, perancangan, pengorganisasian, pembinaan sumber daya, pelaksanaan sehingga penilaian dan pelaksanaan. Penyertaan juga bermaksud usaha melibatkan segenap aspek masyarakat, khususnya kelompok masyarakat yang sering tidak terabit secara langsung (*vulnerable groups*) yang selama ini tidak mempunyai peluang atau maklumat dalam program dan aktiviti tempatan.¹⁵³

3. *Transparensi dan Akuntabiliti*; Dalam proses pengurusan projek dan pengurusan organisasi, masyarakat perlu mengamalkan prinsip telus dan akuntabiliti, sehingga masyarakat mampu belajar dan mampu membentuk atau menubuhkan lembaga, sikap bertanggungjawab secara bersama-sama terhadap pilihan keputusan dan aktiviti yang dilaksanakannya. Termasuk sikap telus untuk diperiksa oleh BPKP (*Badan Pengawasan Kewangan Pemerintah*), lembaga audit atau kawalan oleh masyarakat sendiri dan pihak

¹⁵¹ Kementerian Perumahan Dan Pemukiman (t.t.), *op. cit.*, h. 5.

¹⁵² Kementerian Pekerjaan Umum (2008), *op. cit.*, h. 6

¹⁵³ Kementerian Permukiman Dan Prasarana Wilayah (t.t.), *op. cit.*, h. 23.

yang dikuatkuasakan, serta penyebaran hasil pengawalan dan audit tersebut kepada masyarakat, kerajaan, lembaga kewangan, dan pihak-pihak lain.¹⁵⁴

2.6 Kesimpulan

Usahawan adalah mereka yang menanggung risiko sendiri dan merupakan ejen perubahan kerana mereka mencipta produk, proses, sistem baru, bernilai dengan mengorbankan masa usaha, perhatian risiko, kewangan, jiwa, sosial, ganjaran kewangan, dan kepuasan peribadi serta kebebasan sama ada melalui projek kerajaan atau NGO atau agensi lainnya yang selari dengan nilai-nilai Islam.

Pembangunan keusahawanan menurut Islam adalah yang selari dengan sumber hukum Islam itu sendiri dengan berpaksikan kepada sifat jujur, amanah dan yang bersesuaian dengan nilai dan prinsip Islam bersumberkan daripada al-Qur'an dan al-Hadith dengan implementasi sikap terpuji iaitu tolong menolong (Ta'awun) Ihsan, jujur, amanah, tidak menghalalkan yang haram dan tidak mengharamkan yang halal.

Usahawan yang mempunyai minat terhadap budaya dan mengamalkan nilai dan prinsip Islam akan memperolehi pelbagai manfaat, dengan mempunyai satu sistem yang khas dan fleksibel bagi memastikan individu bekerja dan akan terus mendapat sokongan untuk berinovasi dan kerjaya. Keusahawanan dalam bidang perniagaan merupakan bidang yang dikuasai oleh umat Islam pada zaman awal kebangkitan Islam, kerana sebenarnya dalam Islam sendiri keusahawanan bukanlah sesuatu yang asing. Rasulullah sendiri tidak pernah menghalang sahabat mengumpul kekayaan, malah jika

¹⁵⁴ Kementerian Permukiman Dan Prasarana Wilayah (t.t), *op. cit.*, h. 14.

kita amati sejarah penyebaran Islam pada zaman jahiliah, kekuatan Islam banyak dibina berlandaskan harta benda dan kekayaan dimiliki sahabat.

Maka bekerja dengan giat dan tekun sama ada dalam bidang usahawan perniagaan sebagai petani, pedagang runcit, perkhidmatan dan lainnya, ianya akan meningkatkan penghasilan dan kesejahteraan serta kemakmuran masyarakat dan kemajuan ekonominya. Dengan kemajuan ekonomi, segala kebuntuan hidup masyarakat dapat diatasi. Demikian pula, umat Islam yang menjadi makmur dan sejahtera ialah apabila pembangunan ekonomi sendiri maju, seperti dengan metod pemerkasaan atau dalam bahasa Inggrisnya adalah *empowerment* iaitu memperkasakan masyarakat usahawan peniaga kecil adalah berkewajipan dan bertanggung jawab bersama dalam membangun keusahawanan, yang mempunyai objektif untuk membangun keusahawanan dengan memberikan pinjaman pembiayaan perniagaan.

Polisi dan strategi kerajaan terhadap pembangunan keusahawanan, ianya melakukan dan melaksanakan program P2KP dengan berasaskan kepada objektif pembangunan keusahawanan melalui berbagai-bagai metod. Salah satunya adalah projek pembasmian kemiskinan di perbandaran yang telah dilaksanakan, sama ada memberikan fasiliti kelancaran projek mahupun dalam menyokong projek tersebut untuk dilaksanakan oleh masyarakat, sebagai asas implementasi nilai-nilai membangun keusahawanan melalui P2KP, bekerjasama dengan para pihak kerajaan dan pentadbir projek seperti fasilitator, untuk memberi tunjuk ajar kepada masyarakat yang kurang mempunyai modal perniagaan dalam bentuk kumpulan KSM, dengan melaksanakan bengkel-bengkel keusahawanan atau memberikan pemahaman terhadap cara memohon subsidi modal perniagaan. Semuanya adalah bahagian daripada polisi dan strategi kerajaan dalam memberangsangkan minat keusahawanan.

BAB III

LOKASI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Dalam bab dua, penulis sudah membincangkan tentang ulasan karya yang mencakupi polisi dan strategi pembangunan keusahawanan Islam dan sekilas P2KP dengan sub pembahasannya. Dalam bab ini, penulis akan menjelaskan lokasi kajian dan pembahasannya, sama ada lokasi dan sejarah, perkembangan, kemudahan fizikal, perhubungan, pendidikan, pelancongan, struktur dan pentadbiran, pertumbuhan penduduk dan sumber pendapatan masyarakat kerajaan bandar Cirebon.

3.2 Lokasi Geografi Bandar Cirebon

Bandar Cirebon adalah bandar yang terletak di bahagian timur negeri Jawa Barat yang bersempadan dengan negeri Jawa Tengah, Indonesia. Cirebon terletak di $106^{\circ}33'$ Timur bujur dan $6^{\circ}41'$ Lintang selatan pantai utara Pulau Jawa bahagian timur, memanjang di barat sampai Timur ± 11 km. Berketinggian daripada permukaan laut lebih kurang lima meter termasuk dataran rendah. Bandar Cirebon boleh ditempohi atau dilalui dengan jalan darat sejauh 130 km daripada arah Bandar Bandung dan sejauh 258 km daripada arah bandar Jakarta.¹⁴⁸

Bandar Cirebon terletak di lokasi yang strategik dan menjadi pusat pergerakan pengangkutan antara negeri Jawa Barat dan negeri Jawa Tengah. Ia terletak di wilayah pantai dan ini menyebabkan bandar Cirebon memiliki wilayah dataran lebih luas dibandingkan dengan wilayah perbukitan. Bandar Cirebon luasnya adalah 3,735.82

¹⁴⁸ Sila rujuk : www.cirebon.go.id/09 Ogos 2006

hektar atau lebih kurang 37 km^2 dengan penggunaan tanah perumahan 32 peratus dan tanah pertanian 38 peratus.¹⁴⁹

Wilayah bandar Cirebon disempadani oleh sebelah utara ialah Sungai Kedung Pane dan sebelah Barat ialah Sungai Banjir Kanal atau negeri Cirebon. Manakala sebelah selatan ialah Sungai Kalijaga. Manakala sebelah timur ialah laut Jawa. Bandar Cirebon mempunyai iklim tropika dengan suhu udara umumnya 28°C dengan keadaan udara terendah mencakupi lebih kurang 48.39 peratus dengan keadaan udara tertinggi pada bulan Januari-Mac dan angka terendah pada bulan Julai-Ogos.

Umumnya, setiap tahun kekerapan hujan dalam bandar Cirebon lebih kurang 2260 mm per tahun dengan jumlah hari hujan ± 155 hari. Berdasarkan pengelasan iklim Scmidt-Ferguson, iklim dalam bandar Cirebon termasuk bercirikan iklim C dengan nilai Q lebih kurang 37.5 peratus atau peratus bulan kering dan bulan basah. Musim hujan tiba pada bulan Oktober-April, dan kemarau tiba pada bulan Jun-September.¹⁵⁰ Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada peta di bawah ini.

Gambar: 3.1 Peta Bandar raya Cirebon



Sumber : [www.google.com/image/kota cirebon](http://www.google.com/search?hl=id&q=site%3Awww.kotacirebon.go.id+&tbo=im)

149 *Ibid*

¹⁵⁰ Badan Pusat Statistik Kota Cirebon (2008), Profil Kota Cirebon Dalam Angka 2007, c. 1, Badan Perencanaan Pemerintah Daerah (Bappeda) Kota Cirebon, h.19

3.3 Sejarah Nama Bandar Cirebon

Bandar Cirebon juga disebut dengan nama “Bandar Udang”, kerana daerah pertembungan budaya Jawa dan Sunda semenjak beberapa abad dahulu, masyarakat Cirebon biasa menggunakan dua bahasa, bahasa Sunda dan bahasa Jawa. Pada tahun 1447 Masehi, Raja Galuh memberi nama tempatan “Cirebon” asal daripada Cai (air) dan Rebon (Udang kecil) dengan menaikkan Ki Gedeng Alang-alang kepala (kuwu).¹⁵¹ Kemudian Ki Gedeng Alang-alang memberikan amaran untuk mendalamai agama Islam kepada seorang ulama yang berasal dari Hadramaut (Yaman) yang duduk di negeri Campa (Vietnam) yang bukan lain adalah Ayah Ali Rahmatullah atau Sunan Ampel.¹⁵²

Bidang perniagaan selama ini mempunyai sumbangan besar dalam menyokong kelajuan pertumbuhan ekonomi dalam bandar Cirebon. Keadaan ini boleh difahamkan di mana bandar Cirebon adalah pusat perniagaan dalam wilayah Bandar lainnya seperti bandar Cirebon, bandar Kuningan, bandar Indramayu, bandar Majalengka. Selain itu, bandar Cirebon adalah laluan bandar yang menghubungkan Jawa Barat dan Jawa Tengah sehingga memungkinkan proses transaksi menjual dan membeli. Bila dilihat daripada industri atau syarikat yang melakukan kegiatan perniagaan, boleh dikategorikan sebagai industri perniagaan besar, perniagaan sederhana dan perniagaan kecil.

3.4 Perkembangan Bandar Cirebon

Islam memasuki nusantara dalam abad tujuh Masehi dan boleh diperkatakan sebagai pergerakan idiologi kerana mengandungi kumpulan doktrin, simbol, dan

¹⁵¹ Kuwu adalah daripada perkataan bahasa Jawa, yang bermaksud Pengurusi Kampong atau Ketua Kampong, yang dipilih oleh komuniti tempatan

¹⁵² *Jurnal Risalah*, edisi VII, Muhamarram 1429 H. H. 57

mitos.¹⁵³ Ini kerana ia bersamaan dengan masuknya Islam di Jawa dan Sumatera dalam abad satu Hijriyah atau tujuh Masehi dengan adanya berita daripada negara China memberitahu datangnya seorang duta Raja Ta Cheh kepada Ratu Sima. Raja Arab dan Khalifah pada masa itu adalah Muawiyah bin Abi Sufyan.¹⁵⁴

Islam berkembang di Asia Tenggara dalam abad empat belas, merupakan keberhasilan utama orang Islam dalam perniagaan dan penyebaran agama Islam dalam wilayah itu. Kemudian dalam abad ke lima belas, Melaka menjadi kerajaan Islam. Pada masa itu juga, Melaka menjadi pelabuhan terbesar dan menjadi penyokong merebaknya agama Islam menyusur ke semua pantai di Peninsula Malaya (Malaysia), Sumatera dan Bandar-bandar pelabuhan Islam yang lainnya.

Kemudian berkembangnya Islam, menerusi jalur perniagaan rempah-rempah mengembangkan Islam sehingga pantai utara Pulau Jawa dan rantau Maluku, ke Brunei dan Filipina. Masa kemuncak pengembangan agama Islam yang paling berkuasa adalah ketika hasil tambang berharga yang sangat banyak berupa emas dan perak pada tahun 1570-1630 Masehi.¹⁵⁵ Sehingga sampai ke pulau Jawa, khasnya adalah pantai utara Jawa sehingga tersebar di beberapa Negeri, iaitu Kerajaan Islam Cirebon dan Banten.

Semasa tahun 1480, Cirebon sudah dikuasai oleh Sunan Gunung Jati atau dengan gelaran lain Syarif Hidayatullah, manakala Banten dikuasai oleh pasukan Islam daripada Demak (Kerajaan Islam pertama di Jawa Indonesia) di bawah kepimpinan Faletahan dalam Tahun 1526. Kemudian pada tahun 1527, pasukan Demak membantu pasukan Cirebon di bawah kepimpinan Pangeran Cirebon berhasil mengalahkan Sunda

¹⁵³ Ashghar Ali Enginering (terj),(1999), *Asal Usul dan Perkembangan Islam; Analisa Pertumbuhan Sosial Ekonomi*, cet.1, Jogjakarta: Pustaka Pelajar, h.1.

¹⁵⁴ Durori Amin et. al (2002), *Islam dan Kebudayaan Jawa*, cet.1, Jogjakarta: Geman Media, h.28

¹⁵⁵ Dadan Wildan (2003), Sunan Gunung Jati: *Pembumian Islam dengan Pendekatan Struktural dan Kultural*, cet.1, Bandung: Humaniora Utama Press. h. 268

Kelapa dan menggantikan nama Sunda Kelapa menjadi Jayakarta (kini Jakarta) yang mana kejayaan dengan cara yang gemilang, Faletehan dilantik sebagai pengerusi kerajaan pertama dibandar Jayakarta.¹⁵⁶

“....Menurut Manuskip Purwaka Caruban Nagari, dalam abad XIV di pantai Laut Jawa terdapat sebuah desa nelayan kecil dipanggil Muara Jati. Pada masa itu telah banyak kapal asing yang datang bermiaga dengan orang tempatan. Pengerusi Pelabuhan adalah Ki Gedeng Alang-Alang yang dilantik oleh Kerajaan Galuh (Padjadjaran). Dalam pelabuhan ini juga terlihat kegiatan Islam semakin berkembang. Ki Gedeng Alang-Alang memindahkan tempat pemukiman yang lama ke tempat pemukiman yang baru iaitu di Lemahwungkuk, 5 km ke arah selatan kerajaan Galuh berdekatan langsung dengan kaki bukit. Sebagai Pengerusi atau ketua pemukiman baru kepala dilantiklah Ki Gedeng Alang-Alang dengan gelaran Kuwu Cerbon”.¹⁵⁷

Perkembangan selanjutnya adalah di pulau Jawa, dalam abad lima belas dan enam belas, bandar Cirebon menjadi pusat terpenting dalam haluan perniagaan dan antara pulau pelayaran, lokasinya di pantai utara terletak bersempadan Negeri Jawa Tengah sempadan dan Jawa Barat menjadi sangat berperanan sebagai pelabuhan dan “penghubung” antara budaya Jawa dan Sunda, sehingga tercipta satu budaya yang khas dan menarik.¹⁵⁸

Kemudian kedudukan bandar yang sangat strategik mempunyai potensi yang sedia ada, maka bandar Cirebon dimatlamatkan sebagai bandar yang mempunyai empat fungsi ialah: Bandaraya Pelabuhan, Bandar Perniagaan (*Trading Town*), Perkhidmatan, bandar perindustrian, Budaya (*Culture*) dan pelancongan (*Tourism Town*). Manakala realitinya adalah sebagai berikut :

¹⁵⁶ Mulyanto Sumardi et.al (1992), *Profil Propinsi Jawa Barat R.I*, cet. 1, Jakarta: Bhakti Wawasan santara,c.1, h.35-36

¹⁵⁷ <http://www.cirebon.go.id/11-08-2006>

¹⁵⁸ Dadan Wildan, *op. cit.*, h.268

- a. Cirebon sebagai bandar pelabuhan, diharapkan berperanan sebagai koridor eksport-import utama, termasuk singgah kapal barang dan memberikan perkhidmatan wilayah persekitaran.
- b. Cirebon adalah bandar perniagaan dan perkhidmatan, yang mampu meletakkan fungsinya sebagai bandar koleksi dan produk dan pemasaran taburan sama ada yang berasal wilayah bandar Cirebon sendiri atau dari Jawa Barat bahagian timur dan Jawa Tengah bahagian barat. Bandar Cirebon merupakan pusat permintaan produk atau barang dan juga pusat ekonomi di negeri Jawa Barat.
- c. Cirebon merupakan bandar budaya dan pelancongan, diharapkan mampu memperbaharui dan menterjemahkan nilai-nilai tradisi dan budaya khas Cirebon, baik manifestasinya mengandungi fizikal bangunan atau tradisi dan budaya yang terdapat berbagai budaya masyarakat Cirebon, untuk dikemaskin menjadi aset pelancongan dalam peringkat nasional atau antara bangsa.
- d. Cirebon sebagai bandar industri, dijadikan matlamat dalam pengembangan industri kecil, industri besar yang bernilai ekspor dan industri pelancongan sebagai penyokong bandar budaya dan pelancongan.

3.5 Kemudahan Fizikal Perbandaran

Dalam keadaan sosial masyarakat yang majoriti Islam, bandar Cirebon dilengkapi juga dengan pelbagai kemudahan-kemudahan itu berfungsi sebagai kemudahan pertemuan dan terjadinya interaksi antara warganegara bandar seperti kemudahan perhubungan, membeli-belah, kemudahan pendidikan dan peranginan.

3.5.1 Kemudahan Perhubungan

Perhubungan darat adalah satu sektor cukup asas dalam meningkatkan peranan pembangunan khususnya bagi menembusi sebuah daerah yang ketinggalan. Dalam bandar Cirebon, pembangunan perhubungan darat peranannya sangat besar dan sangat diperlukan dalam perkhidmatan keperluan-keperluan masyarakat sehingga diharapkan ekonomi boleh menggerakkan perekonomian masyarakat. Melancarkan taburan bagi ejen perniagaan baik barang atau perkhidmatan, kemudahan fasiliti perhubungan darat adalah amat penting. Bandar Cirebon merupakan wilayah daratan sehingga infrastruktur perhubungan darat mempunyai satu peranan sangat utama dan sangat diperlukan dalam pengkhidmatan keperluan asas masyarakat.

Selain melalui lebuh raya, bandar Cirebon sebagai laluan strategik juga mempunyai perkhidmatan awam melalui kereta api, di mana pengangkutan kereta api boleh membawa penumpang dalam jumlah yang banyak atau besar. Manakala stesen kereta api Kejaksan menjadi pusat perjalanan yang menghubungkan bandar Jakarta dengan Jawa Tengah, Jawa Timur dan bandar-bandar besar di Pulau Jawa. Hampir semua perjalanan kereta api transit di bandar Cirebon.

Aspek penggerak kepada kelancaran perhubungan darat ialah pada tahun 2004, bandar Cirebon memiliki jalan darat panjangnya 166.87 km. Akhir pada tahun 2008, rekod jalan yang sedia ada sebanyak 168.67 km. Keseluruhan jalan sejumlah 15.78 km sebagai tanggungjawab Negara, 4.75 km sebagai tanggungjawab negeri dan 148.14 km sebagai tanggungjawab Kerajaan bandar Cirebon. Menurut keadaan laluan mencatatkan 159.299 km dalam keadaan sangat baik, 6.371 km lebih baik, 1.65 km dalam keadaan rosak dan 1.35 km dalam keadaan sangat rosak.¹⁵⁹

¹⁵⁹ Jabatan Permukiman Sarana dan Prasarana Lingkungan (Kimpraswil) Kota Cirebon (2008)

Maka boleh difahamkan, bahawa rangkaian jalan yang ada di bandar Cirebon adalah gabungan antara jalan lebuh raya dan jalan utama bandar. Fungsi jalan raya itu ialah untuk menyokong lalu lintas daripada luar bandar menghala ke pusat bandar atau sebaliknya. Manakala jalan kolektor berfungsi untuk menghubungkan antara pelbagai kawasan penduduk bandar Cirebon. Manakala kereta api merupakan kemudahan pengangutan awam, yang menghubungkan pusat Bandar dengan daerah luar bandar seperti; bandar Indramayu, bandar Bandung, bandar Jakarta dan kawasan-kawasan sehaluan dengannya.

Bandar Cirebon juga mempunyai perhubungan laut dan udara, iaitu sebuah pelabuhan tepi laut Jawa dalam bandar Cirebon dan lapangan terbang nasional Penggung yang mana berfungsi sebagai pelabuhan yang menghubungkan antara pulau-pulau di Indonesia. Pelabuhan antara bangsa mengalami kemajuan dan perkembangan yang berterusan. Jarak tempuh pelabuhan Cirebon menuju pusat bandar Cirebon adalah dua km.

Perhubungan udara yang terdapat dalam bandar Cirebon ialah lapangan terbang “Penggung”¹⁶⁰ Cirebon untuk menghubungkan bandar Cirebon dengan bandar-bandar yang terletak di Pulau Jawa, seperti; Bandung, Jakarta, Solo, Jogjakarta, Semarang dan Surabaya. Ini kerana luas tanah yang kurang menyebabkan perhubungan udara ini tidak menghubungkan bandar Cirebon dengan pulau lain di Indonesia. Ia juga tidak menghubungkan dunia antara bangsa kerana landasan parkir lapangan terbang yang kecil, dengan panjang landasan hanya lebih kurang 1.000 meter.¹⁶¹ Ini kerana ia hanya dipakai untuk keperluan askar sahaja.

¹⁶⁰ Nama Lapangan Terbang di Bandar Cirebon

¹⁶¹ <http://id.wikipedia.org/wiki/Harjamukti/Cirebon>, 15 Disember 2006.

3.5.2 Pasar Raya

Bandar Cirebon adalah merupakan pusat pengedaran barang dan perkhidmatan untuk negeri Jawa Barat bahagian timur dan sebahagian negeri yang bersempadan dengannya ialah Jawa Tengah, telah membuat bandar Cirebon berfungsi sebagai pusat perniagaan. Pada tahun 2004, Cirebon memiliki 17 pusat pasar besar, masing-masing mempunyai nama setiap pasar. Sebanyak 75 peratus pasar terletak di kawasan Kejaksan kerana jalan pusat bandar atau jalan utama yang terdapat di bandar Cirebon dengan keseluruhan pasar di bandar Cirebon.

Daripada 17 pasar raya di bandar Cirebon terbahagi pada 2 kategori mengikut kualitinya. Paling berkualiti adalah kelas I-A yang hanya mempunyai sembilan pusat beli belah di semua bandar Cirebon, ialah Grage Mall, Balong Indah Plaza Alfa, Asia Toserba, Surya Toserba, Cirebon Mall, Yogyo Toserba, Carefour dan Giant. Manakala untuk katagori kelas IB, ialah pasar besar Jagasatu, pasaran Kramat, pasaran Gunung Sari, pasar Kanoman, pasar Pagi, pasar Kalitanjung, pasar Perumnas dan pasar Drajet. Untuk melihat pasar dan jumlah bilangannya di seluruh bandar Cirebon, sila rujuk kepada jadual di bawah ini :

Jadual 3.1: Senarai Pasar Beli Belah Menurut Kelas Di Bandar Cirebon Tahun 2007

Kelas	Nama Pasar	Alamat
I A (Pasar Besar)	Grage Mall	Jalan Tentara Pelajar No.01
	Balong Indah Plaza	Jalan Pekiringan
	Alfa Mart	Jalan Dr. Cipto Mangunkusumo
	Carefour	Jalan Dr. Cipto Mangunkusumo
	Giant	Jalan By Pass
	Asia Toserba	Jalan Siliwangi
	Surya Toserba	Jalan Siliwangi
	Cirebon Mall	Jalan Kantor
	Yogyo Toserba	Jalan Siliwangi dan Rajawali
I B (Pasar Rakyat)	Jagasatu	Jalan Jagasatu
	Kramat	Jalan Siliwangi
	Gunung Sari	Jalan Tentara Pelajar
	Kanoman	Jalan Winaon No. 01
	Pagi	Jalan Siliwangi
	Kalitanjung	Jalan Kalitanjung
	Perumnas	Jalan Gunung Ciremai
	Drajet	Jalan Drajet

Sumber : Jabatan Perindustrian dan Perniagaan Bandar Cirebon

3.5.3 Kemudahan Pendidikan

Tempat pendidikan seperti sekolah, pesantren, pengajian tinggi dan beberapa tempat pembelajaran atau tuisyen dan lain-lain adalah satu tempat pertemuan pelajar-pelajar yang terdiri dari penduduk di bandar Cirebon. Oleh itu, kemudahan pendidikan memberi peluang dalam membangun pelbagai keusahawanan kepada masyarakat di bandar Cirebon terutama penduduk tempatan dan para pelajar di mana mereka juga merasakan hubungan dibuat dalam kewujudan perkembangan kerjaya menerusi pendidikan.

Pendidikan dalam Bandar Cirebon bermula dengan tahap SD (Sekolah Rendah), SLTP (Tambahan Paras Satu Sekolah), SMU (Sekolah Menengah Umum) yang mana ditadbir oleh kerajaan dan swasta. Selain itu juga, terdapat Akademi Pengajian Tinggi sama ada yang dibina oleh kerajaan mahupun swasta (NGO).

Data daripada Jabatan Pendidikan Nasional bandar Cirebon dalam Tahun 2004 sehingga 2008 mencecah sebanyak 150 sekolah rendah yang terdiri daripada milik kerajaan dan swasta. Sekolah Lanjutan Tingkatan Pertama (SLTP) mempunyai sebanyak 42 sekolah yang terdiri milik kerajaan dan milik swasta. Terdapat sebanyak sebelas Sekolah Menengah Umum (SMU) yang mana merupakan milik negara. Manakala peringkat Universiti pula terdapat satu sekolah milik negara dan lapan milik persendirian atau swasta.

3.5.4 Tempat Pelancongan

Bandar Cirebon mempunyai banyak tempat pelancongan yang kerap dikunjungi penduduk tempatan sehingga menjadi salah satu daripada tempat-tempat tarikan dan strategi dalam membangun keusahawanan peniagaan perkhidmatan dan barang.

Tempat-tempat pelancongan tersebut ialah: *Pertama*, Gua Sunyaragi dengan luas tanah 2.5 hektar, terletak di Jalan lebuh raya kampong Argasunya kawasan Harjamukti bandar Cirebon. *Kedua*, Taman Ade Irma Suryani dengan luas tanah 2.0 hektar yang terletak di Jalan Brigjen Dharsono. *Ketiga*, Keraton Kesepuhan dengan luas tanah 12 hektar terletak di kampung Jagasatu kawasan Lemahwungkuk bandar Cirebon. *Keempat*, Keraton Kanoman dengan luas tanah lima hektar terletak di kampung Jagasatu. Untuk lebih terperinci, sila rujuk kepada jadual di bawah ini:

Jadual 3.2: Fasiliti Pelancongan Di Bandar Cirebon Tahun 2007

Fasiliti Pelancongan	Luas (Ha)	Tenaga Kerja	Pengunjung
Taman Ade Irma Suryani	2 HA	35	5,031
Keraton Kesepuhan	12 HA	28	1,131,431
Keraton Kanoman	5 HA	11	130,111
Gua Sunyaragi	2.5 HA	13	24,035

Sumber : Jabatan Pelancongan Bandar Cirebon

3.6 Struktur Kerajaan dan Pentadbiran

Secara umum, pentadbiran Bandar Cirebon terletak di bawah Negeri Jawa Barat, Negara Indonesia. Namun, menurut undang-undang No.05 tahun 1974 tentang asas-asas Kerajaan di daerah, Kerajaan daerah melaksanakan fungsinya dengan berpaksikan pentadbiran kerajaan di bandaraya masing-masing dan memberikan subsidi.¹⁶² Asas dekonsentralisasi memberikan daerah hak autonomi untuk mengatur rumah tangganya sendiri yang mana secara pentadbiran dipimpin oleh seorang pengurus atau ketua Kerajaan Daerah yang disebut sebagai Datuk Bandar. Secara sejarahnya, riwayat Kerajaan Bandar Cirebon sejak penjajahan Belanda sehingga sekarang adalah sebagai berikut :

¹⁶²Pentadbiran yang dilaksanakan menurut polisi dan strategi daerahnya masing-masing atau pengembangan daripada Bandar atau Bandar Raya iaitu dengan mentadbir kewangan daerahnya dalam melaksanakan pembangunan.

- a. Tempoh tahun 1270-1910, dalam abad lapan belas, bandar Cirebon, di simbolkan dengan hidup yang masih begitu ketara sifat tradisionalnya dan pada tahun 1479, ia berkembang pesat menjadi pusat penyebaran dan Kerajaan Islam terutamanya di wilayah Jawa Barat. Kemudian selepas masuknya penjajahan Belanda, dibangunkan rangkaian jalan raya dan jalan kereta api, sehingga mempengaruhi pembangunan perindustrian dan perniagaan.
- b. Dalam tahun 1910-1937, bandar Cirebon dirasmikan menjadi kerajaan *Cheirebon*¹⁶³ dengan luas tanah 100 hektar dan dihuni sebanyak 20,000 orang.
- c. Tempoh tahun 1937-1967. Pada tahun 1942, bandar Cirebon memperluaskan wilayahnya menjadi 2,450 hektar dan pada tahun 1957, taraf kerajaannya berubah menjadi ibukota bandar dengan luas 3,300 hektar, dan setelah ditetapkan menjadi ibu bandar raya bandar (Kotamadya) pada tahun 1965, luas wilayahnya menjadi 3,600 hektar.
- d. Tempoh Tahun 1967 sehingga hari ini, wilayah bandar Cirebon sampai masa ini luasnya seramai 3,735,82 hektar. Manakala orang pertama yang menjadi pengurus atau Datuk Bandar (Walikota) pada tahun 1920 Masehi hingga tahun 1925 ialah Burger Meester YH Johan seorang keturunan Belanda. Dan sekarang dari masa tahun 2008 hingga tahun 2013, Datuk Bandar adalah seorang bumiputera iaitu Supardi S.Pd.¹⁶⁴

Jumlah pegawai kerajaan yang bekerja di kerajaan bandar Cirebon adalah sebanyak 6,679 orang, di mana jumlah pegawai lelaki seramai 3,460 orang dan pegawai perempuan seramai 3,219 orang. Kebanyakan tingkat pendidikan pegawai di kerajaan

¹⁶³ Sekarang berubah menjadi *Cirebon*

¹⁶⁴ Badan Pusat Statistik Kota Cirebon (2008), *Profil Kota Cirebon Dalam Angka 2007*, c.1, Cirebon: Badan Perencanaan Pemerintah Daerah Kota Cirebon, h. 09.

bandar Cirebon adalah graduan sarjana (Diploma) atau dan SMA sebanyak (lihat Jadual 3.3), graduan pendidikan Sarjana sekitar 1.89 peratus, graduan Sarjana Muda (S1) sebanyak 30.51 peratus, Sarjana Diploma sekitar 3.29 peratus, sementara graduan Diploma satu tahun dan dua tahun sebanyak 22.22 peratus, sedangkan lulusan SMA sebanyak 29.93 peratus, SLTP sekitar 8.34 peratus, dan masih ada lulusan Sekolah Rendah yang bekerja iaitu sebanyak 3.82 peratus.¹⁶⁵ Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 3.3: Pegawai Kerajaan Bandar Cirebon Menurut Tingkat Pendidikan Tahun 2008

Graduan Pegawai	Sarjana	Sarjana Muda	Sarjana Diploma	D1/D2	SMA	SLTP	SD
Peratus	1.89 peratus	30.51 peratus	3.29 peratus	22.22 peratus	29.93 peratus	8.34 peratus	3.82 peratus

Sumber : Bahagian Kerajaan Bandar Cirebon¹⁶⁶

Sementara itu, anggota DPRD (Wakil Rakyat) bandar Cirebon pada tahun 2008 adalah seramai 30 orang, yang terdiri daripada 28 lelaki dan dua wanita, Tahap pendidikan akhir kebanyakan anggota wakil rakyat adalah SMU seramai 13 orang, manakala kedua terbesar adalah lulusan Sarjana Muda (S1) seramai lapan rakyat, dan Sarjana (S2) seramai sembilan orang. Anggota DPRD (Daerah Dewan Mewakili) dibahagikan pada enam parti politik, di mana anggota parti terbesar adalah parti PDIP dan parti Golkar, yang mana masing-masing sebesar 26.7 peratus (sila rujuk Jadual 3.4), manakala untuk pihak lainnya, seperti parti PAN sebanyak 13.3 peratus, parti PKB sekitar 13.3 peratus, parti PKS 10 peratus, dan parti Demokrat sebesar 10 peratus. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk jadual di bawah ini.

¹⁶⁵ Bahagian Pemerintahan Daerah (Pemda) Kota Cirebon

¹⁶⁶ D2 adalah Diploma dua tahun, D1 maksudnya adalah Diploma satu tahun, SMA adalah Sekolah Menengah Atas (SPM), SLTP adalah Sekolah Tingkat Pertama dan SD adalah Sekolah Dasar (Sekolah Rendah).

Jadual 3.4: Peratus Anggota DPRD (Wakil Rakyat) Menurut Parti Kerajaan Di Bandar Cirebon Tahun 2008

Anggota DPRD	Parti PDIP	Parti Golkar	Parti PAN	Parti PKB	Parti PKS	Parti Demokrat
Jumlah 30 orang	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
Peratus	26.7 peratus	26.7 peratus	13.3 peratus,	13.3 peratus	10.0 peratus	10.0 peratus

Sumber : Bahagian Kerajaan Daerah Bandar Cirebon

Dalam melaksanakan kerja-kerja harian Walikota atau Datuk Bandar dibantu oleh dua Setiausaha Daerah, beberapa Jabatan Khas, Pejabat Kerajaan, Harta Syarikat daerah milik kerajaan, dan Swasta atau organisasi bukan kerajaan (NGO). Untuk setiausaha diberikan tiga Naib Setia Usaha dalam bahagian masing-masing ialah: satu pihak Kerajaan mencakupi setia usaha di bahagian Tata Kerajaan, bahagian Otonomi Daerah, bahagian Hukum dan bahagian organisasi dan pengurusan.

Kemudian Naib kedua mencakupi bahagian Perekonomian, bahagian Bina Program, bahagian Kesejahteraan Rakyat. Manakala Naib ketiga mencakupi bahagian Kewangan Rampasan, bahagian Kewangan, bahagian Umum dan bahagian Perlengkapan dan Harta Benda Negara. Setiausaha kedua sebagai Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) yang mencakupi dua bahagian iaitu bahagian Umum, Mesyuarat dan Risalah.

Selanjutnya, beberapa Jabatan membantu dalam menjalankan tugas Datuk Bandar antara lain: Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Sosial, Jabatan Pemukiman dan Prasarana Wilayah (*Kimpraswil*), Jabatan Perindustrian dan Perniagaan, Jabatan Kependudukan dan data Masyarakat, Jabatan Kebudayaan dan Pelancongan, Jabatan Pertanian dan Kelautan, Jabatan Perhubungan, Jabatan Pendapatan Daerah, Jabatan

Kebersihan dan Pertamanan, Jabatan Komunikasi dan Informasi dan Teknologi, Jabatan Pendidikan dan Jabatan Kesihatan.

Pegawai Kerajaan dilengkapi pula dengan Jabatan Pentadbiran mencakupi Badan Perencanaan Pembangunan Daerah (Bappeda), Badan Pengawasan Daerah (Pengawalan), Badan Kepegawaian Daerah, Badan Perpustakaan dan Arkib Daerah, Pejabat Kesatuan Bangsa dan Politik, Pejabat Koperasi dan Usaha Kecil, Pejabat Keluarga Berencana dan Pembangunan atau Pemeriksaan Perempuan, Pejabat Pentadbir Lingkungan Hidup, Pejabat Pemadam Kebakaran (Bomba), Pejabat Polisi Pamong Praja (Rela) dan Pejabat Hospital Daerah Gunung Jati (Hospital).

Beberapa syarikat daerah milik kerajaan seperti: Syarikat Daerah Pembangunan, Syarikat Daerah Farmasi, Syarikat Daerah Air Minum, Syarikat Daerah Pasar dan Bank Pasar dengan dilengkapi beberapa lembaga secara menegak atau berhubung kait dengan pentadbiran secara nasional iaitu dengan sembilan pejabat kerajaan antara lain: Badan Pusat Statistik, Pejabat Setia Usaha Pelabuhan, Pengadilan Negara, Lembaga Pemasyarakatan, Rumah Tahanan Negara Benteng, Pejabat Imigresen, Pejabat Perkhidmatan Cukai atau Pajak dan terakhir adalah Pejabat Lelong Negara (KPPLN).

Selanjutnya, wilayah pentadbiran kerajaan bandar Cirebon dengan luas 37.358km^2 ini dibahagi lagi kepada beberapa daerah kekuasaan yang diketuai oleh seorang Camat dan dibantu oleh seorang Setiausaha Camat, yang mana pada masa sekarang ini terdiri dari lima kawasan. Daerah kekuasaan kawasan dibahagi lagi kepada beberapa bahagian daerah kekuasaan yang diketuai oleh seorang Lurah (Ketua Kampung) dan dibantu oleh seorang setiausaha yang mana pada zaman ini terdiri dari pada 22 Kelurahan.

Daerah kekuasaan Kelurahan dibahagi lagi kepada beberapa bahagian daerah kekuasaan yang diketua oleh seorang Ketua Rukun Warga (RW) dan dibantu oleh beberapa orang Ketua Rukun Tetangga (RT), yang mana pada zaman ini terdiri daripada 247 Rukun Warga (RW) dan 1,350 Rukun Tetangga (RT).¹⁶⁷

3.7 Pertumbuhan Penduduk Dan Sumber Pendapatan Masyarakat

Jumlah penduduk dan sumber pendapatan masyarakat Bandar Cirebon dari tahun 1990 sehingga tahun 2008 sangatlah signifikan, sama ada bertambahnya jumlah penduduk yang sangat cepat dan kelajuan ekonomi Bandar Cirebon yang sangat memberangsangkan. Ini kerana Bandar Cirebon berfungsi sebagai pusat transit perniagaan yang terletak di daerah yang bersempadan dengan kawasan negeri Jawa Barat dan negeri Jawa Tengah.

3.7.1 Jumlah Penduduk Dan Perkembangannya

Pada tahun 1990, penduduk bandar Cirebon adalah seramai 254,477 orang, dengan 0.92 peratus kelajuan pertumbuhan penduduk adalah 1.31 peratus. Terdapat lelaki berjumlah 125,346 orang dan perempuan berjumlah 129,532 orang.¹⁶⁸ Pada tahun 2008 menurut penyelidikan ekonomi dan sosial di bandar Cirebon. Justeru, jumlah penduduk adalah 144,120 orang lelaki dan 143,128 orang perempuan, jumlah keseluruhannya iaitu 287,248 orang.¹⁶⁹

Manakala, jumlah penduduk menurut agama pada tahun 2008, iaitu beragama Islam berjumlah 243,751 orang, Kristian Katolik 7,759 orang, Kristian Protestan 12,637 orang, Hindu 984 orang, Budha 3,127 orang dan lain-lain agama seramai 204

¹⁶⁷ *Ibid*, h. 39.

¹⁶⁸ Mulyanto Sumardi et.all I (1992), *Profil Propinsi Jawa Barat R.I*, cet.1, Jakarta: Bhakti Wawasan Nusantara, h. 87

¹⁶⁹ Badan Pusat Statistik Kota Cirebon.

orang. Jumlah keseluruhan adalah 268,462 orang. Ini menunjukkan jumlah penduduk yang paling ramai adalah yang beragama Islam dengan jumlah 243,751 orang. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 3.5: Jumlah Penduduk Bandar Cirebon Menurut Agama Tahun 2008

Nama Kawasan	Jumlah Penduduk Pemeluk Agama					
	Islam	Kristian Katolik	Kristian Protestan	Hindu	Budha	Lain-lain
Harjamukti	83,065	2,542	2,843	54	499	204
Lemahwungkuk	40,235	0	2,461	156	446	-
Pekalipan	24,052	2,641	2,628	227	1,157	-
Kesambi	58,033	1,504	2,547	228	518	-
Kejaksan	38,366	1,072	2,158	319	507	-
Jumlah	243,751	7,759	12,637	984	3,127	204
Jumlah keseluruhan	268,462					

Sumber : Kepala Bahagian Urusan Agama Jabatan Agama Bandar Cirebon 2008

Berikut ini, penulis menjelaskan mengenai keadaan jumlah penduduk bandar Cirebon yang ada di dalamnya menurut kawasan, kelurahan dan jenis jantina baik secara terperinci atau umum. Penduduk lelaki berjumlah 144,120 orang dan perempuan 143,128 orang, dan jumlah keseluruhan adalah 287,248 orang. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini

Jadual 3.6: Jumlah Penduduk Bandar Cirebon Menurut Kelurahan Dan Jantina Pada Tahun 2008

Nama Kawasan	Kelurahan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Harjamukti	Argasunya	8,793	8,474	17,267
	Kalijaga	13,144	12,723	25,867
	Harjamukti	8,692	8,465	17,157
	Kecapi	10,392	10,354	20,745
	Larangan	7,006	7,080	14,086
	Jumlah	48,027	47,096	95,123
Lemahwungkuk	Pegambiran	9,588	9,317	18,905
	Kesepuhan	7,641	7,656	15,297
	Lemahwungkuk	4,215	4,263	8,478
	Panjungan	4,906	5,105	10,011
	Jumlah	26,350	26,341	52,691
	Jumlah	15,716	15,628	31,344
Pekalipan	Pekalipan	3,287	3,328	6,615
	Pulasaren	3,942	3,948	7,890
	Jagasatu	3,175	3,238	6,413
	Pekalangan	5,312	5,114	10,426
	Jumlah	32,931	32,498	65,429
	Jumlah	21,096	21,565	42,661
Jumlah Keseluruhan		144,120	143,128	287,248

Sumber : Jabatan Kependudukan Dan Catatan Rakyat Bandar Cirebon 2009

Jumlah penduduk menurut umur dan jantina pada tahun 2008, di mana jumlah penduduk yang berumur empat tahun ke bawah berjumlah 16,060 orang lelaki dan 16,025 orang perempuan. Justeru, jumlah keseluruhan adalah 32,085 orang. Sedangkan jumlah penduduk yang paling ramai adalah yang berumur 20 tahun sampai 24 tahun dengan jumlah seramai 26,587 orang. Untuk lebih jelas, boleh dilihat penjelasan jumlah penduduk bandar Cirebon menurut umur dan jantina. Untuk lebih terperinci, sila rujuk kepada jadual dibawah ini.

Jadual 3.7: Jumlah Akhir Penduduk Bandar Cirebon Menurut Kelompok Umur, Jantina Bandar Cirebon Tahun 2008

Jumlah Umur	Jumlah		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah
00-04	16,060	16,025	32,085
05-09	12,263	12,222	24,485
09-14	11,915	11,847	23,762
15-19	12,155	12,027	24,182
20-24	13,298	13,289	26,587
25-29	11,859	11,641	23,500
30-34	11,665	11,643	23,308
35-39	10,632	10,606	21,238
40-44	9,895	10,034	19,929
45-49	8,858	9,336	18,194
50-54	7,608	7,440	15,048
55-59	6,283	5,840	12,123
60-64	5,728	5,028	10,756
65-69	3,797	4,173	7,970
70 ke atas	2,104	1,977	4,081
Jumlah	144,120	143,128	287,248

Sumber : Jabatan Kependudukan dan Catatan Sipil Bandar Cirebon 2009

Jumlah penduduk menurut Kawasan dan Jantina pada tahun 2008, ialah di mana jumlah penduduk yang berada di kawasan Harjamukti berjumlah seramai 47,096 orang lelaki dan 48,027 orang perempuan. Justeru, jumlah keseluruhan penduduk di kawasan Harjamukti adalah 95,123 orang. Sedangkan jumlah penduduk yang berada di kawasan Lemahwungkuk berjumlah 26,350 orang lelaki dan 26,341 orang perempuan. Justeru, jumlah keseluruhan penduduk di kawasan Lemahwungkuk adalah 52,691 orang.

Manakala jumlah penduduk yang berada di kawasan Pekalipan berjumlah 15,716 orang lelaki dan 15,628 orang perempuan. Justeru jumlah keseluruhan penduduk di kawasan Pekalipan adalah 31,344 orang. Manakala jumlah penduduk yang berada di kawasan Kesambi berjumlah 32,931 orang lelaki dan 32,498 orang perempuan. Justeru jumlah keseluruhan penduduk di kawasan Kesambi adalah 65,429 orang. Sedangkan jumlah penduduk yang berada di kawasan Kejaksan berjumlah 21,096 orang lelaki dan

21,565 orang perempuan. Justeru, jumlah keseluruhan penduduk di kawasan Kejaksan adalah 42,661 orang. Maka, jumlah penduduk yang paling ramai atau majoriti adalah penduduk di kawasan Harjamukti sebanyak 95,123 orang. Untuk lebih jelas, boleh dilihat perincian jumlah penduduk bandar Cirebon menurut umur dan jantina yang sedia maklum kepada jadual dibawah ini.

Jadual 3.8: Jumlah Akhir Penduduk Bandar Cirebon Menurut Kawasan Dan Jantina Tahun 2008

Nama Kawasan	Jumlah		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Harjamukti	48,027	47,096	95,123
Lemahwungkuk	26,350	26,341	52,691
Pekalipan	15,716	15,628	31,344
Kesambi	32,931	32,498	65,429
Kejaksan	21,096	21,565	42,661
Jumlah	144,120	143,128	287,248

Sumber : Jabatan Kependudukan dan Catatan Sipil Bandar Cirebon 2009

3.7.2 Sumber Pendapatan Masyarakat

Pekerjaan penduduk di bandar Cirebon, terdiri dari usahawan sama ada dalam bidang pertanian, perniagaan, perkhidmatan, industri, tetapi majoriti jenis pekerjaan penduduk di bandar Cirebon tergolong kepada dua jenis ialah; sektor perniagaan dan perkhidmatan. Peratusan penduduk bandar Cirebon tahun 2004 mempunyai mata pencarian dalam sektor pertanian 4.38 peratus, sektor pertanian ini menjadi berkurangan pada tahun 2007, kerana banyak tanah yang digunakan untuk kawasan perindustrian, pejabat, pusat membeli-belah dan perumahan.

Manakala pekerjaan penduduk pada tahun 2004 sehingga tahun 2007 dalam sektor perniagaan, hotel dan restoran sebanyak 94.20 peratus dan pada tahun 2007, sektor ini mengalami peningkatan sebanyak 94.35 peratus. Ini menandakan bahawa peratusan mata pencarian penduduk dalam sektor bukan pertanian sangat dominan.

Untuk lebih jelasnya, sila rujuk penjelasan pekerjaan penduduk mengikut bandar tentang pekerjaan yang sedia maklum kepada jadual di bawah ini.

Jadual 3.9: Penduduk 10 Tahun Berdasarkan Data Pekerjaan Asasi Tahun 2004-2007

Asas Pekerjaan	Tahun			
	2004	2005	2006	2007
Pertanian	4,608	6,206	2,340	5,652
Perlombongan & Penggalian	1,296	642	702	785
Industri	10,080	8,346	9,477	6,594
Elektrik, Gas & Air Minum	288	428	819	1,727
Bangunan & Pembinaan	8,496	9,202	6,084	6,908
Perniagaan, Hotel dan Restoran	44,640	44,084	41,418	48,984
Pengangkutan & Komunikasi	10,080	8,132	10,413	10,519
Kewangan	3,456	3,852	5,733	4,239
Perkhidmatan	23,040	25,894	26,091	31,086
Jumlah	105,040	106,786	103,077	117,593

Sumber : SUSEDJA Jawa Barat 2007

Bidang pertanian masih dikerjakan oleh penduduk yang tinggal di sempadan Negeri Cirebon, disebabkan mereka duduk di pinggiran bandar Cirebon. Kumpulan petani ini, adakalanya petani yang memiliki tanah sendiri dan mereka merupakan buruh tani, dan pengusaha perikanan. Bidang bukan pertanian mencakupi perniagaan, kaki tangan kerajaan, tentera, polis, pegawai swasta (NGO), usahawan industri, pertukangan, buruh kilang, perkhidmatan dan lain-lain.

Sedangkan gaji minimum adalah Rp. 765.000 sebulan atau sama dengan satu hari adalah Rp.7.800 atau sama dengan RM 03.50.¹⁷⁰ Manakala hasil pengeluaran tanaman sebagai bahan makanan asas banyak mengalami peningkatan dibandingkan pada tahun 2006, terutamanya tanaman padi. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

¹⁷⁰ Jabatan Tenaga Kerja dan Transmigrasi Kota Cirebon 2008.

Jadual 3.10: Pengeluaran Tanaman Bandar Cirebon Tahun 2004-2007

Komoditi/Jenis Tanaman	Produksi Tahun			
	2004	2005	2006	2007
Padi	3,148	3,371	2,878	3,361
Jagung	111	127	161	179
Ubi Kayu	246	262	349	272
Ubi Keledek	84	123	75	138
Kacang Tanah	51	123	39	59
Kacang Soya	3	2	-	-
Kacang Hijau	26	22	5	13
Jumlah Total	3,669	4,030	3,507	4,022

Sumber : Jabatan Pertanian dan Kelautan Bandar Cirebon

Peringkat ekonomi kebanyakan penduduk bandar Cirebon masih lemah.¹⁷¹

Namun begitu, tingkat pertumbuhan pendapatan dan tingkat kemakmuran masyarakat boleh dilihat daripada pertumbuhan keluarga sejahtera dan belum sejahtera serta golongan penduduk miskin pada tahun 2004 mengalami peningkatan apabila dibandingkan dengan tahun sebelumnya.

Pada tahun 2004, pertumbuhan ekonomi bandar Cirebon untuk pertanian ialah 0.35 peratus, kewangan 3.62 peratus, perkhidmatan 6.06 peratus, pengangkutan dan komunikasi 13.56 peratus, elektrik, gas, dan air bersih 1.60 peratus, pertukangan 3.69 peratus, perniagaan, hotel dan restoran 29.80 peratus, industri, pengilangan 41.32 peratus.¹⁷² Sedangkan masyarakat yang sejahtera, jumlah keluarga menurut tahap keluarga sejahtera bandar Cirebon dari tahun 2004-2007 semakin berkurangan dari 17,971 orang pada tahun 2004 kepada 16,978 orang pada tahun 2007. Justeru, keluarga sejahtera mengalami penurunan. Ini bererti jumlah angka kemiskinan di bandar Cirebon semakin bertambah bukannya semakin berkurangan.¹⁷³

¹⁷¹ Jabatan Kependudukan dan Catatan Sipil Kota Cirebon 2008

¹⁷² Badan Pusat Statistik Kota Cirebon 2001.

¹⁷³ Sumber : Jabatan Keluarga Berencana dan Pemberdayaan Perempuan Bandar Cirebon

Sektor perniagaan selama ini mempunyai kemasukan besar dalam pertumbuhan ekonomi di bandar Cirebon. Keadaan ini boleh difahamkan, di mana bandar Cirebon adalah pusat perniagaan daripada empat wilayah mencakupi negeri Kuningan, negeri Cirebon, negeri Majalengka dan negeri Indramayu. Selain itu, bandar Cirebon adalah bandar laluan yang menghubungkan Jawa Barat dan Jawa Tengah sehingga memungkinkan terjadinya proses transaksi perdagangan, manakala dilihat daripada syarikat yang melakukan kegiatan perniagaan boleh dikelompokkan menjadi syarikat perniagaan besar, perniagaan sederhana dan industri perniagaan kecil. Jumlah perniagaan besar pada tahun 2003 ialah sebanyak 168 industri, manakala industri perniagaan sederhana berjumlah 1,772 dan industri perniagaan kecil berjumlah 5,508.¹⁷⁴

Bandar Cirebon selaras dengan fungsinya bermatlamat sebagai bandar perniagaan dan perkhidmatan, bandar pelabuhan, bandar industri, dan bandar budaya dan pelancongan. Ketika ini, peluang atau prospek bandar Cirebon boleh dikenalpasti kerana ekoran :

1. Masih banyak kawasan atau tanah kosong dan perdagangan boleh dikembangkan untuk kegiatan perekonomian yang letaknya tersebar di seluruh wilayah bandar Cirebon sama ada untuk kegiatan perniagaan, perkhidmatan, perumahan, pelancongan, industri, dan lain-lain.
2. Tanah pertanian masih luas di pinggiran bandar Cirebon yang boleh dimanfaatkan untuk aktiviti pertanian.
3. Sumber laut sepanjang pantai bandar Cirebon boleh dimanfaatkan untuk aktiviti pelancongan laut, industri pertanian, dan sebagainya.
4. Adanya pelabuhan Cirebon dan Kejawanan atau pelabuhan perikanan masih terbuka untuk aktiviti industri dan perniagaan antara pulau.

¹⁷⁴ Jabatan Perindustrian dan Perdagangan Kota Cirebon 2008.

5. Jumlah penduduk cukup boleh dilatih supaya boleh menyertai dalam perkembangan pelbagai aktiviti disokong oleh beberapa orang pakar sekolah tinggi.
6. Terdapatnya kemudahan dalam pelayanan perlesenan melalui rawatan Pusat Satu Atap (PUSA).
7. Tersedianya infrastruktur atau fasiliti atau infrastruktur ekonomi tambahan aktiviti seperti: tenaga api, air, telekomunikasi, lembaga kewangan, jalan raya, dan lain-lain.

Sementara itu, polisi negeri Jawa Barat menyokong asas pembangunan bandar Cirebon berdasarkan Rukun Tetangga (RT) dan Rukun Warga (RW) Negeri Jawa Barat 2010 iaitu :

1. Bandar Cirebon diarahkan menjadi Bandar Metropolitan yang akan berfungsi sebagai Pusat Kegiatan (Aktiviti) Nasional (PKN) dan Pusat Kegiatan Wilayah (PKW).
2. Pelabuhan akan dikembangkan menjadi pelabuhan utama terbesar dalam PKN Metropolitan Cirebon.
3. Bandar Koridor “Cakra Bhuwana” sebagai bandar perdagangan yang akan terus diperluaskan kapasitinya.
4. Dalam perencanaan selanjutnya akan dibuat pembangunan infrastruktur dan pengembangan perkhidmatan: Pasar Borong, Pasar Lelong, Terminal dan Cawangan terminal pengangkutan keusahawanan dalam pengembangan rangka kerja Pusat Kegiatan Nasional (PKN) dan Pusat Kegiatan Wilayah (PKW).

Pendek kata, bandar Cirebon merupakan pusat pengembangan untuk bisnes asas kerana ia merupakan kawasan kukuh untuk perdagangan sama ada dalam peringkat negeri atau antara bangsa.

3.8 Kesimpulan

Bandar Cirebon adalah salahsatu bandar yang mendapatkan skim P2KP dari kerajaan pusat dan lokasi kajian penulis dalam skop penyelidikan, sehingga mengetahui jumlah penduduk, pekerjaan, pendidikan serta agama majoriti penduduk di bandar Cirebon sebagai data umum dalam kajian tersebut. Kerana jumlah penduduk yang beragama islam di bandar Cirebon adalah sangat majoriti berbanding agama lainnya, ini menunjukkan kajian pembangunan keusahawanan berhubungkait dengan perspektif Islam.

Bandar Cirebon dari aspek sejarahnya merupakan bandar yang sudah lama menjadi pusat perniagaan, terutamanya ketika penyebaran Islam di Jawa berkembangnya Islam, menerusi jalur perniagaan rempah-rempah mengembangkan Islam sehingga pantai utara Pulau Jawa dan rantau Maluku, ke Brunei dan Filipina. Semasa kemuncak pengembangan agama Islam yang paling berkuasa adalah ketika hasil tambang berharga yang sangat banyak berupa emas dan perak pada tahun 1570-1630 Masehi. Sehingga Islam sampai ke pulau Jawa, khasnya adalah pantai utara Jawa sehingga tersebar di beberapa Negeri, termasuk Kerajaan Islam Cirebon

Bidang perniagaan di bandar Cirebon mempunyai sumbangan besar dalam menyokong kelajuan pertumbuhan ekonomi dan menjadi pusat perniagaan dalam wilayah Bandar lainnya seperti bandar Cirebon, bandar Kuningan, bandar Indramayu, bandar Majalengka serta laluan bandar yang menghubungkan Jawa Barat dan Jawa Tengah sehingga memungkinkan proses transaksi menjual dan membeli. Bila dilihat daripada industri atau syarikat yang melakukan kegiatan perniagaan, boleh dikategorikan sebagai industri perniagaan besar, perniagaan sederhana dan perniagaan kecil.

Secara umum pendapatan masyarakat atau pekerjaan penduduk bandar Cirebon adalah usahawan sama ada di bidang pertanian, perniagaan, pelaut, industri, tetapi secara kasarnya, jenis pencarian penduduk di bandar Cirebon digolongkan kepada dua jenis iaitu; sektor pertanian dan bukan pertanian, Sedangkan mata pencarian penduduk sebanyak 48.984 orang adalah pekerjaan bidang perniagaan walaupun bidang pertanian masih dikerjakan penduduk yang tinggal di sempadan Cirebon.

Sedangkan golongan petani ini meliputi petani pemilik, buruh tani, usahawan perikanan, dan masih dalam tahap Gaji minimum iaitu Rp, 765,000 atau sama dengan sehari adalah Rp, 7,800 atau sama dengan setiap hari hanya \$ 1.00 atau sama dengan RM 03.50. Maka peringkat ekonomi kebanyakan penduduk Bandar Cirebon masih memiliki ekonomi lemah, tingkat pertumbuhan pendapatan perkapita dan tingkat kemakmuran masyarakat boleh dilihat daripada pertumbuhan keluarga sejahtera dan prasejahtera serta golongan penduduk miskin pada tahun 2004 mengalami peningkatan apabila dibandingkan dengan tahun sebelumnya.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dengan adanya polisi dan strategi dalam pelaksanaan projek P2KP, implikasi terhadap pembangunan keusahawanan untuk masyarakat Islam bandar Cirebon khususnya para niaga menengah dan kecil benar-benar memperolehi manfaat dan mampu meningkatkan keusahawanan untuk masa hadapan. Oleh sebab itu penulis, membahas pada bab ini tentang hasil kajian pelaksanaan P2KP serta implikasinya terhadap masyarakat Muslim di bandar Cirebon.

4.2 Profil Responden

Bahagian ini penulis akan menyentuh tentang profil responden, sebagai skop kajian yang penulis selidik, sama ada responden berdasarkan lokasi, umaur dan pekerjaan serta khassnya responden yang telah di tentukan sebagai responden soal selidik dari empat kawasan iaitu kampong Pekiringan, Sunyaragi, Argasunya dan Kecapi, agar mengetahui latar belakang responden termasuk peratusan data yang di dapati dan mengetahu hasil analisa dapatan kajian responden yang telah di tentukan.

4.2.1 Profil Responden Berdasarkan Lokasi dan Jantina

Satu penyelidikan telah dilaksanakan daripada tarikh 23 Februari hingga 23 Mei 2009 di bandar Cirebon untuk melihat implikasi pembangunan keusahawanan terhadap masyarakat bandar Cirebon melalui projek pembasmian kemiskinan di perbandaran (*P2KP*). Seramai 250 responden terbabit dalam kajian ini dan tersebar dalam empat kampung serta bermacam-macam pekerjaan peniaga kecil. Di antaranya ialah

pekerjaan dalam bidang perkhidmatan, ternakan, petani, nelayan, kraf tangan dan lain-lain.

Dalam penyelidikan ini, penulis mengumpulkan data yang telah disebarluaskan sebanyak 250 soal selidik dan mendapatkan kembali soal selidik tersebut seratus peratus dari soal selidik yang disebarluaskan. Maka penulis memulakan penemuan kajian dengan profil responden berdasarkan lokasi dan jantina.

Keputusan statistik deskriptif jelas menunjukkan bahawa majoriti responden mengikut jantina, perempuan lebih ramai yang menjawab soal selidik berbanding responden lelaki. Terdapat 250 data yang semuanya diproses, sehingga data yang sah adalah seratus peratus.¹⁷⁶ Responden terdiri daripada 34 orang atau 54 peratus perempuan di kampung Argasunya, 46 orang atau 75.4 peratus perempuan di kampung Kecapi, 45 orang atau 70.3 peratus perempuan di kampung Sunyaragi dan 46 orang atau 74.2 peratus perempuan di kampung Pekiringan. Maka majoriti mengikut kampung adalah 75.4 peratus responden perempuan di kampung Kecapi.¹⁷⁷

Secara majoriti, responden mengikut jantina adalah 68.4 peratus dari seluruh jumlah responden merupakan perempuan, dan jumlah keseluruhan responden perempuan adalah 171 orang dari seluruh kampung, berbanding lelaki hanya sebanyak 79 orang atau 31.6 peratus. Sedangkan hasil daripada soal selidik yang disebarluaskan dalam kajian ini juga mendapati bahawa jantina mempengaruhi kecenderungan para peniaga. Untuk lebih jelaskannya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

¹⁷⁶ PT Alex Media Komputindo (2005), *Menguasai Statistik di Era Informasi dengan SPSS 12*, c. 1, Jakarta: Gramedia, h. 226.

¹⁷⁷ Borang soal selidik

Jadual 4.1: Responden Mengikut Lokasi Dan Jantina

Kampung	Jantina				Jumlah
	Lelaki	Peratus (%)	Perempuan	Peratus (%)	
Argasunya	29	46	34	54	63
Kecapi	15	24.6	46	75.4	61
Sunyaragi	19	29.7	45	70.3	64
Pekiringan	16	25.8	46	74.2	62
	79	31.6 %	171	68.4 %	250

Sumber: Borang Soal Selidik

Dapatan kajian daripada hasil observasi bahawa realitinya peniaga wanita lebih ramai berbanding lelaki sama ada di kawasan Argasunya, Kecapi, Sunyaragi dan Pekiringan.

4.2.2 Profil Responden Berdasarkan Lokasi Dan Umur

Keputusan deskriptif statistik menunjukkan bahawa majoriti responden mengikut umur, iaitu umur 30 tahun sampai ke atas lebih ramai yang menjawab soal selidik berbanding responden yang umur 30 tahun ke bawah. Responden terdiri daripada 53 orang atau 84.1 peratus di kampung Argasunya, 57 orang atau 93.4 peratus di kampung Kecapi, 52 orang atau 81.3 peratus perempuan di kampung Sunyaragi dan 37 orang 59.7 peratus di kampung Pekiringan. Maka majoriti mengikut umur adalah 93.4 peratus responden berumur 30 tahun ke atas di kampung Kecapi.

Secara majoriti mengikut umur adalah 79.6 peratus dari seluruh jumlah responden, merupakan responden umur 30 tahun ke atas. Justeru, jumlah keseluruhan responden adalah 199 orang untuk seluruh kampung, berbanding dengan berumur 30 tahun ke bawah hanya sebanyak 51 orang atau 20.4 peratus. Manakala hasil dapatan soal selidik yang disebarluaskan kepada responden yang sudah penulis tentukan, dalam kajian ini juga mendapati bahawa umur mempengaruhi kecenderungan para peniaga. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 4.2: Responden Mengikut Lokasi Dan Umur

Kampung	Katagori								Jumlah
	Umur 18-20	Peratus (%)	Umur 21-25	Peratus (%)	Umur 26-30	Peratus (%)	Umur >30	Peratus (%)	
Argasunya	1	16	4	6.3	5	7.9	53	84.1	63
Kecapi	0	0	2	3.3	2	3.3	57	93.4	61
Sunyaragi	0	0	0	0	12	18.8	52	81.3	64
Pekiringan	0	0	0	0	25	40.3	37	59.7	62
									250

Sumber: Borang Soal Selidik

4.2.3 Profil Responden Berdasarkan Lokasi Dan Pekerjaan

Responden kajian terdiri daripada 55 orang atau 87. peratus bekerja dalam bidang perniagaan, lapan orang atau 12.7 peratus bekerja dalam bidang perkhidmatan. Justeru, jumlah keseluruhan responden ialah 63 orang di kampung Argasunya, di mana 50 orang atau 82 peratus bekerja dalam bidang perniagaan, 11 orang atau 18 peratus bekerja dalam bidang perkhidmatan. Jumlah keseluruhan responden ialah 61 orang di kampung Kecapi, 49 orang atau 76.6 peratus bekerja dalam bidang perniagaan, satu orang atau 16 peratus bekerja dalam bidang pertanian, 14 orang atau 21.9 peratus bekerja dalam bidang perkhidmatan. Jumlah keseluruhan responden ialah 64 orang di kampung Sunyaragi, di mana 53 orang atau 85 peratus bekerja dalam bidang perniagaan, sembilan orang atau 14.5 peratus bekerja bidang perkhidmatan. Sementara itu, jumlah keseluruhan responden ialah 62 orang di kampung Pekiringan. Maka majoriti mengikut pekerjaan mengikut kampung adalah 87.3 peratus responden di kampung Argasunya dengan jumlah responden yang mempunyai pekerjaan bermiaga adalah sebanyak 55 orang atau 87.3 peratus.¹⁷⁸

¹⁷⁸ Ini suatu penjelasan penulis berdasarkan hasil soal selidik yang telah disebarluaskan kepada kampung yang telah ditentukan.

Secara majoriti, responden mengikut pekerjaan adalah 82.8 peratus dari seluruh jumlah responden yang bermiaga. Jumlah keseluruhan responden yang bekerja dalam bidang perniagaan adalah 207 orang dari seluruh kampung, berbanding dengan pekerjaan selain dalam bidang perniagaan hanya sebanyak 43 orang atau 17.2 peratus. Sedangkan hasil dapatan soal selidik yang disebarluaskan dalam kajian ini juga mendapati bahawa pekerjaan mempengaruhi kecenderungan para usahawan yang bekerja sebagai peniaga di setiap kampong responden. Untuk lebih jelas sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 4.3: Responden Mengikut Lokasi Dan Pekerjaan

Kampung	Usahawan								Jumlah
	Perniagaan	Peratus (%)	Pertanian	Peratus (%)	Perkhidmatan	Peratus (%)	Peternakan	Peratus (%)	
Argasunya	55	87.3	0	0	8	12.7	0	0	63
Kecapi	50	82	0	0	11	18	0	0	61
Sunyaragi	49	76.6	1	16	14	21.9	0	0	64
Pekiringan	53	85	0	0	9	14.5	0	0	62
									250

Sumber: Borang Soal Selidik

4.3 Pelaksanaan P2KP Di Bandar Cirebon

Dalam hal ini, penulis akan mengukur pelaksanaan P2KP apakah Model tersebut diharapkan mampu memberikan sumbangan bagi penyelesaian persoalan kemiskinan yang bersifat multi dimensional dan struktur, khususnya yang berkaitan dengan dimensi-dimensi politik, sosial, dan ekonomi serta, dalam jangka panjang, mampu menyediakan kekayaan dan modal yang lebih baik bagi masyarakat miskin dalam meningkatkan pendapatannya mahupun menyuarakan aspirasinya dalam proses membuat keputusan.

Daripada organisasi masyarakat warga dipilih yang dibina oleh masyarakat dan untuk masyarakat, selanjutnya dipercayai untuk menguruskan subsidi P2KP secara

partisipatif, transparen, dan telus. Subsidi tersebut dimanfaatkan oleh masyarakat untuk membiayai aktiviti-aktiviti pembasmian kemiskinan, yang diputuskan oleh masyarakat sendiri melalui mesyuarat rakyat, baik dalam bentuk pinjaman perniagaan kecil (subsidi bergiliran) mahupun geran untuk kegiatan yang bermanfaat langsung bagi masyarakat. Untuk mewujudkan hal-hal tersebut, maka dilakukan proses pemerkasaan masyarakat, melalui pendampingan berterusan oleh fasilitator kampung di setiap wilayah yang mendapat projek P2KP.

4.3.1 Kesesuaian Dalam Proses Penyelarasaran P2KP

Dari hasil observasi penulis mendapati bahawa adanya pertemuan dan sosialisasi di tingkat rukun tetangga untuk membahas penyertaan masyarakat miskin dalam program P2KP, dengan menjemput warga masyarakat miskin dan tokoh-tokoh masyarakat untuk hadir dalam pertemuan. maklumat yang diperolehi daripada para responden tentang adanya P2KP di setiap kampung selain melalui pertemuan-pertemuan disampaikan melalui *booklet* (buku kecil) dan poster mengenai P2KP dengan matlamat agar masyarakat miskin lebih mengetahui dan ikut berperanan dalam P2KP.

4.3.2 Pembentukan BKM

Terdapatnya pertemuan dengan warga Kampung dengan KSM pihak kampung serta tokoh masyarakat kampung. Penjelasan tentang peranan BKM sebagai pelaksana P2KP yang diberikan dalam taklimat tersebut, kemudian para peserta mengajukan nama-nama yang berkemampuan dan bersedia untuk memimpin BKM kampung tersebut. Setelah itu, pemilihan Ketua BKM dan anggotanya merupakan tokoh yang dianggap mampu dan mempunyai pengaruh di lingkungannya.¹⁷⁹

¹⁷⁹ Kementerian Permukiman Dan Prasarana Wilayah (t.t.), *Petunjuk teknis Pelaksana Badan KeSwadayaan Masyarakat (BKM)*, Jakarta: Direktorat Jenderal Perumahan dan Pemukiman, h. 15-22.

4.3.3 Pembentukan KSM

Adanya pertemuan di tingkat Kampung dengan menjemput warga miskin di Kampung, kemudian melibatkan peserta dalam pertemuan untuk menentukan kriteria anggota KSM yang sesuai di Kampung. Pemilihan warga yang sesuai dengan kriteria hasil kesepakatan dalam pertemuan tersebut serta membentuk KSM. Pembentukan pengurus KSM dengan melibatkan anggotanya.¹⁸⁰ Setelah pengurus itu dilantik, maka pengurus membuat program sebagai berikut:

A. Penyusunan Usulan Kegiatan KSM

Dalam penyusunan usulan kegiatan KSM, semua responden merasa dilibatkan untuk hadir dalam penyusunan tersebut. Serta adanya Tenaga Pembimbing Kelompok (TPK) yang berperanan aktif membantu anggota KSM dapat dilihat pelaksanaan peranannya. Ini dapat dilihat dari hasil wawancara responden yang merasa peranan P2KP sangat membantu. Beberapa TPK terkesan atau tersirat tidak hanya memanfaatkan dana P2KP dengan menjadi ketua KSM untuk meminjam modal untuk dirinya sendiri namun setelah itu peranan sebagai ketua tetap menjalankan tanggungjawabnya seperti melatih menyediakan kertas cadangan pinjaman modal, urus tadbir perniagaan, pengawalan terhadap anggota KSM.

B. Penetapan Usulan Kegiatan KSM

Dalam menetapkan keutamaan usulan kegiatan KSM, semua BKM mengadakan pertemuan dengan anggotanya serta tokoh masyarakat. Penetapan keutamaan ini disesuaikan dengan dana yang tersedia di BKM tersebut. Sedangkan bagi usulan KSM yang tidak memperoleh dana P2KP diutamakan pada penetapan selanjutnya. KSM yang diterima proposal dan menerima dana P2KP kemudian membahagikan dana tersebut

¹⁸⁰ Kementerian Permukiman Dan Prasarana Wilayah (t.t.), *op. cit.*, h. 1-10.

kepada anggotanya sesuai dengan usul masing-masing tanpa ada pemotongan dari Ketua KSM.

C. Pemanfaatan Modal Yang Diperoleh Dari Dana P2KP

Bahawa P2KP menyiapkan modal untuk kemandirian masyarakat itu mestilah benar-benar dimanfaatkan secara maksimum. Adapun pembahagian manfaat modal itu bukan hanya untuk kemandirian ekonomi masyarakat sahaja, tetapi modal itu diperuntukkan untuk kemandirian sosial dan lingkungan.¹⁸¹ Pemanfaatan dana P2KP khususnya untuk kemandirian ekonomi itu diberikan secara bertahap kepada sekelompok masyarakat yang benar-benar memerlukan seperti kelompok masyarakat yang sudah mendapatkan latihan tentang keusahawanan, sehingga mereka dapat meningkatkan produktiviti usaha yang akan dijalankan.¹⁸²

4.3.4 Peranan Ketua KSM terhadap anggota KSM dalam Pelaksanaan P2KP

Dari kesemua responden yang kerap melakukan pertemuan dan menjalinkan kerjasama dan hubungan dua hala dari sesama kelompok sehingga selari dengan matlamat yang dibentuknya oleh kelompok-kelompok iaitu adanya kebersamaan antara kelompok tersebut. KSM berperanan terhadap pembinaan anggota sehingga ketika anggota mengalami kesulitan dalam usahanya ada yang membantunya.¹⁸³

4.3.5 Tingkat Pendapatan Responden Anggota KSM

Hasil analisis observasi penulis, penulis mendapati bahawa pemberian dana bertahap P2KP di Kampung Kecapi, Argasunya, Pekiringan dan Sunyaragi, didapati setelah satu tahun ada peningkatan pendapatan perniagaan. Berhubung kait dengan

¹⁸¹Kementerian Permukiman Prasarana Wilayah (t.t.), *Informasi Ringkas Program P2KP*, Jakarta: Direktorat Jendral Perumahan Dan Pemukiman, h. 10.

¹⁸²*Ibid.*, h. 19.

¹⁸³ Kementerian Permukiman Prasarana Wilayah (t.t.), *op. cit.*, h.7.

polisi dan strategi kerajaan pada pelaksanaan P2KP, analisis datanya bahawa pemberian dana bertahap P2KP di Kampung Kecapi, Argasuna, Pekiringan, dan Sunyaragi boleh mengembangkan perniagaan ekonomi yang dilakukan oleh KSM.

Oleh kerana dana pinjaman P2KP kebanyakannya digunakan untuk keperluan perniagaan ekonomi dan bukan digunakan untuk keperluan sehari-hari dan peningkatan jumlah KSM, hasil analisis datanya menunjukkan bahawa dana bertahap P2KP mampu meningkatkan jumlah modal perniagaan ekonomi KSM.¹⁸⁴

Manakala hasil dapatan observasi yang lain bahawa interaksi dan kerjasama di antara anggota KSM, dari hasil analisis datanya terdapat interaksi dan kerjasama yang terjalin di antara anggota KSM mempunyai hubungan yang erat. Ini kerana responden memiliki usaha yang sama dan berupaya untuk bekerjasama serta lokasinya berdekatan sedangkan anggota KSM yang lokasinya tidak berdekatan, mereka menjalin kerjasama pun menerusi kawasan yang sama dengannya.

4.4 Pelaksanaan Program Dan Perkembangan P2KP Di Bandar Cirebon

Secara purata, masyarakat bandar Cirebon boleh mengikuti proses dan perkembangan P2KP. Seramai 211 orang responden atau 84.4 peratus menyatakan setuju, 20 orang responden atau 8.0 peratus menyatakan sangat setuju, 14 orang responden atau 5.6 peratus menyatakan kurang setuju, lima orang responden atau 2.0 peratus menyatakan tidak setuju. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa masyarakat bandar Cirebon boleh mengikuti proses dan perkembangan P2KP. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk dalam jadual di bawah ini.

¹⁸⁴ Sila lihat kepada lampiran

Jadual 4.4 Proses Mengikuti Perkembangan P2KP

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Tidak Setuju	5	2.0
Kurang Setuju	14	5.6
Setuju	211	84.4
Sangat Setuju	20	8.0
Total	250	100.0

Sumber: Borang soal selidik

Secara purata, masyarakat bandar Cirebon tahu secara pasti projek P2KP, terutama pegawai kerajaan dan penerima bantuan. Seramai 144 orang responden atau 57.6 peratus menyatakan setuju, 72 orang responden atau 28.8 peratus menyatakan kurang setuju, 16 orang responden atau 6.4 peratus menyatakan tidak setuju, 14 orang responden atau 5.6 peratus menyatakan sangat setuju, empat orang responden atau 1.6 peratus menyatakan sangat tidak setuju. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa masyarakat Bandar Cirebon mengetahui secara pasti projek P2KP, terutama pegawai kerajaan dan penerima bantuan ini.

Pelaksanaan P2KP peringkat negeri berdasarkan hasil obeservasi bahawa kerajaan Negeri memberikan sokongan dan jaminan atas kelancaran pelaksanaan P2KP di wilayah kerjanya. Penanggung jawab pelaksanaan P2KP di tingkat Negeri adalah Bappeda Negeri (Badan Pengawas Pembangunan Daerah), yang untuk kelancaran tugasnya dapat membentuk pasukan koordinasi antara institusi atau jabatan terkait di peringkat Negeri.¹⁸⁵ Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

¹⁸⁵ Temu bual dengan Ibu Dwi Ekawati pada tarikh 25 Oktober 2008, pengurus P2KP di pejabat P2KP Bandar Cirebon.

Jadual 4.5 Masyarakat Bandar Cirebon Mengetahui Secara Pasti Projek P2KP

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Sangat Tidak Setuju	4	1.6
Tidak Setuju	16	6.4
Kurang Setuju	72	28.8
Setuju	144	57.6
Sangat Setuju	14	5.6
Total	250	100.0

Sumber: Borang soal selidik

P2KP adalah model pertama pembangunan di bandar Cirebon. Seramai 197 orang responden atau 78.8 peratus menyatakan setuju, 29 orang responden atau 11.6 peratus menyatakan sangat setuju, 17 orang responden atau 6.8 peratus menyatakan kurang setuju, enam orang responden atau 2.4 peratus menyatakan sangat setuju, empat orang responden atau 2.4 peratus menyatakan tidak setuju, enam orang responden atau 2.4 peratus menyatakan sangat setuju, satu orang responden atau 0.4 peratus menyatakan sangat tidak setuju.

Berdasarkan hasil temu bual mendapati bahawa sebelumnya sudah ada skim yang dilaksanakan kerajaan dengan nama PPK, KUT dan lainnya, tetapi model yang berinovasi pembangunan keusahawanan terdapat dalam P2KP. Beliau mengatakan bahawa kerajaan bandar atau bandar raya berperanan memastikan kelancaran pelaksanaan P2KP di wilayah kerjanya. Penanggung jawab pelaksanaan P2KP di peringkat bandar atau bandar raya adalah Bappeda bandar atau bandar raya, yang untuk kelancaran tugasnya dapat membentuk pasukan koordinasi antara pejabat terkait di peringkat Bandar atau Bandar Raya.¹⁸⁶

¹⁸⁶ Temu bual dengan Bapak Heru Hartono pada tarikh 24 Oktober 2008, pengurus bahagian kementerian Bappeda kerajaan Bandar Cirebon di pejabat walikota Cirebon

Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa P2KP adalah model pertama pembangunan di bandar Cirebon ini. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 4.6 P2KP: Model Pertama Pembangunan Keusahawanan Di Bandar Cirebon

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Sangat Tidak Setuju	1	0.4
Tidak Setuju	6	2.4
Kurang Setuju	17	6.8
Setuju	197	78.8
Sangat Setuju	29	11.6
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Secara purata, P2KP dikenalkan bermula sejak tahun 2003 di bandar Cirebon sehingga hari ini. Seramai 208 orang responden atau 83.2 peratus menyatakan setuju, 36 orang responden atau 14.4 peratus menyatakan sangat setuju, 6 orang responden atau 2.4 peratus menyatakan kurang setuju yang bererti kurang tahu. Jadi, secara purata menunjukkan bahawa P2KP bermula sejak tahun 2003 (Pengenalan) di bandar Cirebon sehingga hari ini. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 4.7 Pelaksanaan P2KP Bermula Tahun 2003

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Kurang Setuju	6	2.4
Setuju	208	83.2
Sangat Setuju	36	14.4
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Secara purata, P2KP masih dilaksanakan sehingga hari ini sebagai bukti keberkesanan bagi pembangunan keusahawanan. Seramai 215 orang responden atau 86.0 peratus menyatakan setuju, 21 orang responden atau 8.4 peratus menyatakan

kurang setuju, 13 orang responden atau 5.2 peratus menyatakan sangat setuju, satu orang responden atau 0.4 peratus menyatakan tidak setuju. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa P2KP masih dilaksanakan sehingga hari ini sebagai bukti keberkesanan bagi pembangunan keusahawanan ini. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 4.8 P2KP Sebagai Bukti Keberkesanan Bagi Pembangunan Keusahawanan

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Tidak Setuju	1	0.4
Kurang Setuju	21	8.4
Setuju	215	86.0
Sangat Setuju	13	5.2
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

-rata responden bersetuju tentang masa pengembalian pinjaman subsidi perniagaan setuju dengan masa yang dihadkan oleh para peniaga sederhana di mana seramai 193 orang responden atau 77.2 peratus menyatakan setuju, 37 orang responden atau 14.8 peratus menyatakan sangat setuju, 20 orang responden atau 8.0 peratus menyatakan kurang setuju. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa pengembalian pinjaman subsidi perniagaan setuju dengan masa yang dihadkan oleh para peniaga sederhana ini.

Sebagaimana menurut Bapak Kepala Dinas Koperasi mengatakan bahawa untuk pencapaian P2KP hanya 20 peratus yang tertunggak, sedangkan yang membayar kredit sudah mencapai 80 peratus. Sebagaimana visi P2KP iaitu pengenalan kepada KSM dan BKM, membayar kredit merupakan tanggung jawab bersama-sama ahli KSM, sama ada

dalam bidang pendidikan atau perniagaan industri kecil.¹⁸⁷ Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 4.9 Masa Pengembalian Pinjaman Dihadkan Untuk Para Peniaga Sederhana

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Kurang Setuju	20	8.0
Setuju	193	77.2
Sangat Setuju	37	14.8
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Secara purata, P2KP berjaya membentuk kumpulan peniaga sederhana sebagai bentuk metode fasiliti bagi masyarakat di Bandar Cirebon. Seramai 195 orang responden atau 78 peratus menyatakan setuju, 30 orang responden atau 12 peratus menyatakan kurang setuju, 16 orang responden atau 6.4 peratus menyatakan sangat setuju, lapan orang responden atau 3.2 peratus menyatakan tidak setuju, satu orang responden atau 0.4 peratus menyatakan sangat tidak setuju. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa P2KP berjaya membentuk kumpulan peniaga sederhana sebagai bentuk metode fasiliti bagi masyarakat di Bandar Cirebon ini. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 4.10 P2KP Berjaya Membentuk Kumpulan Peniaga Sederhana

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Sangat Tidak Setuju	1	0.4
Tidak Setuju	8	3.2
Kurang Setuju	30	12.0
Setuju	195	78.0
Sangat Setuju	16	6.4
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

¹⁸⁷ Temu bual Dengan Bapak Dedi Fachruddin Kepala Dinas Koperasi Kota Cirebon, pada tarikh 2 Mac 2009 Di Cirebon

Secara purata, P2KP melalui fasilitator berhasil membangun dan menanamkan pembangunan budaya keusahawanan di Bandar Cirebon sejak tahun 2003. Seramai 152 orang responden atau 60.8 peratus menyatakan setuju, 83 orang responden atau 33.2 peratus menyatakan kurang setuju, sembilan orang responden atau 3.6 peratus menyatakan tidak setuju, enam orang responden atau 2.4 peratus menyatakan sangat setuju. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa fasilitator berhasil membangun dan menanamkan pembangunan budaya keusahawanan di Bandar Cirebon ini.

Menurut Bapak Hairin, di pejabatnya Jalan Cipto Mangunkusumo Bandar Cirebon. Beliau mengatakan bahawa memberi tunjuk ajar pembangunan keusahawanan adalah merupakan proses penyertaan (*empowerment*) orang-orang yang sudah mempunyai pekerjaan dalam bidang perniagaan tetapi kurang dalam sumber manusia atau skil dalam mengurus bidang keusahawanan, menjadikan mereka terbuka terhadap maklumat terhadap bagaimana menjalankan keusahawanan dengan baik dan berjaya, walaupun ianya hanya dengan modal yang sangat kecil dan dari pinjaman kredit projek.¹⁸⁸ Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

4.11 P2KP Berjaya Membangun Budaya Keusahawanan Sejak Tahun 2003

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Tidak Setuju	9	3.6
Kurang Setuju	83	33.2
Setuju	152	60.8
Sangat Setuju	6	2.4
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

¹⁸⁸ Temu bual dengan Bapak Hairin, Pengurus P2KP Kordinator kota Cirebon pada 20 Oktober 2008, di pejabat P2KP Bandar Cirebon.

4.5 Polisi dan Strategi Pemerintah Dalam Pembangunan Keusahawanan di Bandar Cirebon

Secara purata, kerajaan bandar Cirebon sentiasa menaja dan menyokong setiap aktiviti yang dibuat oleh P2KP kepada masyarakat sejak tahun 2003, di mana seramai 188 orang responden atau 75.2 peratus menyatakan setuju, 27 orang responden atau 10.8 peratus menyatakan sangat setuju, 26 orang responden atau 10.4 peratus menyatakan kurang setuju, sembilan orang responden atau 3.6 peratus menyatakan tidak setuju.

Dapatan kajian melalui observasi, penulis mendapati bahawa bentuk sokongan kerajaan iaitu kemudahan tempat dan pejabatnya dalam melaksanakan kursus-kursus dan pengenalan P2KP, baik menerusi radio, akbar tempatan dan lainnya. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa kerajaan bandar Cirebon sentiasa menaja atau mendokong setiap aktiviti yang dibuat oleh P2KP kepada masyarakat ini. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 4.12 Kerajaan Menyokong Program P2KP Di Masyarakat Sejak Tahun 2003

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Tidak Setuju	9	3.6
Kurang Setuju	26	10.4
Setuju	188	75.2
Sangat Setuju	27	10.8
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Secara purata, kerajaan bandar Cirebon telah melaksanakan pengawalan (audit) terhadap P2KP sejak tahun 2003, di mana seramai 180 orang responden atau 72. peratus menyatakan setuju, 35 orang responden atau 14 peratus menyatakan sangat setuju, 28 orang responden atau 11.2 peratus menyatakan kurang setuju, tujuh orang responden atau 2.8 peratus menyatakan tidak setuju. Jadi, secara purata, menunjukkan

bahawa kerajaan bandar Cirebon telah melaksanakan pengawalan (audit) terhadap P2KP ini. Dengan mengambil pasukan yang melakukan audit secara independen,dalam erti kata bukan mengambil daripada kerajaan mahupun pihak P2KP, bentuk nyata daripada sokongan itu adalah ikut membantu dalam melancarkan pelaksanaan audit. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 4.13 Kerajaan Melaksanakan Pengawalan P2KP Sejak Tahun 2003

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Tidak Setuju	7	2.8
Kurang Setuju	28	11.2
Setuju	180	72.0
Sangat Setuju	35	14.0
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Secara purata, pengenalan dan pelaksanaan P2KP di bandar Cirebon lebih kerap dilakukan oleh P2KP, sedangkan kerajaan hanya memberikan fasiliti, sama ada pejabatnya mahupun waktunya dalam pengenalan menjemput penguatkuasa dan pengerusi kampung, di mana seramai 166 orang responden atau 66.4 peratus menyatakan setuju, 52 orang responden atau 20.8 peratus menyatakan sangat setuju, 18 orang responden atau 7.2 peratus menyatakan kurang setuju, 14 orang responden atau 5.6 peratus menyatakan tidak setuju.

Dari hasil kajian melalui observasi mendapati bahawa di peringkat Kawasan, unsur yang masuk dalam pelaksanaan P2KP adalah *pertama*; Ketua Kawasan dan keraninya, *kedua*; Penanggung Jawab Operasional Kegiatan (PJOK) dengan peranan dan tugas masing-masing unsur ialah sebagai pelaksana projek P2KP di tingkat kawasan dan bertanggung jawab atas aspek pentadbiran pemberian dana BLM di dalam wilayah tanggungjawabnya. PJOK dilantik oleh Datuk Bandar dengan tugas di peringkat

kawasan. Untuk mengetahui kelancaran pemberian pembiayaan modal perniagan bagi peniaga kecil di kawasannya, yang mendapatkan program P2KP.

Manakala secara umum, peranan asas ketua kampung adalah memberikan sokongan dan jaminan agar pelaksanaan P2KP di wilayah tanggungjawabnya dapat berjalan dengan lancar sesuai dengan kanun yang berlaku sehingga tujuan yang diharapkan melalui P2KP dapat tercapai dengan baik. Ketua Kampung boleh mengenalkan dan mengarahkan aspek kampung atau desa sesuai dengan fungsi masing-masing. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa pengenalan dan pelaksanaan P2KP di Bandar Cirebon telahpun berhasil. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 4.14 Pengenalan Dan Pelaksanaan P2KP Di Bandar Cirebon

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Tidak Setuju	14	5.6
Kurang Setuju	18	7.2
Setuju	166	66.4
Sangat Setuju	52	20.8
Total	250	100.0

Sumber: Borang soal selidik

Secara purata, kerajaan amat menyokong pelaksanaan dan keusahawanan pembangunan melalui skim P2KP di bandar Cirebon sejak tahun 2003, di mana seramai 158 orang responden atau 63.2 peratus menyatakan setuju, 76 orang responden atau 30.4 peratus menyatakan kurang setuju, 15 orang responden atau 6.0 peratus menyatakan tidak setuju, satu orang responden atau 6.0 peratus menyatakan sangat setuju. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa kerajaan amat menyokong pelaksanaan dan keusahawanan pembangunan melalui skim P2KP di bandar Cirebon ini. Bentuk sokongan tersebut didapati melalui observasi dan temubual¹⁸⁹ dengan staf ahli teknikal

¹⁸⁹ Temu bual dengan Ibu Iroh Rohaeti, staff ahli teknikal P2KP pada tarikh 26 Oktober 2008 di Pejabat KMW 5 bandar Cirebon

mengatakan bahawa tugas utama KMW adalah melakukan perancangan, persiapan, pelaksanaan koordinasi, pengawasan, penyeliaan, dan pelaporan semua kegiatan pelaksanaan P2KP di Unit Wilayah Kerja (SWK) sebanyak 13 KMW menangani pelaksanaan P2KP di 13 SWK. Dalam melaksanakan tugasnya, KMW bertanggungjawab langsung dan berada di bawah koordinasi serta kawalan Konsultan Pengurusan Pusat (KMP) bersama-sama wakil rakyat kerajaan Bandar Cirebon. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 4.15 Sokongan Kerajaan Terhadap Pembangunan Keusahawanan Melalui Skim P2KP Di Bandar Cirebon Sejak Tahun 2003

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Tidak Setuju	15	6.0
Kurang Setuju	76	30.4
Setuju	158	63.2
Sangat Setuju	1	.4
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Secara purata, P2KP di Bandar Cirebon Indonesia merupakan skim kerajaan Pusat Negara Indonesia sejak tahun 2003, di mana seramai 172 orang responden atau 68.8 peratus menyatakan setuju, 64 orang responden atau 25.6 peratus menyatakan kurang setuju, 10 orang responden atau 4.0 peratus menyatakan sangat setuju, empat orang responden atau 1.6 peratus menyatakan tidak setuju.

Hasil temu bual dengan Ibu Devi Yulianti, beliau mengatakan bahawa tugas asas pasukan fasilitator adalah melaksanakan tugas KMW di peringkat komuniti atau masyarakat: *Pertama*, sebagai pelaksana projek termasuk mencatat setiap perkembangan projek dan melaporkannya kepada KMW untuk memasukkan data SIM (*Sistem Informasi Manajemen*). *Kedua*, sebagai pemerkasa masyarakat termasuk memperkenalkan masyarakat tentang P2KP, melakukan intervensi dalam rangka

pemerkasaan masyarakat dan membantu masyarakat membuat data utama serta melaksanakan aktiviti pembasmian kemiskinan. Sebagai asas meyakinkan masyarakat bahawa skim P2KP ini daripada kerajaan pusat.¹⁹⁰ Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa P2KP di bandar Cirebon Indonesia merupakan skim kerajaan Pusat Negara Indonesia ini. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 4.16 P2KP Di Bandar Cirebon Merupakan Skim Daripada Kerajaan Pusat Negara Indonesia Sejak Tahun 2003

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Tidak Setuju	4	1.6
Kurang Setuju	64	25.6
Setuju	172	68.8
Sangat Setuju	10	4.0
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Secara purata, kerajaan sentiasa memberikan kemudahan atau fasiliti untuk usahawan yang mendapat bantuan dari skim P2KP sejak tahun 2003, di mana seramai 155 orang responden atau 62.0 peratus menyatakan setuju, 50 orang responden atau 20 peratus menyatakan kurang setuju, 43 orang responden atau 17.2 peratus menyatakan sangat setuju, dua orang responden atau 0.8 peratus menyatakan tidak setuju.

Berdasarkan hasil observasi penulis mendapati bahawa bentuk kemudahan tersebut iaitu tempat pejabat dan dewan utama yang sedia ada untuk bengkel-bengkel keusahawanan yang membabitkan beberapa pengurus kampung dalam mengendalikan kursus menyediakan kertas cadangan pinjaman modal kewangan perniagaan. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa P2KP di bandar Cirebon Indonesia merupakan skim kemudahan pinjaman modal perniagaan yang dilakukan oleh P2KP bersama-sama dengan kerajaan. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

¹⁹⁰ Temu bual dengan Ibu Devi Yulianti pada tarikh 28 Oktober 2008, di pejabat P2KP Bandar Cirebon

Jadual 4.17 Skim P2KP Memberikan Kemudahan Kepada Usahawan Sejak Tahun 2003

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Tidak Setuju	2	0.8
Kurang Setuju	50	20.0
Setuju	155	62.0
Sangat Setuju	43	17.2
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Secara purata, kerajaan memberi perhatiannya untuk pelaksanaan P2KP di bandar Cirebon sejak tahun 2003, di mana seramai 198 orang responden atau 79.2 peratus menyatakan setuju, 46 orang responden atau 18.4 peratus menyatakan sangat setuju, enam orang responden atau 2.4 peratus menyatakan kurang setuju.

Dari hasil observasi penulis, mendapati bahawa kerajaan memberikan perhatian dalam hal memberikan kerjasama untuk menyediakan kemudahan pelaksanaan skim P2KP, buku-buku pedoman pelaksanaan P2KP dan lainnya oleh pihak kerajaan yang memberikan taklimat berkenaan yang berhubungkait dengan pihak jawatan kuasa P2KP dan beberapa fasilitator kerana sememangnya tidak membabitkan kerajaan untuk ikut secara langsung dalam skim P2KP tersebut, tetapi ianya sebagai kongsi sahaja. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa kerajaan memberi perhatiannya untuk pelaksanaan P2KP di bandar Cirebon ini. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 4.18 Perhatian Kerajaan Terhadap Pelaksanaan P2KP Di Bandar Cirebon Sejak Tahun 2003

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Kurang Setuju	6	2.4
Setuju	198	79.2
Sangat Setuju	46	18.4
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Secara purata, bengkel-bengkel telahpun dilaksanakan oleh kerajaan bandar Cirebon yang bekerjasama dengan P2KP bagi menanamkan pembangunan keusahawanan di mana seramai 170 orang responden atau 68 peratus menyatakan setuju, 42 orang responden atau 16.8 peratus menyatakan sangat setuju, 38 orang responden atau 15.2 peratus menyatakan kurang setuju. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa bengkel-bengkel telah pun dilaksanakan oleh kerajaan Bandar Cirebon yang bekerjasama dengan P2KP bagi menanamkan pembangunan keusahawanan ini.

Menurut Bapak Abdul Fattah di pejabatnya Jalan Margahayu bandar Bandung Jawa Barat. Beliau mengatakan bahawa peringkat ikut serta membantu menjelaskan dan mendidik atau intervensi kepada masyarakat bagi projek adalah merupakan satu kewajipan, kerana tanpa proses itu, pembangunan keusahawanan tidak boleh berjaya secara seratus peratus, walaupun mereka telah diperolehi bantuan kredit atau bantuan pinjaman pembiayaan modal perniagaan daripada P2KP.¹⁹¹ Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 4.19 Bengkel Keusahawanan

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Kurang Setuju	38	15.2
Setuju	170	68.0
Sangat Setuju	42	16.8
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

¹⁹¹ Temu bual dengan Bapak Abdul Fattah, Team Leader Jawa Barat (*Konsultan Manajemen Wilayah*) pada 17 Oktober 2008, di pejabat P2KP Bandung.

4.6 Implikasi Polisi Dan Strategi Pembangunan Keusahawanan Ke Atas Masyarakat Bandar Cirebon

Secara purata, meningkatnya kumpulan yang telah bekerja sebagai peniaga dan meminjam modal perniagaannya daripada P2KP di mana seramai 128 orang responden atau 51.2 peratus menyatakan setuju, 91 orang responden atau 36.4 peratus menyatakan kurang setuju, 17 orang responden atau 6.8 peratus menyatakan sangat setuju, 14 orang responden atau 5.6 peratus menyatakan tidak setuju. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa meningkatnya kumpulan yang telah bekerja sebagai peniaga dan meminjam modal perniagaannya daripada P2KP ini. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 4.20 Peningkatan Para Peniaga Meminjam Modal daripada P2KP

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Tidak Setuju	14	5.6
Kurang Setuju	91	36.4
Setuju	128	51.2
Sangat Setuju	17	6.8
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Secara purata, meningkatnya pendapatan dan kesejahteraan bagi masyarakat selepas meminjam modal perniagaan daripada P2KP di mana seramai 202 orang responden atau 80.8 peratus menyatakan setuju, 34 orang responden atau 13.6 peratus menyatakan kurang setuju, 14 orang responden atau 5.6 peratus menyatakan sangat setuju. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa meningkatnya pendapatan dan kesejahteraan bagi masyarakat selepas meminjam modal perniagaan daripada P2KP ini. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 4.21 Peningkatan Pendapatan Masyarakat Setelah Mendapat Modal daripada P2KP

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Kurang Setuju	34	13.6
Setuju	202	80.8
Sangat Setuju	14	5.6
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Secara purata, masyarakat dan usahawan merasa beruntung dan terbantu dengan adanya skim P2KP di mana seramai 156 orang responden atau 62.4 peratus menyatakan setuju, 72 orang responden atau 28.8 peratus menyatakan sangat setuju, 22 orang responden atau 8.8 peratus menyatakan kurang setuju. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa masyarakat dan usahawan merasa beruntung dan terbantu dengan adanya skim P2KP ini. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Jadual 4.22 Usahawan Merasa Terbantu Dengan Skim P2KP

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Kurang Setuju	22	8.8
Setuju	156	62.4
Sangat Setuju	72	28.8
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Secara purata, budaya masyarakat menjadi aktif bekerja dan tidak selalu bergantung kepada subsidi daripada skim P2KP di mana seramai 201 orang responden atau 80.4 peratus menyatakan setuju, 36 orang responden atau 14.4 peratus menyatakan kurang setuju, tujuh orang responden atau 2.8 peratus menyatakan sangat setuju, enam orang responden atau 2.4 peratus menyatakan tidak setuju. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa budaya masyarakat menjadi aktif bekerja dan tidak selalu bergantung kepada subsidi daripada skim P2KP ini. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk dalam jadual di bawah ini.

Jadual 4.23 Masyarakat Semakin Mandiri Tanpa Bantuan P2KP

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Tidak Setuju	6	2.4
Kurang Setuju	36	14.4
Setuju	201	80.4
Sangat Setuju	7	2.8
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Secara purata, pinjaman perniagaan digunakan untuk modal bermiaga, bukan untuk keperluan harian dan tidak membezakan modal pinjaman dari P2KP di mana seramai 210 orang responden atau 84.0 peratus menyatakan setuju, 35 orang responden atau 14.0 peratus menyatakan sangat setuju, lima orang responden atau 2.0 peratus menyatakan kurang setuju. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa usaha pinjaman perniagaan digunakan untuk modal bermiaga, bukan untuk keperluan harian dan tidak membezakan jumlah pinjaman yang diberikan mengikut jenis perniagaan masing-masing. Seperti perniagaan runcit akan berbeza jumlah pinjaman modal perniagaannya dengan kumpulan kedai makanan. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk dalam jadual di bawah ini.

Jadual 4.24 Pinjaman Daripada P2KP Untuk Modal Berniaga

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Kurang Setuju	5.0	2.0
Setuju	210	84.0
Sangat Setuju	35	14.0
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Secara purata, masyarakat bandar Cirebon mempunyai semangat keusahawanan yang tinggi hasil daripada P2KP. Seramai 214 orang responden atau 85.6 peratus menyatakan setuju, 25 orang responden atau 10 peratus menyatakan sangat setuju, 11 orang responden atau 4.4 peratus menyatakan kurang setuju. Jadi, secara purata,

menunjukkan bahawa masyarakat bandar Cirebon mempunyai semangat keusahawanan yang tinggi selari dengan P2KP ini. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk dalam jadual di bawah ini.

Jadual 4.25 Masyarakat Bandar Cirebon Mempunyai Semangat Keusahawanan

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Kurang Setuju	11	4.4
Setuju	214	85.6
Sangat Setuju	25	10.0
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Secara purata, kesedaran meningkat bagi usahawan sederhana yang berkongsi dalam satu kumpulan selepas mendapatkan pinjaman modal daripada P2KP di mana seramai 147 orang responden atau 58.8 peratus menyatakan setuju (dalam erti kata sedar), 58 orang responden atau 23.2 peratus menyatakan kurang setuju, 45 orang responden atau 18.0 peratus menyatakan kurang setuju. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa usaha berkembang dan meningkat bagi usahawan sederhana yang berkongsi dalam satu kumpulan selepas mendapat pinjaman modal daripada P2KP ini.

Menurut Kepala Dinas Permukiman dan Sarana dan Prasarana Lingkungan, beliau menjelaskan bahawa beberapa kejayaan melalui P2KP adalah meningkat kesedaran untuk membasmi budaya kemiskinan melalui P2KP, aspek yang lainnya iaitu terjalannya para peniaga kecil dan terbangunnya rasa kebersamaan dalam membentuk kumpulan peningkatan usahanya dalam rangka meningkatkan perniagaannya dan keluar daripada kepompong kemiskinan.¹⁹² Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

¹⁹² Temu bual dengan Kepala Dinas Permukiman Sarana Dan Prasarana Bahagian Bandar Kota Cirebon Pada tarikh 04 Mac 2009.

Jadual 4.26 Meningkat kesedaran untuk membasmi budaya kemiskinan melalui P2KP

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Kurang Setuju	58	23.2
Setuju	147	58.8
Sangat Setuju	45	18.0
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

Secara purata, P2KP mempunyai keberkesanahan dan berimpak positif bagi masyarakat bandar Cirebon di mana seramai 210 orang responden atau 84.0 peratus menyatakan setuju, 39 orang responden atau 15.6 peratus menyatakan sangat setuju, satu orang responden atau 0.4 peratus menyatakan kurang setuju. Jadi, secara purata, menunjukkan bahawa P2KP mempunyai keberkesanahan dan berimpak positif bagi masyarakat bandar Cirebon ini. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk kepada lampiran.

Mengenai pengembalian kredit di Pejabat BKM,¹⁹³ menurut Bapak Mingkus mengatakan bahawa tingkat pengembalian pinjaman kredit sangat berjaya sebanyak 96 peratus dan merupakan peningkatan yang sangat signifikan dan sangat berimplikasi bagi peniaga kecil.¹⁹⁴ Untuk lebih jelasnya, sila rujuk dalam jadual di bawah ini.

Jadual 4.27 Keberkesanan P2KP Terhadap Masyarakat Bandar Cirebon

Kategori	Responden (Orang)	Peratus Sah
Tidak Setuju	1	0.4
Setuju	210	84.0
Sangat Setuju	39	15.6
Total	250	100.0

Sumber: Borang Soal Selidik

¹⁹³ Moh. Tjoekam (1999), *Perkreditan Bisnis Inti Bank Konvensional*, c. 1, Jakarta: Gramedia, h. 17

¹⁹⁴ Temu bual Dengan Pengerusi Badan Keswadayaan Masyarakat (BKM) Kampung Sunyaragi Cirebon Pada 21 Oktober 2008

4.7 Implikasi P2KP Terhadap Masyarakat Bandar Cirebon Dalam Perspektif Islam

Dari semua dapatan kajian berdasarkan analisis deskriptif, observasi, temu bual dan kajian dokumentasi menunjukkan bahawa semakin besar peranan pelaksanaan P2KP terhadap masyarakat bandar Cirebon, sehingga terdapat beberapa implikasinya antara lain iaitu :

4.7.1 Implikasi Ekonomi

Dengan pelaksanaan P2KP didapati meningkatnya pendapatan sehingga mampu untuk memenuhi keperluan sara hidupnya sampai dengan batasan yang sesuai dan dengan ciri meningkatnya keupayaan masyarakat peniaga kecil dalam pelbagai pekerjaan dan berupaya membeli sara hidup termasuk modal perniagaan, kekayaan sumber manusia, peralatan perniagaan dan sebagainya

Umat Islam berusaha dan menguruskan perniagaan mesti mengikut aturan hukum yang telah ditetapkan dalam al-Qur'an dan al-Hadith. Dalam hal keusahawanan ini, implikasi terhadap pertumbuhan ekonomi sangat menentukan sekali kepada sebuah kerajaan atau negara Islam.¹⁹⁵ Dalam hal ini, masyarakat bandar Cirebon khususnya para peniaga kecil yang mendapatkan bantuan daripada projek P2KP sudah mulai nampak ada peningkatan pendapatan sehingga mampu untuk memenuhi keperluan hidup mereka.

Masyarakat bandar Cirebon itu yang mana majoriti beragama Islam dalam menguruskan perniagaannya berlandaskan prinsip-prinsip ekonomi yang telah mencontohi Baginda Rasulullah SAW. seperti jujur, amanah dan adil. Selanjutnya mereka sudah mengalami kemampuan pemilikan modal sendiri baik modal perniagaan,

¹⁹⁵ Ahmad Ibrahim Abu Sin (2002), *Op, cit.*, h. 30.

peralatan dan ketrampilan, sehingga mereka boleh membantu meningkatkan perekonomian bandar Cirebon.

4.7.2 Implikasi Sosial

Masyarakat bandar Cirebon adalah masyarakat yang menganut agama Islam, sehingga mereka menyedari tentang kewajiban setiap insan manusia berusaha mencari nafkah. Oleh sebab itu, ketika pemerintah menawarkan program P2KP kepada masyarakat bandar Cirebon khususnya para peniaga kecil, maka program itu disambut dengan positif. Menerusi P2KP masyarakat peniaga kecil telah bersatu ke dalam KSM yang sedia ada dan meningkatnya kesedaran untuk membasmi budaya kemiskinan dari dalaman yang mana telah melahirkan kemahiran sumber manusia.

Dengan keberhasilan P2KP di Bandar Cirebon itu, masyarakat Bandar Cirebon itu khususnya para peniaga kecil telah mendapat semangat baru untuk berusaha lebih maju lagi. Ini kerana mereka berusaha untuk mengikuti dan selari dengan keusahawanan yang telah dicontohkan oleh Rasulullah SAW dan merujuk kepada sabdanya :

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ حَدَّثَنِي أَبِيهِ حَدَّثَنَا يَزِيدُ حَدَّثَنَا الْمَسْعُودِيُّ عَنْ وَائِلٍ أَبِي بَكْرٍ عَنْ عِبَادِيَةَ بْنِ رَفَاعَةَ بْنِ رَافِعٍ بْنِ خَدِيجٍ عَنْ جَدِّهِ رَافِعٍ بْنِ خَدِيجٍ قَالَ: قِيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْكَسْبُ أَطْيَبُ؟ قَالَ: عَمَلَ الرَّجُلِ بِيَدِهِ وَكُلُّ بَيْعٍ مَبْرُورٌ.¹⁹⁶

¹⁹⁶ Ahmad bin Hanbal (t.t), *op. cit.*, h.501

Maksudnya:

Daripada Rafi' bin Khadij berkata, Rasulullah pernah ditanya tentang, "usaha apa yang paling baik?", beliau bersabda: "usaha seseorang dengan tangannya sendiri dan setiap jual beli yang baik" (HR. Ahmad bin Hanbal)

4.7.3 Implikasi Budaya

Masyarakat bandar Cirebon khususnya para peniaga kecil yang mengikuti program P2KP dituntut untuk menerapkan nilai-nilai keusahawanan yang berprinsipkan Islam itu. Nilai-nilai dalam Islam di antaranya adalah kejujuran, kerana ia merupakan asas moraliti iman dan karakter yang sangat menonjol bagi setiap orang-orang yang beriman. Bahkan kejujuran adalah karakter atau perilaku para Rasul dalam menegakkan agama di dunia ini.

Kejujuran itu mesti dijadikan landasan bagi para peniaga kecil bandar Cirebon, agar usahanya mampu berdaya saing dan menjana pertumbuhan ekonomi negara. Peniaga yang jujur adalah peniaga yang sangat tekun dan gigih sebagaimana ditegaskan oleh Muhammad SAW dalam hadithnya :

عَنْ عَائِشَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنَّ أَطْيَبَ مَا أَكَلَ الرَّجُلُ مِثْنَاهُ كَسْبٌ¹⁹⁷

Maksudnya:

Daripada Aisyah dia berkata, Rasulullah saw bersabda: sesungguhnya tiadalah usaha yang paling baik selain dari kerja tangannya sendiri.

Selanjutnya, nilai Islam berikutnya adalah amanah kerana amanah sangat berkait dengan nilai kejujuran dan salah satu ciri orang-orang yang beriman adalah menjaga dan

¹⁹⁷ Ibnu majah (t.t) *Sunan Ibnu Majah*, kitab al-Tijarah, Bab al-Hath ala al-Makasib, no. hadith 2138, , (*Al-Kutub al-Sittah*), Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'ūdiyyah: Dār al-Salām, c.3,

memelihara amanah dan janji-janjinya.¹⁹⁸ Justeru, usahawan-usahawan Muslim khususnya bandar Cirebon mesti mengamalkan nilai-nilai kejujuran dan amanah, apabila mereka bermula. Ini kerana kejujuran dan amanah adalah kunci kejayaan dalam perniagaan yang diredhak oleh Allah SWT.¹⁹⁹

Begitu juga, para peniaga kecil bandar Cirebon dituntut untuk mengembalikan modal yang telah dipinjam daripada kerajaan atau pemerintah bandar Cirebon dalam program P2KP itu dan mereka timbul rasa tanggungjawab dan amanah untuk mengembalikan modal itu secara bertahap. Ini berdasarkan hasil penyelidikan penulis dapati bahawa hampir 90 peratus peniaga kecil mengembalikan modal usahawan dari P2KP itu. Maknanya bahawa masyarakat bandar Cirebon memiliki nilai-nilai Islam yang telah dicontohkan oleh Rasulullah SAW.

4.8 Analisis Data Korelasi Polisi dan Strategi Pembangunan Keusahawanan Dengan Pelaksanaan P2KP

Secara purata, skor pemboleh ubah polisi dan strategi pembangunan keusahawanan dengan pelaksanaan P2KP adalah 31.1880 dengan sisihan piawai 2.38483 dan purata skor pemboleh ubah P2KP adalah 31.3920 dengan sisihan piawai 2.94636. Besar hubungan antara pemboleh ubah polisi dan strategi bandar Cirebon dengan pelaksanaan P2KP adalah nilai korelasi Pearsonnya lebih besar dari 0.01 pada tingkat kepercayaan 99 peratus ialah 0.694. Hal ini menunjukkan hubungan yang sangat erat (mendekati) di antara polisi dan strategi pembangunan keusahawanan dengan Pelaksanaan P2KP menuju hubungan menuju hubungan yang sederhana.

¹⁹⁸ Al-Quran, Surah al-Mu'minun (23): 8.

¹⁹⁹ Didin Hafidhudin (1995), *op.cit.*, h. 297.

4.9 Analisis Data Korelasi Pelaksanaan P2KP Dengan Implikasi Terhadap Masyarakat Cirebon

Secara purata, skor pemboleh ubah pelaksanaan P2KP dengan implikasi terhadap masyarakat Cirebon dengan jumlah 250 responden adalah 31.3920 dengan sisihan piawai 2.94636 dan purata skor pemboleh ubah P2KP adalah 30.7960 dengan sisihan piawai 2.36150. Besar hubungan antara pemboleh ubah pelaksanaan P2KP dengan implikasi terhadap masyarakat Cirebon adalah nilai korelasi Pearsonnya lebih besar dari 0.01 pada tingkat kepercayaan 99 peratus ialah 0.620. Hal ini menunjukkan hubungan yang sangat erat (mendekati) di antara P2KP dengan implikasi menuju hubungan yang sederhana.

4.10 Analisis Data Korelasi Polisi Dan Strategi Pembangunan Keusahawanan Dengan Implikasi P2KP Terhadap Masyarakat

Secara purata, skor pemboleh ubah polisi dan strategi bandar Cirebon dengan implikasi P2KP terhadap masyarakat adalah 31.1880 dengan sisihan piawai 2.38483 dan purata skor pemboleh ubah P2KP adalah 30.7960 dengan sisihan piawai 2.36150.

Berdasarkan hasil analisis deskriptif statistik korelasi pemboleh ubah antara polisi dan strategi dengan pelaksanaan P2KP, ialah nilai korelasi perseratusnya lebih besar dari pada 0.694 pada tingkat kepercayaan 99 peratus. Manakala P2KP dengan implikasi masyarakat ialah nilai korelasi perseratusnya ialah 0.620 pada tingkat kepercayaan 99 peratus. Serta polisi dan strategi dengan implikasi masyarakat, besar hubungan antara pemboleh ubah ialah nilai korelasi perseratusnya ialah 0.631 pada tingkat kepercayaan 99 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa polisi dan strategi pembangunan keusahawanan dengan pelaksanaan P2KP dan implikasi masyarakat menuju hubungan yang sederhana.

Hal ini menunjukkan hubungan sederhana (mendekati) di antara polisi dan strategi pembangunan keusahawanan dengan implikasi menuju hubungan yang sederhana dan menunjukkan semakin tinggi tingkat kepercayaan polisi dan strategi pembangunan keusahawanan akan menjadikan semakin besar pula implikasi terhadap masyarakat bandar Cirebon dengan kecenderungan yang meningkat. Untuk lebih jelasnya dari ketiga pemboleh ubah tersebut di atas, sila rujuk jadual di bawah ini.

Jadual 4.28 Analisa Deskriptif Korelasi

Pemboleh ubah		Polisi dan Strategi Pembangunan Keusahawanan	Pelaksanaan P2KP	Implikasi terhadap masyarakat
N	Jumlah Responden	250	250	250
	Missing	0	0	0
Nilai Purata		31.1880	31.3920	30.7960
Nilai Tengah		32.0000	32.0000	31.0000
Sisihan piawai		2.38483	2.94636	2.36150
Peratus	10	28.0000	27.0000	28.0000
	25	30.0000	30.0000	29.0000
	50	32.0000	32.0000	31.0000
	75	32.0000	33.0000	32.0000
	90	34.0000	35.0000	34.0000

Sumber: Borang Soal Selidik

Jadual 4.29 Dapatan Kajian Korelasi

Pemboleh ubah	Kategori	Polisi dan Strategi Pembangunan Keusahawanan	Pelaksanaan P2KP	Implikasi terhadap masyarakat
Polisi dan Strategi Pembangunan Keusahawanan	Pearson Correlation	1	.694(**)	.631(**)
	Sig. (2-tailed)	.	.000	.000
	N	250	250	250
Pelaksanaan P2KP	Pearson Correlation	.694(**)	1	.620(**)
	Sig. (2-tailed)	.000	.	.000
	N	250	250	250
Implikasi terhadap masyarakat	Pearson Correlation	.631(**)	.620(**)	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.
	N	250	250	250

** *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).*

Sumber: Borang Soal Selidik

4.11. Kesimpulan

Dari semua dapatan kajian berdasarkan analisis deskriptif, observasi atau pengamatan dan temu bual dan kajian dokumentasi menunjukkan bahawa semakin besar peranan pelaksanaan P2KP terhadap masyarakat bandar Cirebon. Ianya mampu memberikan sumbangan bagi menyelesaikan persoalan kemiskinan yang bersifat multi dimensional dan struktur, adapun kesimpulannya sebagai berikut :

Pertama; berdasarkan hasil analisa observasi ialah dengan keberhasilan P2KP di bandar Cirebon itu, masyarakat bandar Cirebon itu khususnya para peniaga kecil telah mendapat semangat baru untuk berusaha lebih maju lagi. Ini kerana mereka berusaha untuk mengikuti dan selari dengan keusahawanan yang telah dicontohkan oleh Rasulullah SAW, meningkatnya kumpulan yang telah bekerja sebagai peniaga dan meminjam modal usahanya daripada P2KP menunjukkan bahawa meningkatnya

pendapatan dan kesejahteraan bagi masyarakat selepas meminjam modal usaha daripada P2KP, serta untuk lebih lengkapnya, sila lihat kepada lampiran.

Kedua; Berdasarkan analisis data deskriptif menunjukkan bahawa majoriti responden mengikut jantina, perempuan lebih ramai yang menjawab soal selidik berbanding responden lelaki, umur 30 tahun sampai ke atas lebih ramai yang menjawab soal selidik berbanding responden yang umur 30 tahun ke bawah. Manakala responden lebih ramai yang bekerja dalam bidang perniagaan sebanyak 207 orang atau 82.8 peratus.

Masyarakat bandar Cirebon boleh mengikuti proses dan perkembangan P2KP, dan mempunyai semangat keusahawanan yang tinggi ini sebagai bukti keberkesanannya, P2KP berjaya membentuk kumpulan peniaga sederhana sebagai bentuk metode fasiliti bagi masyarakat serta fasilitator berhasil membangun dan menanamkan pembangunan budaya keusahawanan di bandar Cirebon dan lainnya yang sudah penulis jelaskan sebelumnya.

Masyarakat dan usahawan merasa beruntung dan terbantu dengan adanya skim P2KP, budaya masyarakat menjadi aktif bekerja dan tidak selalu bergantung kepada subsidi P2KP, pinjaman perniagaan digunakan untuk modal bermula, bukan untuk keperluan harian, tidak membezakan jumlah pinjaman yang di berikan mengikut jenis perniagaan masing-masing. Seperti contoh perniagaan runcit akan berbeza jumlah pinjaman modal perniagaannya dengan kumpulan kedai makanan.

Pengaruh kerajaan dan masyarakat penerima bantuan juga mempengaruhi kecenderungan mereka terdapat tingkat kecenderungan yang positif, sedangkan dapatan

kajian kecenderungan sangat diambil berat dalam keusahawanan. Pembangunan usahawan peniaga kecil juga berasaskan pada dua hal iaitu peningkatan ekonomi dengan indikasi bertambahnya kumpulan peminjam, (lihat lampiran) pengembalian pinjaman yang terlunas dan peningkatan sumber manusia dalam bentuk kemampuan dan kesedaran mentadbir cara perniagaan dengan laporan kewangan berkelompok yang lebih baik dan bersesuaian. Upaya yang telah dilakukan oleh kerajaan dan Pihak P2KP untuk mewujudkan pembangunan keusahawanan Islam di bandar Cirebon yang mana puratanya bekerja dalam bidang perniagaan telahberjaya dengan cemerlang.

Ketiga; berdasarkan hasil kajian temubual menunjukkan bahawa pengembalian pinjaman subsidi perniagaan setuju dengan masa yang dihadkan oleh para peniaga sederhana seperti apa yang diperkatakan oleh Pengurus Jabatan Koperasi Bandar Cirebon bahawa pencapaian P2KP hanya 20 peratus yang tertunggak, sedangkan yang membayar kredit mencapai 80 peratus dan perniagaan berkembang dan meningkat bagi usahawan sederhana yang berkongsi dalam satu kumpulan selepas mendapatkan pinjaman modal daripada P2KP.

P2KP mempunyai keberkesanahan dan berimpak positif bagi masyarakat bandar Cirebon, seperti apa yang diperkatakan oleh salah satu pengurus BKM mengatakan bahawa tingkat pengembalian pinjaman kredit sangat berjaya sebanyak 96 peratus dan merupakan peningkatan yang sangat signifikan dan sangat berimplikasi bagi peniaga kecil. Maka, secara purata, skor pemboleh ubah polisi dan strategi pembangunan keusahawanan dengan pelaksanaan P2KP adalah sangat positif keberkesananya dan menghasilkan implikasi P2KP terhadap masyarakat. Berdasarkan hasil analisis deskriptif statistik korelasi pemboleh ubah antara polisi dan strategi dengan pelaksanaan

P2KP, Hal ini menunjukkan bahawa polisi dan strategi pembangunan keusahawanan dengan pelaksanaan P2KP dan implikasi masyarakat menghasilkan korelasi sederhana.

Jawaban soalan dengan pilihan satu hingga lima, dengan perincian bahawa apabila responden purata menjawab satu hingga dua bererti kurang paham, kurang tahu, kurang meningkat, dan kurang minat atau kurang berimplikasi serta kurang sedar. Apabila responden menjawab tiga mempunyai makna paham, tahu, meningkat, dan berminat atau berimplikasi serta sedar. Manakala responden menjawab empat dan lima bererti sangat paham, sangat tahu sekali, sangat meningkat, dan sangat berminat atau sangat berimplikasi serta sangat sedar. Walaupun secara mayoriti responden menjawab sangat setuju dan setuju, terdapat responden yang menjawab tidak setuju dan kurang setuju, dari hasil observasi penulis mendapati bahawa ada dua aspek bagi responden yang menjawab tidak setuju dan kurang setuju, pertama; kerana tidak tahu tentang P2KP, kedua responden tidak berminat dan tidak ambil berat dengan pembangunan keusahawanan melalui P2KP tersebut.

Kelima; berdasarkan implikasi kepada masyarakat bandar Cirebon menunjukkan beberapa impilkasinya iaitu implikasinya ialah *Implikasi Ekonomi* ialah pemberian dana bertahap P2KP di kampung Kecapi, Argasunya, Pekiringan dan Sunyaragi, didapati setelah satu tahun ada peningkatan pendapatan perniagaan. Oleh kerana dana pinjaman P2KP kebanyakannya digunakan untuk keperluan perniagaan ekonomi dan bukan digunakan untuk keperluan sehari-hari dan peningkatan jumlah KSM dan dana bertahap P2KP mampu meningkatkan jumlah modal perniagaan ekonomi KSM, di mana meningkatnya pendapatan sehingga mampu untuk memenuhi keperluan sara hidupnya sampai dengan batasan yang sesuai dan dengan ciri meningkatnya keupayaan masyarakat peniaga kecil dalam pelbagai pekerjaan dan berupaya membeli

sara hidup termasuk modal perniagaan, kekayaan sumber manusia, peralatan perniagaan.

Manakala *Implikasi Sosial* ialah manakala interaksi dan kerjasama di antara anggota KSM, dari hasil analisis datanya terdapat interaksi dan kerakanan yang terjalin di antara anggota KSM mempunyai hubungan yang erat. Masyarakat peniaga kecil telah bersatu ke dalam KSM yang sedia ada dan meningkatnya kesedaran untuk membasmi budaya kemiskinan dari dalaman yang mana telah melahirkan kemahiran sumber manusia

Sedangkan *Implikasi Budaya* iaitu para peniaga kecil yang mengikuti program P2KP dituntut untuk menerapkan nilai-nilai keusahawanan yang berprinsipkan Islam itu. Nilai-nilai dalam Islam di antaranya adalah kejujuran, kerana ia merupakan asas moraliti iman dan karakter yang sangat menonjol bagi setiap orang-orang yang beriman. Bahkan kejujuran adalah karakter atau perilaku para Rasul dalam menegakkan agama di dunia ini.

BAB V

PENUTUP

5.1. Kesimpulan

Dalam bab ini, penulis menjelaskan kesimpulan pencapaian objektif kajian, cadangan dan saranan. Dari semua hasil penyelidikan penulis laporkan sebagai berikut: *objektif pertama* iaitu membahas dan mengenal pasti tentang polisi dan strategi kerajaan Cirebon dalam membangun keusahawanan melalui Projek Pembasmian Kemiskinan di Perbandaran (P2KP) dan pelaksanaannya. Maka boleh disimpulkan bahawa sebagaimana yang penulis jelaskan dalam bab sebelumnya, bahawa, berasaskan hasil temuan melalui kajian dokumentasi, observasi, temu bual dan soal selidik mendapati bahawa di antara bandar-bandar besar di Indonesia yang mendapatkan program P2KP adalah bandar Cirebon, ianya mempunyai ramai penduduk yang masih tergolong di bawah paras kemiskinan. Sedangkan jumlah keluarga menurut tahap keluarga sejahtera atau tidak miskin di bandar Cirebon dari tahun 2004-2007 berjumlah semakin berkurangan dari 17,971 orang pada tahun 2004 kepada 16,978 orang pada tahun 2007. Justeru, keluarga sejahtera mengalami penurunan, ini bererti jumlah angka kemiskinan di bandar Cirebon semakin bertambah bukan semakin berkurangan.

Seterusnya, berasaskan hasil temuan melalui kajian dokumentasi, observasi, temu bual dan soal selidik mendapati bahawa ketua BKM telah dilantik dan terdapatnya pertemuan dengan warga kampung dengan mengundang beberapa KSM pihak kampung serta tokoh masyarakat kampung. Setelah pengurus itu dilantik, maka pengurus membuat program sebagai berikut : *pertama*, penyusunan usulan kegiatan

pekerjaan KSM. *Kedua*, penetapan usulan kegiatan KSM. *Ketiga*, pemanfaatan modal yang diperoleh dari bajet P2KP. *Keempat*, peranan ketua KSM terhadap anggota KSM dalam pelaksanaan P2KP. *Kelima*, meningkatnya pendapatan responden anggota KSM.

Hasil observasi, temu bual, dokumentasi dan soal selidik juga mendapati bahawa salah satu kegiatannya adalah mengadakan pertemuan dengan warga Kampung dengan mengundang beberapa KSM pihak kampung serta tokoh masyarakat kampung. Penjelasan tentang peranan BKM sebagai pelaksana P2KP, membentuk KSM dan kerajaan memberikan sokongan dan jaminan atas kelancaran pelaksanaan P2KP di wilayah tanggungjawabnya. Penanggung jawab pelaksanaan P2KP di tingkat Negeri adalah *Bappeda* Negeri (Badan Pengawas Pembangunan Daerah), untuk kelancaran tugasnya dapat membentuk pasukan koordinasi antara institusi atau jabatan terkait di peringkat Negeri.

P2KP adalah model pertama pembangunan di bandar Cirebon walaupun sebelumnya sudah ada skim yang dilaksanakan kerajaan dengan nama PPK, KUT dan lainnya, tetapi model yang berinovasi dalam pembangunan keusahawanan hanya terdapat dalam P2KP. Ianya diperkenalkan bermula sejak tahun 2003 di bandar Cirebon sehingga hari ini. Sebagai bukti keberkesanan bagi pembangunan keusahawanan masyarakat bandar Cirebon adalah masyarakat yang menganut agama Islam, sehingga mereka menyedari tentang kewajipan setiap manusia untuk bekerja mencari nafkah, maka program itu disambut dengan positif.

Daripada hasil dapatan kajian melalui dokumentasi, observasi dan temu bual juga mendapati bahawa untuk memastikan kelancaran pelaksanaan P2KP di wilayah

kerjanya, kerajaan Indonesia telah melantik pengerusi atau penanggung jawab pelaksanaan P2KP di peringkat bandar atau bandar raya adalah Bappeda bandar atau bandar raya. Untuk kelancaran tugasnya dapat membentuk pasukan koordinasi antara pejabat terkait di peringkat bandar atau bandar raya. masyarakat bandar Cirebon adalah masyarakat yang menganut agama Islam, sehingga mereka menyedari tentang kewajipan setiap manusia untuk bekerja mencari nafkah, maka program itu disambut dengan positif.

Masa pengembalian pinjaman subsidi perniagaan sangat lancar dengan masa yang dihadkan oleh para peniaga kecil. Justeru, pencapaian P2KP hanya 20 peratus yang tertunggak, sedangkan yang membayar kredit mencapai 80 peratus. Membayar kredit merupakan tanggung jawab bersama-sama ahli KSM, dan perniagaan industri kecil, P2KP berjaya membentuk kumpulan peniaga sederhana sebagai bentuk metode fasiliti bagi masyarakat di bandar Cirebon.

Fasilitator telah berhasil membangun dan menanamkan pembangunan budaya keusahawanan di bandar Cirebon dalam memberi tunjuk ajar tentang pembangunan keusahawanan ia adalah merupakan proses penyertaan (*empowerment*) orang-orang yang sudah mempunyai pekerjaan tetapi kurang dalam pembiayaan perniagaan, kekurangan sumber manusia dan kurang kemampuan atau keupayaan dalam mengurus bidang keusahawanan, menjadikan mereka terbuka terhadap maklumat bagaimana menjalankan keusahawanan dengan baik dan berjaya, walaupun ianya hanya dengan modal yang sangat kecil dan dari pinjaman kredit projek

Polisi dan strategi kerajaan terhadap pembangunan keusahawanan, dilakukan menerusi program P2KP dengan menggunakan berbagai-bagai metod. Salah satunya

adalah projek pembasmian kemiskinan di perbandaran yang telah dilaksanakan, sama ada memberikan fasiliti kelancaran projek mahupun dalam menyokong projek tersebut untuk dilaksanakan oleh masyarakat, sebagai asas implementasi nilai-nilai membangun keusahawanan melalui P2KP, bekerjasama dengan para pihak kerajaan dan pentadbir projek seperti fasilitator, untuk memberi tunjuk ajar kepada masyarakat yang kurang mempunyai modal perniagaan dalam bentuk KSM. Ini dilakukan dengan melaksanakan bengkel-bengkel keusahawanan atau memberikan pemahaman terhadap cara memohon subsidi modal perniagaan. Semuanya adalah bahagian daripada polisi dan strategi kerajaan dalam memberangsangkan minat keusahawanan.

Dalam pelaksanaan P2KP di bandar Cirebon ianya mampu memberikan sumbangan bagi penyelesaian persoalan kemiskinan yang bersifat multi dimensional dan struktur. Ianya mampu menyediakan kekayaan dan modal yang lebih baik bagi masyarakat miskin dalam meningkatkan pendapatannya mahupun menyuarakan aspirasinya dalam proses membuat keputusan. Pemanfaatan bajet P2KP khususnya untuk perniagaan itu diberikan secara bertahap kepada sekelompok masyarakat yang benar-benar memerlukan seperti kelompok masyarakat yang sudah mendapatkan kursus-kursus kemahiran pentadbiran perniagaan dan tentang keusahawanan, sehingga mereka dapat meningkatkan produktiviti usaha yang akan dijalankan. Peranan penggerusi KSM terhadap anggota KSM dalam pelaksanaan P2KP kerap melakukan pertemuan dan menjalinkan kerjasama dan hubungan dua hala dari sesama kelompok sehingga sesuai dengan nilai-nilai P2KP dan matlamat yang dibentuknya oleh kelompok-kelompok iaitu adanya kebersamaan antara kelompok tersebut.

Manakala secara umum, peranan asas Ketua Kampung adalah memberikan sokongan dan jaminan agar pelaksanaan P2KP di wilayah tanggungjawabnya dapat

berjalan dengan lancar sesuai dengan perundangan yang ada sehingga tujuan yang diharapkan melalui P2KP dapat tercapai dengan baik. Ketua Kampung boleh menunjuk ajar kepada masyarakat di kampungnya sesuai dengan fungsi masing-masing. Justeru secara purata, menunjukkan bahawa taklimat dan pelaksanaan P2KP di bandar Cirebon telahpun berhasil.

Sokongan pelaksanaan dan keusahawanan pembangunan melalui skim P2KP di bandar Cirebon telah terdapat sejak tahun 2003, melalui observasi dan temu bual dengan staf ahli teknikal mengatakan bahawa tugas utama KMW adalah melakukan perancangan, persiapan, pelaksanaan koordinasi, pengawasan, penyeliaan, dan pelaporan semua kegiatan pelaksanaan P2KP di Unit Wilayah Kerja (SWK). Manakala tugas asas pasukan fasilitator adalah melaksanakan tugas KMW di peringkat komuniti atau masyarakat. Serta kerajaan sentiasa memberikan kemudahan atau fasiliti untuk usahawan yang mendapat bantuan dari skim P2KP dan berdasarkan hasil observasi penulis mendapati bahawa bentuk kemudahan tersebut iaitu tempat pejabat dan dewan utama yang sedia ada untuk bengkel-bengkel keusahawanan yang membabitkan beberapa pengurus kampung dalam kursus membuat kertas cadangan pinjaman modal kewangan perniagaan.

Dari hasil observasi penulis, mendapati bahawa kerajaan memberikan perhatian dalam hal memberikan kerjasama untuk menyediakan kemudahan pelaksanaan skim P2KP, buku-buku pedoman pelaksanaan P2KP dan lainnya oleh pihak kerajaan yang memberikan taklimat berkenaan yang berhubungkait dengan pihak jawatan kuasa P2KP dan beberapa fasilitator kerana sememangnya tidak membabitkan kerajaan untuk ikut secara langsung dalam skim P2KP tersebut, tetapi ianya sebagai pihak yang saling

berkongsi sahaja. Ini menunjukkan bahawa kerajaan memberi perhatiannya untuk pelaksanaan P2KP di bandar Cirebon.

Sebagaimana hasil kajian melalui temu bual, bengkel-bengkel dilaksanakan oleh pihak P2KP, dengan dibantu oleh kerajaan bandar Cirebon bagi memupukkan semangat pembangunan keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa ikut serta membantu dalam menjelaskan dan mendidik atau intervensi kepada masyarakat bagi sesuatu projek adalah merupakan satu kewajipan. Ini kerana tanpa proses itu, pembangunan keusahawanan tidak berjaya secara seratus peratus, walaupun mereka mendapatkan bantuan kredit (P2KP).

Polisi dan strategi kerajaan bandar Cirebon terhadap P2KP dalam pembangunan keusahawanan ini merupakan sesuatu yang penting untuk menjalankan aktiviti projek secara berterusan. Maka ia dilihat sebagai langkah positif pihak Kerajaan dan P2KP di bandar Cirebon ke arah mencapai objektif utamanya, iaitu untuk pembangunan keusahawanan melalui kajian implikasi P2KP di bandar Cirebon sesuai dengan keperluan masyarakat untuk melahirkan usahawan yang berjaya dan cemerlang.

Objektif kedua, Menganalisis korelasi atau perhubungan di antara polisi dan strategi pembangunan keusahawanan dengan P2KP dan implikasi terhadap masyarakat Islam di bandar Cirebon. Skor pemboleh ubah polisi dan strategi pembangunan keusahawanan dengan pelaksanaan P2KP adalah 31.1880 dengan sisihan piawai 2.38483 dan purata skor pemboleh ubah P2KP adalah 31.3920 dengan sisihan piawai 2.94636. Manakala skor pemboleh ubah pelaksanaan P2KP dengan implikasi terhadap masyarakat Cirebon dengan jumlah 250 responden adalah 31.3920 dengan sisihan

piawai 2.94636 dan purata skor pemboleh ubah P2KP adalah 30.7960 dengan sisihan piawai 2.36150. serta skor pemboleh ubah polisi dan strategi bandar Cirebon dengan implikasi P2KP terhadap masyarakat adalah 31.1880 dengan sisihan piawai 2.38483 dan purata skor pemboleh ubah P2KP adalah 30.7960 dengan sisihan piawai 2.36150.

Berdasarkan hasil analisis deskriptif statistik korelasi pemboleh ubah antara polisi dan strategi dengan pelaksanaan P2KP, ialah nilai korelasi perseratusnya ialah 0.694 pada tingkat kepercayaan 99 peratus. P2KP dengan implikasi masyarakat ialah nilai korelasi perseratusnya ialah 0.620 pada tingkat kepercayaan 99 peratus. Serta polisi dan strategi dengan implikasi masyarakat, besar hubungan antara pemboleh ubah ialah nilai korelasi perseratusnya ialah 0.631 pada tingkat kepercayaan 99 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa polisi dan strategi pembangunan keusahawanan dengan pelaksanaan P2KP dan implikasi masyarakat dengan menghasilkan korelasi sederhana.

Hasil dari penyelidikan ini menunjukkan bahawa adanya kesan positif yang signifikan, sama ada dalam aspek ekonomi, sosial dan budaya terhadap masyarakat di bandar Cirebon. Keputusan dari penelitian ini diharapkan dapat memberikan gambaran secara umum tentang pentingnya keusahawanan terhadap masyarakat, khususnya di bandar Cirebon, untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan. P2KP, polisi strategi pembangunan keusahawanan dan implikasinya sebagai tiga pemboleh ubah perantara terbukti berpengaruh positif secara statistikal pada hubungan peniaga kecil dan masyarakat dan KSM merupakan pemboleh ubah perantara dalam kaitannya dengan hubungan peniaga kecil dan masyarakat serta nilai pembangunan keusahawanan pada masyarakat di bandar Cirebon yang dilakukan oleh kerajaan dalam bentuk projek P2KP.

Berdasarkan hasil analisis korelasi Pearson tiga pemboleh ubahan, faktor P2KP mempunyai hubungan yang signifikan terhadap masyarakat bandar Cirebon boleh mengikuti proses dan perkembangan P2KP, P2KP adalah model pertama pembangunan di bandar Cirebon, P2KP telah bermula sejak tahun 2003 dan dikenalkan di bandar Cirebon sehingga hari ini, P2KP masih dilaksanakan sehingga hari ini sebagai bukti keberkesanan pembangunan keusahawanan di bandar Cirebon. Masyarakat bandar Cirebon mempunyai semangat keusahawanan yang tinggi selari dengan P2KP. P2KP berjaya membentuk kumpulan peniaga sederhana sebagai satu bentuk metod fasiliti bagi masyarakat di bandar Cirebon. Fasilitator berhasil membangun dan menanamkan pembangunan budaya keusahawanan di bandar Cirebon dan lainnya yang sudah penulis jelaskan dalam bab sebelumnya.

Hasil keputusan daripada ujian deskriptif dan korelasi yang dijalankan menunjukkan bahawa tanggapan terhadap polisi dan strategi pembangunan keusahawanan dari kerajaan mempengaruhi kecenderungan masyarakat dengan mengambil berat terhadap pembangunan keusahawan. Manakala pengaruh kerajaan dan masyarakat penerima bantuan juga mempengaruhi kecenderungan masyarakat bandar Cirebon. Terdapat tingkat kecenderungan yang positif dari kampung masing-masing, sedangkan dapatan kajian kecenderungan sangat mengambil berat dalam pembangunan keusahawanan yang berasaskan pada dua hal iaitu peningkatan ekonomi dan sumber manusia. Faktor ini membantu masyarakat ini mengubah metod berfikir mereka dalam kecenderungan pembangunan keusahawan peniaga kecil dan lebih meningkatkan kesedaran pentingnya usahawan, walaupun masih peringkat usahawan peniaga kecil.

Objektif ketiga, Kajian ini cuba menganalisis implikasi pembangunan keusahawanan yang dilaksanakan oleh projek P2KP di bandar Cirebon dengan

mengenal pasti implikasi masyarakat Muslim bandar Cirebon serta menilai respon masyarakat terhadap langkah P2KP dalam membangun keusahawanan yang berhubungkait dengan aspek ekonomi, sosial dan budaya.

Dapatan kajian berdasarkan analisis deskriptif, observasi, temu bual dan kajian dokumentasi menunjukkan bahawa semakin besar peranan pelaksanaan P2KP terhadap masyarakat Bandar Cirebon, maka semakin besar pula implikasi dan keberkesanan peningkatan keusahawanan sama ada aspek ekonomi, sosial dan budaya. Sehingga terdapat implikasinya antara lain iaitu: *Implikasi Ekonomi*, mengalami peningkatan melalui pemberian bajet pinjaman perniagaan secara bertahap P2KP di Kampung Kecapi, Argasunya, Pekiringan, dan Sunyaragi boleh mengembangkan perniagaan ekonomi yang dilakukan oleh KSM, dicirikan dengan meningkatnya pendapatan, jumlah modal perniagaan ekonomi KSM dan meningkatnya peralatan perniagaan, sehingga mampu untuk memenuhi keperluan sara hidupnya sampai dengan batasan yang sesuai dan dengan ciri meningkatnya keupayaan masyarakat peniaga kecil dalam pelbagai jenis pekerjaan perniagaanya. Ini merupakan satu bukti yang kuat tentang hubungan peniaga kecil terhadap pembangunan keusahawanan ke atas masyarakat di bandar Cirebon.

Manakala *Implikasi Sosial* ialah masyarakat peniaga kecil telah bersatu kepada KSM yang sedia ada dan meningkatnya kesedaran untuk membasmi budaya kemiskinan dari dalaman yang mana telah melahirkan kemahiran sumber manusia. dan mampu memberikan sumbangan bagi penyelesaian persoalan kemiskinan yang bersifat multi dimensional dan struktur, khususnya yang berkaitan dengan dimensi-dimensi politik, sosial, ekonomi dan dalam jangka panjang, mampu menyediakankekayaan dan modal

yang lebih baik bagi masyarakat miskin dalam meningkatkan modal pembiayaan perniagaan dan taklimat yang meningkatkan kemahiran dalam keusahawanan

Sedangkan *Implikasi Budaya* iaitu para peniaga kecil yang mengikuti program P2KP dituntut untuk menerapkan nilai-nilai keusahawanan yang berprinsipkan Islam itu. Nilai-nilai dalam Islam di antaranya adalah kejujuran, kerana ia merupakan atas moraliti iman dan karakter yang sangat menonjol bagi setiap orang-orang yang beriman. Bahkan kejujuran adalah karakter atau perilaku para Rasul dalam menegakkan agama di dunia ini. Juga terdapat interaksi dan kerjasama yang terjalin di antara anggota KSM mempunyai hubungan yang erat. Ini kerana responden memiliki usaha yang sama dan berupaya untuk bekerjasama serta lokasinya berdekatan sedangkan anggota KSM yang lokasinya tidak berdekatan, mereka menjalin kerjasama pun menerusi kawasan yang sama dengannya.

Melalui dapatan atau hasil yang diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan ini, dapat dilihat apabila jawapan positif yang diberikan adalah lebih mendominasi daripada jawapan lain yang diberikan. Rumusannya, jika dilihat dari aspek penilaian pengembalian hutang modal perniagaan dan peningkatan kesejahteraan masyarakat peniaga kecil, secara keseluruhan responden memberikan penilaian baik kepada setiap persoalan yang dikemukakan. Ini petanda yang cukup memberangsangkan kerana purata responden boleh dikatakan meningkat perniagaannya dan mengetahui setiap proses yang sedia ada bagi pelaksanaan pembangunan keusahawanan melalui P2KP dan metode yang diajar kepada mereka.

Begitu juga responden memberikan penilaian yang baik terhadap penilaian penyampaian fasilitator. Ini membuktikan bahawa metode bukanlah penyebab utama

yang boleh diambil kira sekiranya berlaku ketidakfahaman peniaga kecil terhadap pengenalan dan proses pelaksanaan P2KP ini. Namun, sekurang-kurangnya para fasilitator itu sendiri mungkin boleh mencetuskan idea dan membuat sebarang perubahan dalam aspek penyampaian dan pengajaran demi menampung sedikit kekurangan yang ada.

Seterusnya, majoriti responden memberikan penilaian sangat memahami sama ada kepada setiap persoalan mengenai implikasi P2KP bagi masyarakat bandar Cirebon. Ia memberi kesan positif hasil daripada penilaian projek tersebut dan penilaian penyampaian fasilitator. Keberkesanan projek ini boleh dilihat menerusi kemampuan peniaga kecil dalam mengaplikasi segala metode yang diberikan kepada peniaga kecil. Segala persoalan dalam masalah kajian ini terjawab, iaitu hakikatnya projek P2KP ini mampu memberikan implikasi kepada masyarakat dan usahawan ianya mampu untuk mengaplikasi segala metod pembangunan keusahawanan yang didedahkan dan ditunjukajar kepada mereka.

P2KP mempunyai keberkesanannya dan berimpak positif bagi masyarakat bandar Cirebon di mana seramai 250 orang responden atau 84.0% menyatakan responnya sangat berimplikasi sebagaimana apa yang diperkatakan oleh salah satu pengurus BKM mengatakan bahawa tingkat pengembalian pinjaman kredit sangat berjaya sebanyak 96% dan merupakan peningkatan yang sangat signifikan dan sangat berimplikasi bagi peniaga kecil.

Dapatan kajian melalui observasi, temu bual dan dokumentasi memberikan kesimpulan bahawa *pertama*; keberhasilan projek P2KP di bandar Cirebon itu merupakan salah satu misi kerajaan pusat Indonesia sebagai wujud implikasi bagi

masyarakat bandar Cirebon, khususnya para peniaga kecil telah mendapat pembiayaan pinjaman modal perniagaan sebagai semangat baru untuk berusaha lebih maju lagi. Ini kerana mereka berusaha selari dengan keusahawanan yang telah dicontohkan oleh Rasulullah SAW.

Kedua; meningkatnya kumpulan yang telah bekerja sebagai usahawan perniagaan kecil dan meminjam modal usahanya dari pada P2KP serta meningkatnya pendapatan dan kesejahteraan bagi masyarakat selepas meminjam modal usaha daripada P2KP kerana pihak kerajaan bandar Cirebon dalam membangun nilai kesahawanan sangat menyokong dan membantu menyelesaikan masalah yang berhubung kait dengan jalannya projek serta mengawasi sumber bajet yang berjalan dengan melantik pasukan audit independen atau bukan dari kerajaan, melainkan daripada NGO atau pihak-pihak swasta dan peningkatan pembangunan keusahawanan melalui projek tersebut

Ketiga; masyarakat dan usahawan merasa beruntung dan terbantu dengan adanya skim P2KP dan budaya masyarakat menjadi aktif bekerja dan tidak selalu bergantung kepada subsidi pada skim P2KP dan pinjaman perniagaan digunakan untuk modal bermiaga, bukan untuk keperluan harian dan tidak membezakan modal pinjaman dari P2KP dan membezakan jumlah pinjaman yang diberikan mengikut jenis perniagaan masing-masing. Seperti perniagaan runcit akan berbeza jumlah pinjaman modal perniagaannya dengan kumpulan kedai makanan. Misi atau nilai-nilai yang selari dengan syariah Islam dalam membangun keusahawanan Islam dengan pelaksanaan bengkel-bengkel keusahawanan dan pembiayaan terhadap usahawan peniaga kecil dan industri kecil merupakan pelaksanaan asas dan prinsip yang diguna pakai seperti Ta'awun, amanah, bisnes atau tijarah dan lainnya.

Empat; terdapat peningkatan budaya keusahawanan, sehingga masyarakat dapat mengembalikan bantuan subsidi kewangan yang telah diberikan oleh P2KP secara berperingkat. Terjalannya hubungan yang baik dan kerja sama antara peniaga kecil, keinginan yang kukuh untuk meningkatkan keusahawanan melalui P2KP. Hasil penyelidikan ini juga menunjukkan bahawa terdapat korelasi tiga pemboleh ubah yang sangat signifikan dan mempunyai pengaruh dalam kecenderungan budaya keusahawanan.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa masyarakat memberi respon yang positif iaitu umumnya bersetuju terhadap langkah polisi dan strategi pembangunan keusahawanan melalui P2KP. Ini menandakan bahawa masyarakat Muslim bandar Cirebon menerima kerja keras, langkah tersebut dan bermakna bahawa upaya P2KP serta kerajaan untuk membangun keusahawanan tersebut mempunyai implikasi dan harapan yang cerah dan berjaya.

5.2 Cadangan dan Saranan

Kajian ini mendapati bahawa motivasi perlu diambil kira pembolehubah yang berbeza yang boleh menjelaskan kecenderungan masyarakat ini terhadap minat pembangunan keusahawanan peniaga kecil yang lebih berkesesuaian. Kajian di masa hadapan perlu melibatkan responden yang lebih banyak bagi mengharapkan respons yang lebih relevan, penyediaan skim-skim pembiayaan alternatif melalui institusi kewangan Islam, sama ada Jabatan Agama, seperti sistem bagi hasil (*Mudhârabah*) dari subsidi bergilir, sistem risiko secara bersama-sama, atau jaminan kepada tokoh masyarakat setempat sebagai pengganti jaminan dengan melaksanakan prinsip dasar syariah iaitu tanpa menggunakan kadar faedah (*interest*),

Terdapatnya sokongan terhadap upaya peningkatan kemampuan kelembagaan dan kualiti layanan lembaga kewangan mikro (LKM), penyelenggaraan kursus budaya perniagaan dan keusahawanan, serta bimbingan teknik pengurusan perniagaan. Terdapatnya infrastruktur dan jaringan penyokong bagi perniagaan mikro serta kerjasama perniagaan, memberikan fasiliti dan pemberian sokongan untuk pembentukan wadah organisasi bersama di antara perniagaan kecil atau mikro, termasuk pedagang pasar malam (pasar rakyat), baik dalam bentuk koperasi maupun persatuan perniagaan lainnya, dalam rangka meningkatkan posisi tawar menawar dan keberkesanan perniagaan, penyediaan sokongan pengembangan perniagaan mikro tradisional dan kraf tangan melalui pendekatan pembinaan pusat-pusat produk disertai dengan sokongan penyediaan infrastruktur yang makin lengkap.

Oleh kerana itu, sepatutnya projek ini patut diteruskan metodnya kepada semua peniaga kecil dalam melahirkan usahawan yang benar-benar memahami dan mampu menjalankan kerjaya menjadi usahawan yang cemerlang atau model projek ini tidak berdasarkan hanya untuk program jangka pendek tetapi untuk jangka panjang. Selain itu, ia mencerminkan ciri semangat keusahawanan yang berjaya, ini adalah satu implikasi yang sangat positif kerana pembangunan keusahawanan merupakan persoalan struktural dan merangkumi banyak aspek, seperti ekonomi, sosial dan budaya, harta benda, dan lain-lain.

Dalam kehidupan sehari-hari, aspek-aspek peniaga kecil yang mengertikan kemiskinan tersebut muncul dalam pelbagai bentuk, seperti ketiadaan modal, kesihatan kurang baik, infrastruktur yang belum lengkap dan lainnya. ciri-ciri kemiskinan akibat daripada kegawatan ekonomi yang berlaku telah menyedarkan semua pihak bahawa

pendekatan dan cara yang dipilih dalam pembasmian kemiskinan selama ini perlu diperbaiki, iaitu ke arah pengukuhan institusi masyarakat.

Kemandirian lembaga atau kumpulan masyarakat ini diperlukan dalam rangka membangun organisasi masyarakat warga yang benar-benar mampu menjadi kumpulan perjuangan peniaga kecil (miskin), yang mandiri, yang berterusan dalam menyuarakan aspirasi serta keperluan mereka dan mampu mempengaruhi proses membuat keputusan yang berkaitan dengan dasar awam di peringkat tempatan, baik dari aspek sosial, ekonomi maupun alam sekitar.

Upaya pengokohan atau memperkuat organisasi yang dibentuk oleh masyarakat yang dilaksanakan juga difokuskan dalam upaya menguatkan peranannya sebagai motor penggerak dalam membudayakan kembali nilai-nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan sebagai nilai-nilai utama yang menjadi asas aktiviti tindakan pembangunan keusahawanan oleh masyarakat sendiri di kampung mereka, sehingga diharapkan tidak ada lagi kelompok masyarakat yang masih terperdaya dalam kepompong kemiskinan.

Projek sejenisnya selain P2KP tersebut, diharapkan mampu memberikan sumbangan bagi penyelesaian persoalan kemiskinan yang bersifat multi dimensional dan struktur, khususnya yang berkaitan dengan aspek-aspek budaya, sosial, dan ekonomi, serta dalam jangka panjang, mampu menyediakan yang lebih baik bagi masyarakat miskin dalam meningkatkan pendapatannya maupun melakukan aktiviti organisasi masyarakat kampung, dengan mengamalkan secara telus dan disiplin, transperansi, dan terbuka, subsidi tersebut dimanfaatkan oleh masyarakat untuk

membaiyai kegiatan-kegiatan pembasmian kemiskinan, yang diputuskan oleh masyarakat sendiri melalui mesyuarat warga, baik dalam bentuk kredit mikro (subsidi pinjaman modal perniagaan secara bergiliran) mahupun geran untuk kegiatan yang bermanfaat langsung bagi masyarakat.

Melalui pendekatan institusi masyarakat dan penyediaan subsidi bantuan langsung kepada masyarakat kampung sasaran, P2KP cukup mampu menyokong dan menguatkan penyertaan serta minat masyarakat tempatan secara terorganisasi dalam pembasmian kemiskinan. Meskipun demikian, pengalaman P2KP menunjukkan bahawa kejayaan P2KP untuk menumbuhkan penyertaan dan membina kapasiti organisasi masyarakat tempatan, ternyata belum diimbangi dengan punca institusi tempatan tersebut, serta belum tumbuhnya inisiatif, peranan dan sokongan yang mencukupi dari pelaku-pelaku pembangunan tempatan lain, seperti pemerintah daerah, dunia perniagaan dan kumpulan pemerhati atau ahli lain seperti NGO, profesional, kerajaan, ulama. Sehingga belum terwujud kerjasama dan sokongan serta gerakan kerjasama yang kuat terhadap upaya masyarakat untuk membasmikan kemiskinan.

Oleh kerana itu, diperlukan beberapa penyempurnaan yang mampu mendorong dan menguruskan dalam bentuk lembaga, terutamanya peranan masyarakat tempatan dengan lebih mengutamakan penyertaan dan pengurusan masyarakat dalam pembasmian kemiskinan. Model tersebut diharapkan mampu membina kesedaran kritis masyarakat sehingga terdapat satu model pembangunan dari masyarakat, oleh masyarakat dan untuk masyarakat supaya dapat menjadi amalan serta membudaya dalam masyarakat. Ini bererti, projek pembasmian kemiskinan benar-benar wujud menjadi gerakan masyarakat. Lebih dari itu, kedudukan dan peranan masyarakat juga

diperkuatkan dengan membina kerjasama organisasi dan minat bersama antara masyarakat dengan kerajaan tempatan, dunia usahawan dan kumpulan pemerhati (NGO, swasta, profesional, kerajaan, ulama, dan lain-lain), sehingga pembasmian kemiskinan menjadi tanggungjawab dan gerakan bersama.

Penyempurnaan model pembangunan keusahawanan melalui projek P2KP tersebut, selanjutnya adalah pembangunan kapasiti masyarakat dan tokoh-tokoh pembangunan keusahawanan tempatan lain. Diharapkan pembangunan keusahawanan melalui projek tersebut, mampu menjadi asas tumbuh berkembangnya "gerakan masyarakat" dan "gerakan kerjasama" oleh masyarakat, kerajaan negeri dan, dunia usahawan dan kumpulan pemerhati lainnya.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim.

Sheikh Abdullah Basmeih (2002), *Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*, c.XIII. Kuala Lumpur: Darulfikir.

Kamus

Atabik Ali & Ahmad Zuhdi Muhdlor (1998), *Kamus Kontemporer Arab- Indonesia*. Yogyakarta: Yayasan Ali Maksum Pondok Pesantren Krapyak.

Amin Widjaya Tunggal (1997), Kamus Manajemen Strategi, c.1, Jakarta: PT. Rineka Putra

Cambrige International Dictionary of English (1995), c.3, New York: Cambrige University Press

Hajah Noresah bt. Baharom at al.(ed) (2000), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rujukan Berbahasa Arab

Abbas Mahmood Al- Aqqâd (tt), c. 1, *al- Tafkîr Faridah Islamiyyah*, c. 1, Mesir: Nahdah Masr

Ahmad bin Hanbal (t.t), *Musnad Ahmad*, no. Hadith 16398, c. 4, Beirut : Dar Ehya al-Turath al-‘Arabi.

Al-Imām al-Hāfiẓ Abī ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin al-Mugīrah bin Bardizbah al-Bukhārī (2000), *Sahīh al-Bukhārī*, *Kitāb al-Buyū‘*, *Bāb Kasbi al-Rajul wa ‘Amalih Biyadih*, No.2074, (*Al-Kutub al-Sittah*), c.3, Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su‘ūdiyyah: Dār al-Salām

Hāzim Bablawī (1968), *al-Taghyīr min Ajli al-Istiqrār*, c. 1, Kaherah; Dar al-Kutub al-Misriyah.

Ibnu Majah (t.t), *Sunan Ibnu Majah*, *kitab al-Tijarah*, *Bab al Hath ala al-Makasib*, no. hadith 2138, , (*Al-Kutub al-Sittah*), c.3, Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su‘ūdiyyah: Dār al-Salām

Imām al- Ghazāli (1988), *Al-Iqtisād fī Al-I’tiqād* , c.1, Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah

Muslim bin al-Hallaj (1421 H/2000 M) “*Sahih Muslim*” dalam Salih bin Abd al-‘Aziz bin Muhammad bin Ibarahim Ali al-Shayk. *Mawsu’ah al-Hadith al-Sharifah al-Kutub al-Sittah. C. 3, no. 2400, Kitab al-Zakah, Bab Karahah al-Masalah li al-Nas*, c. 3, al-Riyad: Dar al-Salam.

Rujukan Berbahasa Inggeris

Arthur A. Thompson, Jr. et. al (2007), *Crafting and Executing Strategy; The Quest For Competitive Advantage; Concept and Cases*, c. 15, Kuala Lumpur; Mc Graw Hill

Baker, Judy. (2000). *Evaluating the Impact of Development Projects on Poverty*, Washington D.C.: The World Bank

Barron Patrick, et al. (2004), *Training Manuals for the KDP and Community Conflict Negotiation Study*, Washington DC: The World Bank.

Barron, Patrick, Rachael Diprose, David Madden, Claire Q. Smith, and Michael Woolcock. (2004). “*Do Participatory Development Projects Help Villagers Manage Local Conflicts? A Mixed Methods Approach to Assessing the Kecamatan Development Project, Indonesia.*” *Post-Conflict and Reconstruction Unit Working Paper No. 9*. Revised version. Washington D.C.: The World Bank.

Bennett, Andrew, and Alexander George. (1997). “*Process Tracing in Case Study Research.*” Paper presented to MacArthur Foundation Workshop on Case Study Methods

Friend, Theodore. (2003). *Indonesian Destinies*. Cambridge, MA: Belknap Press.

Guggenheim, Scott E. (2004), *The Kecamatan Development Project, Indonesia*, in Anthony Bebbington, Scott E. Guggenheim, and Michael Woolcock (eds.) *Practical Theory, Reflective Action: Social Capital and Empowerment Strategies at the World Bank*. Forthcoming

Guggenheim, Scott E. et al. (2004), The Kecamatan Development Project, in Indonesia, Practical Theory, Reflective Action: Social Capital and Empowerment Strategies at the World Bank, *Paper Project Forthcoming*

Michael Allison (2005), *Strategic for Nonprofit Organizations* (terj), Juda Kaye, Perencanaan strategis Bagi Organisasi Nirlaba: Pedoman Praktis dan Buku Kerja, c.1, Jakarta; Yayasan Obor, h.5.

Mills, C. Wright. (1959), *The Sociological Imagination*, New York: Oxford University Press.UUM, h. 34

Nijatullah Shiddiqi (1979), Economic Enterprise in Islam, Delhi

Rafik Issa Beekun (1998) “*Islamic Business Ethics*”, Jeddah: The International of Islamic Thought.

Rao, Vijayendra and Michael Woolcock. (2003). “*Integrating Qualitative and Quantitative Approaches in Program Evaluation*”, in Francois J. Bourguignon and Luiz Pereira da Silva (eds.) *Evaluating the Poverty and Distributional Impact of Economic Policies*. New York: Oxford University Press.

Ravallion, Martin (2003) “Randomized Trials of Development Policies and Projects: Some Comments.” *Presentation to OED Conference on Randomized Evaluations, Washington*.

Robert D.Hisrich & Michael P.Peters (1995), *Entrepreneurship*, c.5, New York: Mc Graw Hill

Rosenbaum, Paul R. and Donald B. Rubin. (1985). Constructing a control group using multivariate matched sampling methods that incorporate the propensity score, *The American Statistician*

William E.Heinecke with Jonathan Marsh (2003), *The Entrepreneur*, c. 2, Singapore; John Wiley & Sons (Asia) Pte Ltd, Resived Edition

Rujukan Berbahasa Melayu/ Indonesia

A.Aziz bin Azimullah (1998), *Rahasia Kejayaan Dan Kecemerlangan Diri*, c.1, Kuala Lumpur: Putrajaya

_____(tt), *Usahawan dan Keusahawanan*, Kuala Lumpur: Prentice Hall

Ab. Aziz Yusof (2008), *Pengurusan Perniagaan Islam: Konsep, Isu Dan Pelaksanaan*, c.1, Malaysia; UUM

Abu Bakar Hamid (2005), *Keusahawanan dan Pengurusan Perniagaan Kecil*, c.1, Kedah: UUM,

Abdul Qodry Azizi (2003), *Melawan Globalisasi Reinterpretasi Ajaran Islam*, c.1, Yogyakarta: Pustaka Pelajar

Abu A’la al Maududî (2003), *Dari Neo Modernisme ke Islam Liberal*, c.1, Jakarta: Paramadina

Abu Mus’ad al-Husni (2003), *Sejarah Lengkap Nabi Muhammad SAW*, c.2, Selangor: Putrajaya.Sdn.Bhd.

Abu Yazid (2004), *Islam Akomodatif; Rekontruksi Pemahaman Islam Sebagai Agama Universal*, c. 1, Yogyakarta: LKIS

Adnan Alias et. Al. (2002), *Keusahawanan Islam*, c.1, Selangor: Prentice Hall

- Ahmad Ibrahim Abu Sin (2002), *Pengurusan Dalam Islam*, Abd Rashid Ngah Dan Jusoh Kadir (Penterjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Amin Widjaya Tunggal (1997), *Kamus Manajemen Strategi*, c.1, Jakarta: PT. Rineka Putra, h. 75.
- Ashghar Ali Enginering (terj), (1999), *Asal Usul dan Perkembangan Islam; Analisa Pertumbuhan Sosial Ekonomi*, c.1, Jogjakarta: Pustaka Pelajar
- Azyumardi Azra (2006), *Kata Pengantar Dalam Buku Bachtiar Chamsyah Dengan Tajuknya: Teologi Pembasmian Kemiskinan*, c.1, Jakarta: P.T. Wahana Semesta Intermedia
- Bachtiar Chamsyah (2006), *Teologi Pembasmian Kemiskinan*, c.1, Jakarta: P.T. Wahana Semesta Intermedia
- Buchari Alma (2005), *Kewirausahaan Untuk Mahasiswa Dan Umum*, Bandung: Alfabeta
- Burhanuddin (2003), *Syariah Pandangan Islam Liberal*, c.1, Jakarta: Sembrani Aksara Nusantara
- Chua yan piaw (2006) *Kaedah Penyelidikan*, c.1, Malaysia: Mc Graw Hill
- Dadan Wildan (2003), *Sunan Gunung Jati: Pembumian Islam Dengan Pendekatan Struktural Dan Kultural*, c.1, Bandung: Humaniora Utama Press
- Delia Noer (2003), c. 1, *Islam dan Masyarakat*, Jakarta: Yayasan Risalah
- Dewi Nurjulianti et. All (1997), *Muhammad Sebagai Seorang Pedagang*, c.1, Jakarta: Yayasan Swarna Bhumi
- Didin Hafidhudin (1995), *Peran Nilai Moral Dalam Perekonomian Islam*, (terj.), Jakarta: Robbani Press
- Durori Amin et. al (2002), *Islam dan Kebudayaan Jawa*, c.1, Jogjakarta: Geman Media
- Eko Prasetyo (2002), HAM; *Kejahatan Negara dan Imperialisme Modal*, c. 1, Yogyakarta: Pustaka Pelajar
- Franz Magnis (terj, 1992), Suseno, c. 1, *Filsafat sebagai Ilmu Kritis*, Jakarta; Kanisius
- Friend, Theodore. (2003). *Indonesian Destinies*, London: Cambridge MA Belknap Press.
- Geoffrey G. Meredith et al.(terj. 2000), *Kewirausahawan: Antara Teori dan Praktek*, c. 6, Jakarta: Pustaka Binaman Pressindo
- Hasan Hanafi (terj) (2007), *Islam dan Humanisme*, c.1, Yogyakarta: Pustaka Pelajar

Herman Soewardi (1999), *Roda Berputar Dunia Bergulir: Kondisi Baru Timbul Tenggelamnya Sivilisasi*, c.1, Bandung: Bakti Mandiri

Howard Choo (2005), Pemberian Pinjaman Bank: Penilaian dan Pengurusan, c.1.Kedah: UUM,

Hj. Muhammad Asri Hj. Hasyim (terj. 1996), Syekh Muhammad Khudari Bik, *Kitab Sirah Rasulullah S.A.W.*, c.1, Kuala Lumpur: Pustak Salam Sdn. Bhd.

Ibnu Muhammad (2002), *Kehidupan Para Khalifah Islam*, c.1, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa

Ilham B Seonong (2002), c. 1, *Heurmenetika Pembebasan*, Jakarta: Teraju

Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP

R.G. Soekadijo (1982), *Modernisasi*, (terj), c. 3, Jakarta: Gramedia

Jamil Salmi (2005), *Violence and Democratic Society* (terj), *Hooliganisme dan Masyarakat Demokrasi*, c. 1, Pilar Humania: Jogjakarta

Kuntjara Ningrat (1991), *Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Gramedia

Kuntowijoyo (1998), *Paradigma Islam: Interpretasi untuk Aksi*, c.8, Bandung: Mizan

Mahayudin Hj. Yahya (1993), *Sejarah Islam*, c. 1, Kuala Lumpur; Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Mahmood Zuhdi hj. Ab. Majid (2006), c. 2, *Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation Sdn. Bhd

Mahmud Muhammad Thaha (2003), Arus Balik Syari'ah (terj), c. 1, Yogyakarta: LKIS

Mansour Fakih (terj, 2000), dalam bukunya Epistemologi Syara' Yogyakarta: LKIS

Masdar Hilmy (2008), Islam Profetik Subtansi Agama Dalam Ruang Publik, c. 1, Yogyakarta: Kanisius

Misbahul Ulum et. al. (2007) *Strategi Pemberdayaan Masyarakat Miskin, Model-Model Kesejahteraan Sosial Islam: Model-model Kesejahteraan Sosial Islam*. Jabatan Pengembangan Islam; UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta

Moh. Nazir (2003), *Metode Penelitian*, Jakarta: Ghalia Indonesia

Moh. Tjoekam (1999), *Perkreditan Bisnis Inti Bank Konvensional*, c. 1, Jakarta: Gramedia

Muhammad Asri Hj. Hasyim (terj. 1996), Syekh Muhammad Khudari Bik, *Kitab Sirah Rasulullah S.A.W.*, c.1, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, h.195.

- Muhammad Ismail Yusanto (2006), *Menggagas Bisnis Islami*, c. 6, Jakarta: Gema Insani
- Mulyanto Sumardi et.all (1992), *Profil Propinsi Jawa Barat R.I*, c. 1, Jakarta: Bhakti Wawasan Nusantara
- Noraini Ibrahim (2002) “*Industri Francais dan pembangunan Malaysia, Singapura dan Indonesia analisis strategik*”, c. 2, Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Nor Mohamed Yakcop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, c. 1, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Nur Cholis Madjid (1992), *Islam dan Doktrin Peradaban*, c. 2, Jakarta; Yayasan Wakaf Paramadina
- PT Alex Media Komputindo (2005), *Menguasai Statistik di Era Informasi dengan SPSS 12*, c. 1, Jakarta: Gramedia
- Sabri Hj, Hussen (2002), Pengenalan Kepada Perniagaan (Mengurus perniagaan dalam perspektif Malaysia), c.1, Kuala Lumpur: Thomson Learning.
- Shaharom (1999), *Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia*, c. 2, Kuala Lumpur, Batu caves: Thinking Library
- Sidi Gazalba (1983), *Islam dan Perubahan Sosial*, c.1, yogyakarat: LKIS
- Suharsimi Arikunto (1997), *Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktek*, c.1, Jakarta: Rineka Cipta
- Syed Hussen al Attâs (1989), Mitos Peribumi Malas, c. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Syed Mohd Ghazali (2005), Pengantar Perniagaan Islam, c. 1, et al (ed). Selangor: Printice Hall.
- Taufiq Muhammad (2005) *Strategi Pengembangan UKM Pada Era Otonomi Daerah Dan Perdagangan Bebas*
- Tim Multi Media Communications, (2006), *Islamic Business Strategy for Enterpreneurship*, c.1, Jakarta: Lini Zikrul Media Intelektual
- Tim Redaktur (2006), *Madzhab Jogja ke-2*, c. 1, Yogyakarta: Fakultas Syariah UIN Sunan Kalijaga
- Winarno Surachmad (1985), *Pengantar Penelitian Ilmiah*, Bandung: Tarsito
- Zaenab Ahmad (1996), “Asas Peruncitan”, et. al (ed), c.1.selangor; Birotek.
- Zulkarnain (2006), *Kewirausahaan Strategi Pemberdayaan Usaha Kecil Menengah Dan Penduduk Miskin*, Yokyakarta-Indonesia: Adicita Karya Nusa

Disertasi

Murtadho Ridwan (2007), *Peranan Wakaf Dalam Mengatasi Kemiskinan di Jawa Tengah*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam University Malaya

Nur Kholis (2006), “*Murabahah Sebagai Instrumen Pembiayaan Islam: Konsep dan Pelaksanaannya di Baitul Mal Wa Tamwil Yogyakarta Indonesia*” Akademi Pengajian Islam University Malaya

Jurnal

Choirul Saleh (2000), “Strategi Pengembangan Perekonomian Rakyat Dan Koperasi di Daerah”. *Jurnal Administrasi Nnegara*, vol. I, nomor 1, September 200, h, 28-36

Jurnal Risalah, edisi VII, Muharram 1429 Hijriah

M. Shabri Abd. Majid dan Nasir Azis (2007), Ke arah Integrasi Ekonomi Dunia Islam: Strategi Untuk Menangani Kesan Globalisasi, *Jurnal Syariah*, APIUM, Bilangan 1, Vol.15

Nor Aini Ali et. al. (2006), Borang Soal Selidik Kepuasan Pelanggan, *Bengkel SPSS Tahap II Jabatan Syariah Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur:*

Siti Aisah Jusoh (2003), “Sumbangan Kepada Pembanguann Ekonomi Setempat: Kajain Di \Koperasi Pembangunan Daerah Padang Terap, Kuala Nerang” *Latihan Ilmiah Syari’ah, Pengajian Islam Universiti Malaya*

Siti Azura Binti Nasaruddin (2000), “Koperasi Muslim Malaysia Berhad: Satu Penilaian Dari Perpektif Islam” *Latihan Ilmiah Untuk Memenuhi Ijazah Sarjana Syari’ah, Pengajian Islam Universiti Malaya*

Kertas Persidangan

Ahmad Maslan (1987), Ahmad Maslan (1987) “Pembangunan Keusahawanan dalam wilayah-wilayah pembangunan”, kertas kerja yang dilaksanakan pada 22 hingga 24 Jun 1987 di bilik Gerakan Wisma Sri Pahang Kuantan, anjuran Kementerian Kemajuan Tanah dan wilayah, dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang

Ginanjar kartasasmita (1996), pemberdayaan ekonomi rakyat melalui kemitraan guna mewujudkan ekonomi nasional yang tangguh dan mandiri, *Kertas Persidangan nasional lembaga pembinaan pengusaha kecil, menengah dan koperasi, jakarta: 07 November1996, h.3*

Muslim Nasution (2000) Pemberdayaan ekonomi rakyat dalam konteks pembangunan nasional, *kertas persidangan pada rakernas I PINBUK se-Indonesia, dalam buku, paradigma baru ekonomi kerakyatan sistim syari’ah perjalanan gagasan dan gerakan BMT di Indonesia, c.1, Jakarta: PINBUK.*

Siddiq Fadzil, Etos Keusahawanan: Perspektif Agama dan Budaya, *Makalah Akademi Pengurusan KDH-APYAPEIM, Kuala Lumpur, tarikh 12 hari bulan Januari 2009*

Suarja W.A.R.(2006) Kebijakan Dan Strategi Penyertaan Koperasi Dan Usaha Mikro, Kecil, Dan Sederhana. *Kertas seminar Nasional di Banjarmasin, tarikh 08 Februari 2007, Jabatan Pengembangan Masyarakat Islam*

Taufiq Muhammad (2005), *Strategi Pengembangan UKM Pada Era Otonomi Daerah Dan Perdagangan Bebas*

Dokumentasi Kerajaan

Badan Pengawas Kewangan Pemerintah

Badan Perencanaan Pemerintah Daerah (*Bappeda*) Kota Cirebon

Badan Pusat Statistik Kota Cirebon (2008), *Profil Kota Cirebon Dalam Angka 2007*, c.1, Cirebon Badan Perencanaan Pemerintah Daerah Kota Cirebon

Badan Pusat Statistik Kota Cirebon 2001

Bahagian Pemerintahan Daerah (Pemda) Kota Cirebon

Bappeda Kota Cirebon Tahun 2004

Direktorat Jendral Perumahan Dan Pemukiman (2007), *Projek Pembasmian Kemiskinan Di Perkotaan (P2KP)*, Jakarta: Kementerian Permukiman Dan Prasarana Wilayah

Jabatan Keluarga Berencana dan Pemberdayaan Perempuan Bandar Cirebon

Jabatan Kependudukan dan Catatan Sipil Kota Cirebon 2008

Jabatan Perindustrian dan Perdagangan Kota Cirebon 2008

Jabatan Permukiman Sarana dan Prasarana Lingkungan (Kimpraswil) Kota Cirebon (2008)

Jabatan Tenaga Kerja dan Transmigrasi Kota Cirebon 2008.

Kementerian Pekerjaan Umum (2008), *Pedoman Pelaksanaan PNPM Mandiri Perkotaan 2008*, Jakarta: Direktorat Jendral Cipta Karya

Kementerian Permukiman Dan Prasarana Wilayah (t.t.), *Pedoman Ringkas P2KP*, Jakarta: Sekretariat P2KP Pusat

Kementerian Permukiman Dan Prasarana Wilayah (t.t.), *Pedoman Teknis P2KP Tahap II*, Jakarta:Sekretariat P2KP Pusat

Kementerian Permukiman Dan Prasarana Wilayah (t.t.), *Petunjuk teknis Pelaksana Badan KeSwadayaan Masyarakat (BKM)*, Jakarta: Direktorat Jenderal Perumahan dan Pemukiman.

Kementerian Permukiman Prasarana Wilayah (t.t.), *Informasi Ringkas Program P2KP*, Jakarta: Direktorat Jendral Perumahan Dan Pemukiman

Pasukan audit nasional P2KP Tahun 2004

Tim Pengendalian PNPM (2007), *Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat Mandiri*, Jakarta: Kementerian Pekerjaan Umum

Laman Website

<http://www.idesa.net.my>.

<http://id.wikipedia.org/wiki/Harjamukti/Cirebon>,

<http://id.wikipedia.org/wiki/Kemiskinan>,

<http://www.ilmustatistik.com/2008/11/07/analisis-korelasi-linier-sederhana/>

<http://kitausahawan.blogspot.com/2009/01/perbezaan-konsep-usahawan-dan-peniaga.html>

<http://media.isnet.org/Islam/Etc/AsalUsul.html>,

<http://rohadieducation.wordpress.com/pengertian-wiraswasta>

<http://www.cirebon.go.id>

http://www.geocities.com/agus_lecturer/kewirausahaan/definsi_kewirausahaan.htm,

<http://www.moe.edu.my/> Definisi Usahawan,

http://www.moe.edu.my/Takrif_Keusahawanan,

<http://www.p2kp.org>

<http://www.pnppm.org>

<http://www.ybk.org.my>

www..com/deputi

www..com/deputi7/file_makalah/penyertaan_kumkm.htm,

www.cirebon.go.id

[www.google.com/image/kota cirebon](http://www.google.com/image/kota_cirebon)

www..com/deputi7/27/11/2009

www.smecka.com/deputi7/file/infokop

Temu bual atau Temuramah

Temu bual dengan Bapak Abdul Fattah, Team Leader Jawa Barat (Konsultan Manajemen Wilayah) pada tanggal 17 Oktober 2008, di Pejabat P2KP Bandung Jawa Barat

Temu bual dengan Bapak Dedi Fachruddin Kepala Dinas Koperasi Kota Cirebon, Pada Tanggal 2 Mac 2009 Di Cirebon

Temu bual dengan Bapak Hairin, Pengurus P2KP Kordinator Kota Cirebon, 20 Oktober 2008

Temu bual dengan Bapak Heru Hartono pada tarikh 24 Oktober 2008, pengurusi bahagian kementerian Bappeda kerajaan Bandar Cirebon di pejabat walikota Cirebon

Temu bual dengan Ibu Devi Yulianti pada tarikh 28 Oktober 2008, di pejabat P2KP Bandar Cirebon

Temu bual dengan Ibu Dwi Ekawati pada tarikh 25 Oktober 2008, pengurus P2KP di pejabat P2KP Bandar Cirebon

Temu bual dengan Ibu Iroh Rohaeti, staff ahli teknikal P2KP pada tarikh 26 Oktober 2008 di Pejabat KMW 5 bandar Cirebon

Temu bual dengan Kepala Dinas Permukiman Sarana Dan Prasarana Bahagian Bandar Kota Cirebon Pada tarikh 04 Mac 2009

Temu bual dengan Kepala Dinas Permukiman Sarana Dan Prasarana Wilayah Kota Cirebon Pada Tanggal 4 Mac 2009

Temu bual dengan Pengurus Badan Keswadayaan Masyarakat (BKM) Kampung Sunyaragi Cirebon Pada Tanggal 21 Oktober 2008

Temu bual Dengan Pengurus Badan Keswadayaan Masyarakat (BKM) Kampung Sunyaragi Cirebon Pada 21 Oktober 2008

Temubual dengan beberapa pengurus BKM (Badan Ke-Swadayaan Masyarakat) Bandar Cirebon di pejabat pada tarikh 20 Oktober 2009 sehingga 27 Oktober 2009.

Lampiran i

SOALAN-SOALAN PENYELIDIKAN Polisi Dan Strategi Pembangunan Keusahawanan Melalui Projek (P2KP) Projek Pembasmian Kemiskinan di Perbandaran Kajian Implikasi Masyarakat Islam Di Cirebon, Jawa Barat, Indonesia.

Bahagian A: Profil Responden

Arahan: Bahagian ini adalah pertanyaan mengenai identitas pribadi responden. Diharapkan anda dapat memberikan informasi data diri anda dengan menandakan (✓) pada kotak yang sedia ada.

1. Nama :
2. Nama Usaha :
3. Jenis Kelamin : 1 Lelaki 2 Perempuan
4. Umur : 1 18-20 tahun 2 21-25 tahun
 3 26-30 tahun 4 30 tahun keatas
5. Pekerjaan : 1 Pegawai Kerajaan 2 Usahawan 3 Pelaut
6. Jenis Usaha : 1 Perniagaan 2 Pertanian 3 Home Industry
 4 Nelayan 5 Jasa

Bahagian B: P2KP dan Metode Pembangunan Keusahawanan di Bandar Cirebon

Arahan: Tandai jawaban anda dengan menggunakan tanda (✓) pada kotak yang berkenaan perkara-perkara berikut berdasarkan skala di bawah ini:

- 1 = sangat tidak setuju
2 = tidak setuju
3 = kurang setuju
4 = setuju
5 = sangat setuju

No	Perkara	Skala				
		1	2	3	4	5
1	Masyarakat Bandar Cirebon boleh mengikuti proses dan perkembangan P2KP					
2	Masyarakat Bandar Cirebon mengetahui secara pasti projek P2KP					
3	P2KP adalah model pertama pembangunan keusahawanan di Bandar Cirebon					
